

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 15)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2003	(Halaman 15)
Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2003	(Halaman 36)
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003	(Halaman 72)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P., S.S.A.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. D.C.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S., S.S.A.P. (Selayang)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P. (Semporna)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, D.M.S.M. (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	kosong (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P., D.M.S.M. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Dato' Haji Amihamzah bin Ahmad, D.I.M.P. (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)

Yang Berhormat	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)

Yang Berhormat	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N., S.I.M.P.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman**Penolong Setiausaha**Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng**PETUGAS-PETUGAS****UNIT CETAK**Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor**JURUBAHASA SERENTAK**Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed**BENTARA MESYUARAT**Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PERUNDANGAN**Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Rabu, 29 Oktober 2003

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Tenaga Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan penggunaan telefon di kawasan luar bandar dan apakah perancangan kementerian merapatkan jurang komunikasi dan maklumat antara bandar dan luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua. Kementerian ini memang peka dan tetap memberikan keutamaan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi negara bagi faedah penduduk-penduduk di seluruh negara. Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan penggunaan telefon di luar bandar dan kawasan pedalaman, dengan izin, *unserved areas* ialah penyediaan infrastruktur dan kemudahan perkhidmatan komunikasi dalam program celik IT bagi penduduk-penduduk kawasan berkaitan.

Penggunaan telefon talian tetap di seluruh Malaysia pada Jun tahun ini ialah 4.62 juta atau 18.4% kadar penebusan kepadatan penduduk negara ini. Manakala jumlah pengguna telefon bergerak bersel, dengan izin, *mobile phone* ialah 9.931 juta atau 39.6% kadar penebusan.

Dalam usaha membolehkan masyarakat luar bandar menikmati perkhidmatan telekomunikasi lebih sempurna, kerajaan dan pihak syarikat pembekal perkhidmatan telekomunikasi telah mengambil langkah untuk mengenakan kadar sewa bulanan talian telefon yang lebih rendah kepada para pelanggan di lokasi ibu sawat telefon yang mempunyai kapasiti tidak melebihi 1,000 talian. Kadar sewa rendah tersebut ialah RM13 sebulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan memperluaskan lagi pemberian kemudahan telefon di kawasan luar bandar dan pedalaman yang mana perkhidmatannya boleh di *access* oleh pengguna pelbagai teknologi dan sistem digunakan untuk dimanfaatkan oleh penduduk-penduduk tempatan. Dalam hal ini, Telekom Malaysia Berhad telah membekalkan sebanyak 447 unit telefon solar di sembilan buah negeri iaitu di Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah.

Telefon solar adalah telefon yang menggunakan kuasa suria dan biasanya digunakan untuk perkhidmatan telefon awam. Beberapa teknologi dan sistem telefon tanpa wayar, dengan izin, *wireless* yang lain juga digunakan bagi memberikan kemudahan perkhidmatan telefon di kawasan luar bandar serta kawasan pedalaman. Antaranya ialah seperti berikut:-

- (i) CDMA - Code Division Multiple Access;
- (ii) MARS - Multiple Access Radio System;
- (iii) VSET - Very Small Aperture Terminal;

- (iv) Single Channel /Small Capacity Radio; dan
- (v) Wireless in Local Loop, dengan izin, WiLL.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam usaha merapatkan jurang komunikasi dan maklumat di kawasan luar bandar kementerian telah melaksanakan pelbagai program di antaranya ialah program Internet Desa dan program Pemberian Perkhidmatan Sejagat. Program-program ini dilaksanakan secara berterusan. Di samping itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah mengenal pasti tiga daerah sebagai *unserved areas*, dengan izin, dengan tujuan penyediaan infrastruktur dan pemberian perkhidmatan komunikasi dan multimedia untuk tahun 2003.

Daerah-daerah ini ialah Julau di Sarawak, Kinabatangan di Sabah dan Yan di Kedah. Pelaksanaan projek-projek ini telah bermula dan dijangka siap sebelum akhir tahun ini. Selain itu, pihak SKMM juga sedang meninjau beberapa daerah lain bagi melaksanakan program ini. Projek-projek tersebut dibiayai melalui dana USP yang diperolehi dari sumbangan syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan komunikasi.

Pada masa ini, kementerian dalam proses melaksanakan projek *School Net* yang merupakan kerjasama tiga buah kementerian iaitu Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan.

Projek ini dijangka dilaksanakan sebelum akhir tahun 2003 dan akan siap pada tahun 2004. Apabila siap kelak projek ini akan dapat memberi manfaat kepada 10,000 buah sekolah dan 5 juta orang pelajar. Semua sekolah akan disambung kepada Internet dan diuruskan di dalam satu rangkaian *school net*. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita dengar apa yang dibaca oleh *Parliamentary Secretary* tadi saya rasa memang mengagumkanlah tetapi realitinya Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya 120 buah rumah panjang dan kampung, susah hendak fikirilah, susah hendak fikir. Jadi, satu lagi persoalan yang saya tanya dengan kementerian ini, kalau dia membaca sahaja statistik berhubung dengan *penetration* telefon dan sebagainya, dirangkum semua bandar dan luar bandar memang tidak realistik. Kita kena mengagihkan yang luar bandar itu satu maklumat dan yang bandar itu satu maklumat.

Kalau dalam bandar ini satu rumah sampai 10 telefon pun ada, tetapi di luar bandar 10 buah rumah panjang satu telefon pun tidak ada. Jadi, ini persoalannya, jangan ceritalah *local loop radio*, *wireless* apa benda itu tidak payah cerita Yang Berhormat. Mana duit sumbangan daripada *universal fund* itu dan macam mana pihak suruhanjaya ini mengendalikan wang ini dan berapa banyak kah dana ini telah disalurkan kepada luar bandar dan untuk dilaksanakan untuk penyampaian kemudahan-kemudahan perhubungan di luar bandar, terutama sekali di negeri-negeri yang terpencil, sebagaimana Yang Berhormat sendiri mempunyai maklumat-maklumat yang tertentu.

Tiga tahun Yang Berhormat, semua orang akan ke belakang, orang luar bandar, orang kampung, orang Melayu, orang bumiputera semua akan tertinggal di belakang, 10 tahun akan datang kita kubur semua dia orang. Jadi, saya berharap Yang Berhormat jangan cakap-cakap sahaja di sini, minta tolong jawab baik-baik sedikit.

Beberapa Ahli: Ha! *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, statistik memang adalah untuk keseluruhannya dan tidak untuk sesuatu rumah panjang atau sesuatu daerah dan sebagainya. Walaupun hendak dibahagi pun boleh tetapi statistik biasanya untuk keseluruhannya, kalau kita ingin tahu dengan lebih teliti mengenai jurang digital boleh bagi statistik atau yang lain, kerana mengikut kajian yang telah dijalankan terdapat bahawa memang ada jurang digital dari segi *infrastructure*, dari segi komunikasi dan dari segi telekomunikasi dan inilah yang dinamakan akses.

Jadi, kalau kita gunakan *indicator* seperti telefon tetap andai katanya, jurang digital mengikut *indicators* ialah untuk bandar boleh dikatakan 23% penebusan atau *penetration rate*, tetapi untuk talian tetap di luar bandar cuma 12%, itu kalau *indicator*. Kalau ikut *cellular* mungkin jurang digital mungkin lebih luas lagi. Kalau untuk *cellular*, untuk bandar

50% dan untuk luar bandar cuma 20%. Ini dari segi telekomunikasi tetapi kalau gunakan *indicator* seperti komputer, komputer peribadi dalam bandar kita dianggap 20% sahaja dan di luar bandar 4% penebusan, ini *indicator*. Kerajaan memang sedar bahawa memang ada jurang digital oleh sebab itu banyak usaha, kerja dan projek pun telah dijalankan termasuk jurang digital dari segi Internet kerana penebusan untuk Internet atau pelanggan Internet di bandar ialah 16%, tetapi di luar bandar cuma 2%.

Dari senarai-senarai projek-projek yang saya menyenaraikan tadi memang semua projek adalah untuk merapatkan jurang digital ini. Banyak projek khas untuk projek luar bandar, jadi untuk Sarawak tahun yang lalu 110 sekolah telah dilaksanakan dengan projek USP, di mana setiap kampung ataupun setiap sekolah di pedalaman di beri perkhidmatan dari segi *public phone*, telefon awam dan talian akses Internet dan sebagainya. Tetapi kalau kita memperluaskan projek ini dan mendahului *school net* diharapkan bahawa 10,000 sekolah ini akan menjadikan pusat bagi kampung-kampung atau kawasan pedalaman untuk mendapatkan akses. Akses ini bukan akses biasa, tetapi akses dari segi jalur *broadband*, dengan izin, sekian terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selamat pagi dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Telefon adalah alat komunikasi yang terpenting di waktu ini dan saya memang hendak ucap tahniah kepada...

[Dewan menjadi riuh dengan ketawa seketika]

Penyoal asal Dato' Haji Amihamzah, sebenarnya dia baru dapat kurniaan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang minggu yang lalu, jadi kita ucap tahniah kepada Yang Berhormat. *[Tepuk]* Dan sebab pentingnya, ia menjadi alat perhubungan yang paling mudah. Oleh sebab itu, menjadi alat yang digunakan oleh setiap keluarga. Saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua, caj panggilan ini siapa yang menentukan kementerian atau syarikat-syarikat telefon ini? Telefon selular ini atau telefon mudah alih ini? Atau atas perundingan dua pihak dalam perundingan ini bagaimana pertimbangan kementerian, apakah kementerian hanya menimbangkan kadar keuntungan syarikat-syarikat ini tanpa memerhatikan kepentingan rakyat. Ini satu rumah, anak ada, orang rumah ada, banyak bil yang kena bayar ini oleh ketua keluarga, beratus-ratus jadi jumlahnya. Sudah menjadi satu bebanan tambahan dalam rumah tangga, jadi soalnya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalnya Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh atau tidak caj panggilan ini dikurangkan? Dikurangkan, dikurangkan semimum yang boleh kerana penggunaan ini begitu ramai, jadi kalau sedikit pun keuntungan syarikat ini akan mendapat keuntungan yang besar juga. Jadi, tidak bolehkah tanpa mengetepikan tanggungjawab sosial ini, syarikat-syarikat ini menurunkan atau kementerian mencari jalan menurunkan kadar bayaran ini kepada yang lebih rendah? Itu satu, itu satu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ini pelik. Kalau kita berada di luar negeri, kita di panggil oleh orang tempatan, bil itu kita kena bayar. Ini wakil rakyat kena Tuan Yang di-Pertua, waktu saya di Tokyo orang panggil dari kawasan, ya.

Dato' Kamarudin bin Jaafar: Biasalah panggil dari jauh....*[Sambil bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Ini juga jadi rungutan rakan-rakan yang lain, saya tidak kisah bukan saya bangkitkan hal saya, tetapi sebagai contohlah macam orang lainlah Tuan Yang di-Pertua, bil kena bayar ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat ini panjang sangatkah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi itulah soalan, itu soalan, Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan terima kasih Setiausaha Parlimen kalau dapat menjawab soalan ini, terima kasih. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Kaji, kaji!

Tuan Chia Kwang Chye: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, kalau jawapan yang senang saya akan kajilah, tetapi Tuan Yang di-Pertua, pihak kami memang sedang mengkajinya. Tetapi sebelum saya menjawab soalan, saya ingin menerangkan bahawa perkhidmatan telefon atau telekomunikasi dahulu adalah dalam jenis monopoli. Cuma satu syarikat yang memberi perkhidmatan. Tetapi untuk memberi pendekatan yang baru kita ambil pendekatan di mana diharapkan bahawa monopoli tidak diwujudkan dan tidak dibenarkan. Melalui persaingan ini diharapkan bahawa pengguna-pengguna mempunyai pilihan yang pertama diharapkan dengan persaingan harga caj diturunkan dan akhir sekali diharapkan bahawa mutu perkhidmatan dipertingkatkan.

Inilah pandangan yang diharapkan dari industri perkhidmatan atau industri komunikasi. Tetapi caj telefon ini untuk talian tetap memang ditentukan oleh kerajaan dan setakat ini kerajaan melalui Telekom Malaysia Berhad mempunyai beberapa pakej mesra dan pakej untuk luar bandar, di mana caj untuk sebulan adalah cuma setengah daripada caj biasa. Tetapi caj untuk telefon bimbit ini mengikut persaingan dan mengikut syarikat-syarikat telekomunikasi atau syarikat pemberian perkhidmatan itu dan memang ada banyak perkhidmatan dan caj yang diberi oleh syarikat-syarikat komunikasi telefon bimbit termasuk pakej *prepaid* dan sebagainya.

Inilah pandangan saya setakat ini. Jadi diharapkan bahawa dengan ini harga caj untuk telefon bimbit makin turun sehingga kadang-kadang ada syarikat-syarikat yang tidak mempunyai caj sebulan dan sebagainya. Tetapi baru-baru ini, kerajaan di bawah satu *exercise* penyemakan semula atau *tariff rebalancing*, dengan izin, telah mengadakan satu *charge* untuk panggilan antarabangsa dan juga untuk panggilan domestik atau *national call*. *Charge* yang dikenakan adalah paling rendah yang memberikan penurunan harga sebanyak 66 peratus. Akhir sekali untuk panggilan dari Tokyo. Kalau Tokyo, pada hemat saya tidak ada GSM di Negara Jepun.

Oleh sebab itu, kemungkinan tidak ada perkhidmatan *roaming* dengan Malaysia. Tetapi sesiapa yang ingin mengadakan perkhidmatan *roaming* dan kalau di negara lain memang *charge* dikenakan kepada orang yang memerlukan atau membenarkan perkhidmatan *roaming* itu. Oleh sebab itu, maka *charge* bagi *roaming* dikenakan. Jadi, kalau tidak mahu *dicharge*, jangan 'on'kan terus telefon. [Ketawa] Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) apakah sebab-sebab projek perumahan yang dimajukan oleh *Green Crescent Resources Sdn. Bhd.* di Serdang Perdana, Seri Kembangan terbengkalai dan apakah tindakan akan diambil terhadap pemaju bagi menjamin hak dan kepentingan pembeli rumah tersebut; dan
- (b) bilakah projek yang terbengkalai ini akan dipulihkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian (a), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyenaraikan projek perumahan Serdang Perdana yang dimajukan oleh *Green Crescent Resources Sdn. Bhd.* di bawah status projek terbengkalai. Projek ini terbengkalai kerana:

- (i) pembinaan paip pembedungan awam untuk menyalurkan air kumbahan ke loji *Indah Water Konsortium (IWK)* di Sungai Besi yang pada ketika ini masih dalam pembinaan kerana melibatkan kos yang tinggi, iaitu sebanyak RM11 juta. Di samping itu, pembangunan projek ERL atau *Express Rail Link* melewati proses pembinaan paip pembedungan awam tersebut. Bagaimanapun, rancangan pembinaan paip pembedungan awam

tidak dapat diteruskan apabila sebahagian pemaju lain di kawasan tersebut tidak mahu memajukan kawasan mereka dalam waktu yang terdekat. Masalah ini berjaya diselesaikan pada bulan Ogos 2001 apabila *Green Crescent Resources Sdn. Bhd.* mendapatkan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan untuk membina loji pembetungan sendiri;

- (ii) pembinaan projek sambungan bekalan air atau *water tapping* alternatif daripada Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur yang melibatkan kos tambahan sebanyak RM500,000. Di samping itu, pemaju juga menghadapi masalah mendapatkan kelulusan daripada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk kerja-kerja *pipe jacking* merentasi Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur. Masalah ini berjaya diselesaikan pada Januari 2002;
- (iii) projek perumahan Serdang Perdana tidak dapat diteruskan apabila pengurusan Danaharta Nasional Berhad meletakkan *holding company* iaitu Heap Aik Construction Bhd. di bawah *special administrator* melalui notis yang dikeluarkan pada 1 April 2002. Notis tersebut turut melibatkan projek perumahan Serdang Perdana kerana *Green Crescent Resources Sdn. Bhd.* merupakan salah satu anak syarikat Heap Aik Construction Bhd.

Bagi menjawab persoalan bahagian (b) pula, *special administrator* bagi *Heap Aik Construction Bhd.* telah mengeluarkan tender terbuka cadangan pemilikan saham *Green Crescent Resources Sdn. Bhd.* pada 14 Julai 2003. Pada 28 Ogos 2003, *special administrator* bagi *Heap Aik Construction Bhd.* telah menganugerahkan pemilik saham *Green Crescent Resources Sdn. Bhd.* tersebut kepada Prinsip Tech (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Temasya Jaya Sdn. Bhd. Dengan perkembangan ini, Prinsip Tech (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Temasya Jaya Sdn. Bhd. di bawah pemantauan *special administrator* bagi *Heap Aik Construction Bhd.* akan menyambung semula dan memulihkan projek perumahan Serdang Perdana setelah mendapatkan kelulusan daripada *Securities Commission* dan juga *Foreign Investment Committee* dan juga agensi-agensi lain yang berkaitan.

Dalam satu mesyuarat pada 13 Oktober 2003, pihak-pihak yang berkenaan telah bersetuju untuk menyesuaikan mekanisme bagi membolehkan kerja pemulihan dimulakan secepat mungkin, dan pihak SPN iaitu Syarikat Perumahan Negara, telah bersetuju membantu proses pemulihan ini dari segi memberikan nasihat teknikal bagi pihak-pihak yang akan terus menjalankan tugas, iaitu Prinsip Tech dan Temasya Jaya Sdn. Bhd. Sekian.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan panjang lebar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu, saya ingin bertanya, kalau masalah teknikal telah menjadikan projek perumahan terbengkalai, apakah sebab pentadbir khas dilantik oleh Danaharta Sdn. Bhd. untuk menguruskan syarikat tersebut? Kalau Danaharta Sdn. Bhd. terlibat dengan perkara ini, ia adalah berkaitan dengan kewangan, tidak ada kaitan dengan soal teknikal.

Itu sebab saya tanya, cara manakah untuk memberi jaminan kepada 1,400 pembeli yang sudah menunggu selama dua tahun ini, di mana *charge* faedah bank dari pinjaman yang diambil, terus dikenakan tanpa sekatan selama tempoh dua tahun itu. Bolehkah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi bantuan supaya bank-bank yang mengeluarkan pinjaman kepada pembeli-pembeli ini dapat mengurangkan *charge* faedah bagi tempoh dua tahun projek itu terbengkalai?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, ini adalah sebahagian daripada mekanisme perbincangan pemulihan projek ini kerana kita ingin menentukan mekanisme yang boleh disetujui oleh semua pihak, bukan sahaja oleh pihak pembeli tetapi juga pihak yang akan memulihkan projek ini, iaitu Prinsip Tech Sdn. Bhd. dan Temasya Jaya Sdn. Bhd., kerana mereka yang mengambil alih projek ini dan mereka memang mengharapkan untuk mendapat juga sedikit-sebanyak keuntungan dalam usaha ini. Sebab itulah kita akan

terus menjadikan mekanisme yang sesuai, mekanisme yang boleh disetujui oleh semua pihak.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Projek di Serdang Perdana ini lambat dijalankan disebabkan ada sebab-sebab teknikal, tetapi saya ingin bertanya mengenai projek yang tidak terlibat dengan sebarang masalah teknikal. Misalnya, di Taman Mengkibok yang dimajukan oleh Syarikat Success Villa di Villa kawasan saya di Kluang.

Jadi, saya ingin tanya kepada kementerian, adakah satu tempoh ataupun *time frame* untuk kementerian menyelesaikan masalah-masalah projek perumahan yang tidak terlibat dengan segala masalah teknikal. Cuma mungkin kerana masalah kewangan. Jadi ikut kementerian ini, kalau terdapat pemaju seperti itu memajukan kawasan ini, adakah cara lain untuk kementerian membantu pembeli-pembeli yang sudah tiap-tiap bulan membayar kepada bank tetapi harapan tidak ada untuk mendapatkan rumah mereka ini?. Jadi, secara umumnya saya minta kementerian memberi jawapan bagaimana untuk membantu pembeli-pembeli di kawasan tersebut. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap projek yang terbengkalai ini memang ada sebabnya. Kebanyakan projek terbengkalai ialah sebab masalah kewangan. Yang kita tahulah dalam tahun 1997, kita menghadapi masalah kewangan. Banyak projek-projek yang sekarang disebut sebagai terbengkalai itu adalah sebab masalah yang dihadapi oleh pemaju dalam masa apabila negara kita menghadapi masalah kewangan.

Mengenai *time frame* ini Yang Berhormat, setiap projek ini perlu dihad, dikaji latar belakangnya dan macam mana projek itu boleh diselesaikan dari segi usaha-usaha pemuliharaan adalah berbeza. Berbeza sebab *time frame* ini tidak dapat ditentukan oleh semua projek. Tetapi saya rasa kalaulah semua pihak termasuk pihak pembeli ini ingin hendak lihat projek itu dipulihkan dengan baik, maka ada mekanisme yang boleh menentukan kejayaan sesuatu usaha pemuliharaan itu.

Oleh sebab itulah, maka saya dalam kementerian ini Jawatankuasa Pemantauan dan Pemuliharaan itu sedang sibuk untuk berbincang dengan pengusaha-pengusaha dan juga pemaju-pemaju berkenaan supaya kita boleh memulihkan projek-projek yang terbengkalai sedaya upaya setakat mana yang kita dapat. Saya pun sudah menjawab dalam Dewan yang mulia ini, pihak Syarikat Perumahan Negara (SPN) adalah bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan kementerian saya untuk menjalankan tugas ini setakat mana yang kita dapat iaitu daripada persetujuan semua pihak yang berkenaan. Sekian.

3. **Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sejauh manakah langkah yang telah diambil bagi pembinaan jambatan yang menyambungkan Langkawi dengan daratan Semenanjung Malaysia. Adakah satu kajian kemungkinan telah atau akan dibuat bagi meninjau kesan-kesan pembinaan jambatan tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk membina jambatan bagi menyambung Pulau Langkawi dengan daratan Semenanjung. Oleh yang demikian, kajian kemungkinan terhadap kesan-kesan pembinaan jambatan tersebut tidak berbangkit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Dr. James Dawos Mamit.

[Soalan No. 4 - Y.B. Dr. James Dawos Mamit (Mambong) tidak hadir]

5. **Tuan Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang kerajaan-kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kini baki keseluruhan hutang kerajaan-kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat pada akhir tahun-tahun yang berkenaan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
2000	RM 9,792 juta
2001	RM 10,340 juta
2002	RM 11,310 juta
31 Julai 2003	RM 11,596 juta

Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron: Terima kasih, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat senaraikan atau sebutkan negeri-negeri yang paling banyak mempunyai hutang dan paling banyak tunggakan hutang dalam tempoh berkenaan?

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat yang ingin mengetahui senarai yang berhutang dengan Kerajaan Persekutuan sehingga sekarang ini.

Negeri	Jumlah
Kedah (sehingga Julai 2003)	RM 1,557 juta
Sarawak	RM 1,463.1 juta
Negeri Sembilan	RM 1,312.3 juta
Pahang	RM 1,284.4 juta
Selangor	RM 1,056.8 juta
Terengganu	RM 871.2 juta

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Hashim bin Ismail: Pun banyak ini. Ini kira *top five*. Kelantan – RM720.2 juta. Saya rasa negeri-negeri lain tidak perlu saya sebut.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak dengar angka-angka juga. Jangan bising. Saya hendak dengar. Jangan bising.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya rasa untuk itu, negeri-negeri di tahap yang paling banyak hutangnya adalah negeri-negeri tersebut. Dari segi tunggakan, saya tidak ada pecahan tunggakan tetapi dari segi keseluruhannya tunggakan setakat ini ialah lebih kurang RM 1.5 bilion, ertinya tuntutan yang sepatutnya dibayar tetapi tidak dibayar oleh kesemua negeri-negeri ini. Langkah-langkah sedang diambil untuk memastikan bahawa masalah tunggakan ini dapat diatasi. Terima kasih.

Tuan Amar bin Haji Nik Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada negeri-negeri yang berhutang dengan Kerajaan Pusat untuk membayar gaji kakitangan-kakitangan negeri. Minta Setiausaha Parlimen nyatakan negeri-negeri berkenaan yang berhutang untuk membayar gaji kakitangan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Negeri-negeri yang mendapat pendahuluan, dalam konteks ini ialah negeri-negeri seperti Johor, Sabah.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Hashim bin Ismail:negeri Johor, Sabah dan juga Pahang serta Perlis. Tetapi saya hendak maklumkan Yang Berhormat, saya belum habis lagi Yang Berhormat, negeri-negeri yang memohon untuk mendapatkan pendahuluan ini tidak ditafsirkan sebagai mengalami kekurangan dalam akaun mengurus.

Beberapa Ahli: *[Mengganggu]*

Tuan Hashim bin Ismail: Dengar dahulu Yang Berhormat. Ia tidak ditafsirkan sebagai negeri-negeri yang tergolong sebagai mengalami kekurangan dalam akaun mengurus atau defisit tetapi merupakan bantuan dalam bentuk pinjaman tanpa faedah sementara menunggu pungutan hasil atau cukai dan sebagainya untuk menampung kos pengurusan, bukan defisit.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa tanpa tujuan untuk mengungkit Yang Berhormat dan menyebut-nyebut kebaikan yang telah kerajaan lakukan, ada satu negeri pada tahun 2001 mengalami defisit sebanyak RM36.1 juta dan Kerajaan Persekutuan di atas dasar perikemanusiaan, timbang rasa telah memberikan secara percuma, membantu negeri yang defisit itu. Negeri itu ialah Kelantan.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Tuan Hashim bin Ismail: Negeri-negeri yang empat itu yang saya sebutkan tadi bukan defisit, ia sementara sahaja, ia akan bayar balik. Tetapi yang RM36.1 juta oleh Kelantan ini tidak dibayar balik, bagi percuma sahaja. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan amat prihatin dan walaupun kita berlainan ideologi, walaupun Kelantan diperintah oleh pembangkang tetapi rakyat Kelantan tetap hampir dan dekat di hati Kerajaan Persekutuan. Terima kasih, Yang Berhormat.

6. **Tuan Liew Tech Chan [Gaya]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah projek menaikkan taraf kereta api negeri Sabah dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM383 juta untuk program pemodenan kereta api negeri Sabah. Di antara kerja-kerja yang akan dilaksanakan adalah kerja-kerja membaik pulih dan mempertingkatkan keupayaan landasan yang meliputi sejauh 134 kilometer, pengukuhan dan membaikpulihkan jambatan-jambatan, kerja-kerja ukur tanah, reka bentuk, perparitan dan pembinaan 13 bangunan stesen serta stesen persembayanan dan komunikasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja menaik taraf kereta api negeri Sabah telah bermula pada tahun ini.

Datuk Robert Lau Hoi Siew: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, sampai sekarang negeri Sarawak masih belum ada kereta api. Bilakah Kerajaan Persekutuan boleh membina satulah, dari Sibu ke Kuching dan Sibu ke Miri. Sekian.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Setakat ini kerajaan belum ada apa-apa rancangan untuk membina kereta api di negeri Sarawak.

Tuan Liew Tech Chan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih kepada ucapan kepada soalan yang dijawab tadi, tetapi memang kita sedia maklum di negeri Sabah kerana setakat ini, kalau dibandingkan dengan Semenanjung dan negeri lain, tahap kereta api memang ketinggalan jauh. Walau bagaimanapun, ramai penduduk di kawasan pedalaman setiap hari masih menggunakan kereta api dari kawasan masing-masing ke Bandar Raya Kota Kinabalu.

Saya diberitahu juga kerajaan memang menghadapi kerugian setiap tahun. Jadi, soalan tambahan saya, saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara ini adakah benar atau tidak atau sebaliknya? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya pun tidak berapa faham soalan Ahli Yang Berhormat, apa yang benar atau tidak, tetapi saya cuba menjawab.

Yang pertama, memang standard kereta api negeri Sabah adalah tidak begitu baik, itu sebab kerajaan bersetuju untuk memberi peruntukan, misalnya kelajuan sekarang adalah had kepada 50 kilometer satu jam dan di tempat 'core station' adalah 30 kilometer satu jam dan kita berharap dengan adanya pemodenan dan kelajuan ini dapat ditambahkan kepada 100 kilometer satu jam. Jadi, kereta api dengan lebih laju, kita berharap ramai lagi penumpang-penumpang dapat menggunakan kereta api ini.

Begitu juga Kementerian Pelancongan Negeri Sabah juga telah mengadakan beberapa program untuk menarik pelancong-pelancong untuk menggunakan kereta api ini dan kita berharap dengan pembaharuan atau pemodenan ini dibuat, prestasi kereta api negeri Sabah dapat bertambah baik.

7. **Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dalam proses pengambilan doktor asing mengambil masa berbulan-bulan memandangkan kekurangan doktor di negara ini dianggap kritikal terutamanya doktor pakar.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, SPA tidak mengambil masa berbulan-bulan dalam proses pengambilan doktor asing. Proses pengambilan pegawai perubatan kontrak di luar negara, melibatkan beberapa aktiviti dan agensi kerajaan iaitu Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kesihatan dan SPA sendiri. Fungsi dan agensi terbabit dalam proses pengambilan pegawai perubatan kontrak di luar negara adalah seperti berikut:-

- (i) Kementerian Luar Negeri. Ia menguruskan iklan kerjasama Pejabat Kedutaan Malaysia dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia. Iklan disiarkan satu hari dan tarikh tutup penerimaan borang permohonan adalah tiga minggu dari tarikh iklan disiarkan;
- (ii) Kementerian Kesihatan. Ia menguruskan menyemak borang permohonan yang diterima daripada Pejabat Kedutaan Malaysia dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, ia mengambil masa satu hingga empat bulan.

Selain dari itu, Majlis Perubatan Malaysia (MMC) yang membuat pendaftaran calon mengikut Akta Perubatan 1971 mengambil masa satu hingga dua bulan. Kementerian Kesihatan pula kemudiannya akan mengeluarkan surat penempatan kepada calon dalam tempoh satu hingga tiga bulan selepas surat tawaran dikeluarkan.

SPA pula menguruskan surat panggilan temuduga yang memerlukan tempoh satu bulan agar surat tersebut sempat sampai kepada calon. Selain itu, SPA juga perlu menentukan pusat temuduga, bilik temuduga dan kemudahan bilik penginapan di hotel dengan kerjasama Pejabat Kedutaan Malaysia dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di negara berkenaan.

SPA telah mempercepatkan proses pengambilan dengan membuat tawaran perlantikan kepada calon yang berjaya sehari selepas temuduga berakhir.

SPA dengan Kementerian Kesihatan telah bersetuju bagi mempercepatkan urusan pengambilan pegawai perubatan di luar negara berdasarkan carta-carta aliran yang disebutkan tadi.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Terima kasih kepada jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin tahu, setakat ini berapa ramai bilangan doktor asing termasuk doktor pakar yang berkhidmat dengan hospital kerajaan di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak dan bagi mereka yang ditugaskan di hospital kerajaan di luar bandar, adakah kementerian memberi kursus terutamanya tentang bahasa tempatan supaya mereka dapat berhubung ataupun bertutur dengan baik terutama dengan para pesakit dan bilakah negara kita tidak lagi bergantung atau tidak mengambil doktor dari luar negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita mempunyai seramai 144 doktor pakar. Apa yang disoalkan oleh Yang Berhormat tadi, kerajaan memang sedang berusaha menguruskan masalah penggunaan bahasa dan sebagainya. Masalah yang timbul di luar bandar yang tidak dapat kita penuhi adalah disebabkan oleh ramai daripada pegawai perubatan dan sebagainya, apabila kita tempatkan mereka khususnya di Sarawak dan di Sabah, mereka enggan pergi ke tempat tersebut.

Namun begitu, perkara ini dapat saya buktikan kerana ramai pegawai perubatan, contohnya di Lembah Kelang sendiri, semua yang kita tawarkan di Lembah Kelang memenuhi 100% jawatan kekosongan. Sekian.

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, adakah Jabatan Perdana Menteri mencadangkan kepada SPA supaya gaji doktor-doktor tempatan dan asing dinaikkan supaya masalah kekurangan dan pengambilan doktor tidak ditimbulkan lagi.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Setakat ini, gaji bagi doktor tempatan sendiri, kita telah pun menaikkan, umpamanya, gred 41, gaji permulaan bagi Siswazah Ijazah Sarjana Muda Perubatan ialah sebanyak RM2,972 dan bagi gred 44 ialah RM5,888.90 dan bagi gred 48 ialah RM7,349.15 dan gred 52 ialah RM7,916.21 dan gred 54 ialah RM8,692.52 sen. Bagi sektor swasta, kita tidak dapat angka kerana pihak swasta menggajikan pekerja-pekerja mereka berbeza-beza mengikut saiz atau lokasi hospital dan klinik masing-masing.

8. **Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah khususnya langkah untuk mengatasi masalah kekurangan maktab latihan atau institut perguruan prasekolah yang serius pada masa kini yang menyebabkan kelayakan guru-guru prasekolah tidak dapat dipertingkatkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah dengan mengadakan latihan dan kursus kepada guru terlatih yang mengajar di kelas prasekolah. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini, kita mempunyai seramai 2,996 orang sehingga 31 Julai, 2003 ini. Itu yang kita kata guru yang kita latih untuk memastikan supaya kualiti itu sentiasa teratas. Selain daripada itu, kita juga mempunyai perancangan pada masa hadapan. Bagi tujuan tersebut juga, kementerian melalui Bahagian Pendidikan Guru telah melaksanakan pelbagai Kursus Pendidikan Prasekolah. Antaranya ialah:

- (i) Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) tiga tahun untuk guru praperkhidmatan;
- (ii) Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) 14 minggu untuk guru terlatih; dan

- (iii) Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) dua minggu khas untuk Guru Pendidikan Islam.

Untuk makluman, melalui kursus-kursus tersebut, guru telah didedahkan kepada pelbagai kaedah terbaru dalam aspek pedagogi, kemahiran berfikir serta cara-cara mengeksploitasi pelbagai kecerdasan murid ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *multiple intelligence*. Usaha-usaha tersebut diyakini dapat meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Walaupun tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah beritahu, banyak latihan telah diberi kepada guru pendidikan prasekolah, tetapi pada hakikatnya ada lagi banyak guru tadika swasta tidak dapat dilatih dan ada banyak lagi tadika swasta telah menjalankan pendidikan prasekolah secara tanpa izin selama ini. Kalau kerajaan betul-betul menjalankan penguat kuasa, besar kemungkinannya banyak tadika swasta ini tidak dapat memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan dan tidak dapat melaksanakan pendidikan prasekolah ikut kurikulum yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan pendidikan prasekolah terus terjejas. Oleh itu, apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu mereka, memandangkan tadika swasta ini telah banyak menyumbang kepada pendidikan prasekolah selama ini, sebelum Kementerian Pendidikan memulakan pendidikan prasekolah di sekolah rendah ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Di sini, harus saya jelaskan terlebih dahulu perbezaan antara *kindergarten* dan prasekolah, yang mana yang sesetengahnya ialah mengendalikan *kindergarten* iaitu taman asuhan kanak-kanak yang mana mereka belum lagi mencapai umur setahun sebelum memasuki alam persekolahan darjah satu. Kita kena faham terlebih dahulu, taman asuhan kanak-kanak dan prasekolah, yang mana, prasekolah ialah kita beri peluang kepada anak-anak muda ini setahun sebelum memasuki alam persekolahan.

Sebab itu, kita sekarang sedang mengembangkan lagi sekolah-sekolah dan juga kalau saya diizinkan, malah kita sudah mempunyai pada tahun hadapan sahaja, kita akan tambah lagi daripada yang kita ada sekarang, kepada 500 buah kelas prasekolah lagi, khususnya kepada sekolah-sekolah luar bandar. Mengenai dengan pendidikan prasekolah swasta, saya tidak menafikan sesetengahnya mempunyai kualiti yang tinggi. Itu yang saya fahamkan tetapi, dengan bayaran yang begitu tinggi, sesetengah.....

Puan Chew Mei Fun: Sorry, boleh saya tambah sedikit? Bukan, pada pandangan saya ini khas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Puan Chew Mei Fun: Bukan Tuan Yang di-Pertua, ini penting

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini jawapan.

Puan Chew Mei Fun:kerana tadika itu *kindergarten*, iaitu prasekolah. Kalau tidak, asuhan itu *nursery*. Oleh itu, ia tidak sama *nursery* dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Biar Setiausaha Parlimen habiskan jawapan.

Seorang Ahli: Ya, habiskan jawapan.

Puan Chew Mei Fun: *No, this one is.....[Bercakap tanpa pembesar suara]* Saya jelaskan, okey. Kerana ini.....*[Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen tidak ada jawapan lagi.

Puan Chew Mei Fun: Bukan, *nursery* ini iaitu asuhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini mana satu Peraturan Mesyuarat.

Puan Chew Mei Fun: Ia di bawah Kementerian Perpaduan. Kementerian Perpaduan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Oleh itu, pada peringkat awal, saya cuba jelas kepada Yang Berhormat, bahawa kita harus bezakan antara *kindergarten* dan prasekolah, itu yang pertama. Memang saya akui sesetengah daripada sekolah swasta yang mengendalikan kursus prasekolah ini adalah mempunyai kualiti yang begitu baik. Ada, saya tidak menafikan. Tetapi, ia punya bayaran begitu mahal kadangkala. Oleh yang demikian, ada pihak daripada kalangan kita, tidak dapat membiayai anak ke sekolah-sekolah ini. Oleh yang demikian, kita pihak kerajaan juga sedang mengendalikan kursus-kursus prasekolah, malah pada tahun hadapan dan mulai sekarang ini, kita cuba melatih guru KPLI iaitu guru yang berijazah mengendalikan prasekolah. Ini menunjukkan kita hendak meningkatkan tahap, mutu pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah. Itu yang saya hendak nyatakan.

Keduanya juga, kita beri prasekolah ini bukan sahaja kepada sekolah kebangsaan. Saya tegaskan di sini lagi sekali, kita berikan juga prasekolah ini kepada SJK(C) dan SJK(T). Ini hendak menunjukkan bahawa, kita lagi sekali kerajaan tidak mendiskriminasi. Malah, saya hendak tunjuk juga kepada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat masih tertarik, sila buat rujukan kurikulum prasekolah kebangsaan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Di sini juga, kalau tidak silap saya, ada kurikulum bahasa Cina pun ada. Saya tidak boleh baca dalam bahasa Cina, saya minta jiran saya tolong baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya fikir perkara ini tidak timbul daripada Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Sorak*]

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Ya, tidak apalah. Hah, di sana hendak sorak apa? Dan juga keduanya, kalau kita ambil huraian, tidak saya hendak jelas, ada pihak-pihak yang mengendalikan tadika tadi, mengajar perkara-perkara yang tidak baik, perturunkan nilai-nilai yang tidak baik.

Manakala, kita dalam buku kita, huraian kurikulum ini, [*Menunjukkan sebuah buku huraian kurikulum*] menyatakan nilai berkaitan diri dengan masyarakat sebagai contoh. Tetapi, ada orang buat kelas-kelas yang rendah ini di kampung-kampung, suruh membencikan kerajaan. Apakah perkara-perkara ini nilai yang baik. Inilah parti-parti yang menjualkan nilai yang buruk kepada anak-anak ini. Terima kasih. [*Dewan gamat seketika*]

Seorang Ahli: Betul, betul, betul.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Ini cerita-cerita guru-guru di maktab perguruan dan sebagainya. Saya dapati sejak akhir-akhir ini disiplin murid agak teruk. Cuma saya hendak bertanya boleh atau tidak kementerian untuk pengambilan guru di maktab perguruan ikut sedikit macam tentera. Tentera kalau dia hendak ambil, diambil kira berat badan, ketinggian - berapa kaki. Jadi cikgu-cikgu yang ada sekarang ini murid tidak takut kerana saiz badan guru rendah dan kecil. Saya dapat tengok. Kadang-kadang saya tengok besar anak saya pula. Jadi boleh atau tidak bagi pengambilan guru-guru ke maktab ini diikuti saiz tentera. Jadi bila cikgu masuk, murid takut. Sekarang murid tidak takut. Jadi kita ubah sistem pengambilan guru salah satu daripada syaratnya, tinggi mesti tinggi macam sayalah sekurang-kurangnya, berat okeylah. Kalau tidak murid kecil benar, cikgu pun takut dengan anak murid. Jadi macam mana. Boleh beri pandangan yang baik di bulan-bulan Ramadan ini, jawab yang baik-baik sahajalah.

Seorang Ahli: Okey.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, perkara itu kita tidak susah dalam pengambilan guru iaitu dari segi kelayakan. Pertama, kita gunakan kelayakan, keduanya, mereka itu sihat. Sihat bukan sahaja dari segi fizikal tetapi sihat dari segi mental. Yang ini kita hendak. Kita tidak hendak guru-guru kita yang kurang sihat mental. Itu dia. Kalau cadangan Yang Berhormat tadi ini, saya rasa bagi tentera memanglah kita perlu itu tetapi dalam untuk hendak mengajar ini, kita pilih calon-calon yang mempunyai minat untuk jadi guru. Keduanya, cara mereka hendak menyampaikan mata pelajaran mereka itu boleh berkesan atau tidak.

Jadi dalam pengajaran jadi seorang guru, dia tidak menurut saiz badan kecualilah guru yang hendak mengambil mata pelajaran senaman sekolah – *physical education* itu mungkin memerlukan saiz badan yang sesuai. Itu pun kita kira dia sihat sahaja. Terima kasih.

[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat] tidak hadir]

10. **Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said [Kota Belud]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan program-program yang telah dilaksanakan dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan sektor bioteknologi terutamanya di Sabah dan Sarawak sejak pelancaran Rancangan Malaysia Kelapan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Direktorat Bioteknologi Kebangsaan (Biotech) yang bertanggungjawab bagi memastikan aktiviti bioteknologi di negara ini berjalan lancar telah menggariskan beberapa strategi bagi membangunkan bidang bioteknologi di negara termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak.

Antaranya ialah membangunkan kerjasama penyelidikan dengan organisasi penyelidikan, meningkatkan keupayaan penyelidikan dalam bidang-bidang strategik bioteknologi, program pembangunan sumber manusia dan mengadakan perkongsian pintar dengan institusi penyelidikan luar negara. Peranan bagi membangunkan bidang bioteknologi juga turut dimainkan juga oleh lain-lain kementerian, agensi serta sektor swasta mengikut bidang masing-masing. Ini adalah kerana bidang bioteknologi merupakan satu bidang *multidiscipline* dan menyentuh pelbagai aspek kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) di negara ini diselenggarakan oleh kementerian ini melalui pemberian *grant* R & D. Di bawah aktiviti ini kementerian juga turut memberikan peruntukan dalam bentuk *grant* kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang bioteknologi perubatan dan marin. Untuk makluman Yang Berhormat, UNIMAS telah dilantik sebagai Pusat Koperatif Bioteknologi Perubatan bagi menyelaras penyelidikan dalam bidang bioteknologi perubatan.

Selain dari itu, kementerian ini juga dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia juga telah melaksanakan program promosi bioteknologi ke sekolah-sekolah termasuk di Sabah dan Sarawak dengan tujuan memberi kesedaran kepada pelajar dan guru-guru mengenai kepentingan bioteknologi. Bagi memastikan pembangunan bioteknologi di negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak dibangunkan secara terancang.

Majlis Biodiversiti dan Bioteknologi Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meminta supaya setiap negeri yang mempunyai kelebihan strategik mewujudkan jawatankuasa bioteknologi, biodiversiti di peringkat negeri. Setiap perkembangan dan kemajuan aktiviti oleh negeri perlu dilaporkan kepada jawatankuasa di peringkat negara untuk tujuan penyeragaman dan pemantauan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan menyediakan peruntukan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan melalui mekanisme yang ditetapkan oleh kerajaan.

Untuk makluman selanjutnya, program promosi bioteknologi di sekolah-sekolah telah dilancarkan pada 27 Oktober 2001 di Sekolah Kebangsaan Sarikei, Sarawak. Seramai 400 pelajar dari 14 buah sekolah menengah di daerah Sarikei telah terlibat. Manakala pada 18 April 2003, program yang sama telah diadakan di Sibu sempena dengan pelancaran buku Bioteknologi Wawasan. Sementara di Sabah pula, kementerian ini dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah telah mengadakan program promosi ke sekolah-sekolah pada 23 dan 24 Ogos 2003, di sekitar Pantai Barat, Kota Kinabalu dan di SMK Taungusi, Kota Belud. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selesaikan masa kita untuk soal jawab lisan.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

Tuan Kerk Kim Hock: Peraturan. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 26(1)(p). saya ingin menarik perhatian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 26....?

Tuan Kerk Kim Hock: (1)(p) Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada satu perbuatan yang menghina Dewan dan juga menjatuhkan maruah Dewan yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi Tanjong Karang di mana semalam selepas kita telah menganggap selesai selepas beliau meminta maaf atas tuduhan DAP adalah 'Kafir Harbi', beliau telah keluar dari Dewan dan mengatakan kepada akhbar *New Straits Times* dan kalau saya baca di sini: "*Ask whether he had retracted what he has said early on DAP being kafir harbi, he said I ask for forgiveness and did not retract what I have said*".

Kalau kita merujuk kepada sentimen dalam *court*, kita tidak boleh kata sedemikian. Dan saya tahu dahulu apabila Yang Berhormat bagi Kinabatangan membuat suatu permintaan maaf dalam Dewan ini kemudian beliau keluar dan membuat kenyataan yang bercanggah dengan apa yang dia kata, Tuan Yang di-Pertua telah mengarahkan dia membuat permintaan maaf yang kedua. Jadi atas isu ini saya rasa kalau itulah betul yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya rasa dia telah menghina Dewan.

Saya telah sediakan satu usul tetapi saya sanggup kalau dia sudi membuat permintaan maaf yang kedua, yang menunjukkan kejujuran dia, saya akan tangguhkan usul tersebut. Kalau tidak, saya rasa kita harus merujuk dia kepada Committee of Privileges. Bermakna kalau dia tidak ada, saya minta supaya Timbalan Yang di-Pertua boleh merujuk kepada Tuan Yang di-Pertua atas *precedent* yang telah berlaku yang telah saya sebutkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang saya bersetuju. Oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kini tidak ada di Dewan yang mulia ini, maka terpaksa saya rujuk balik kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya akan rujuk balik.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG
AKADEMI UNDANG-UNDANG MALAYSIA 2003****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Akademi Undang-undang Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2003****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) Tahun 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN PILIHANRAYA
(PINDAAN) 2003****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2003 ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[28 Oktober 2003]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab sekiranya ada ke atas perbincangan pindaan dalam peringkat Jawatankuasa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya jawapan telah tamat semalam. **[Disampuk]**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal-fasal 4 dan 5 seperti yang dipinda jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 6 dan 7 -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

11.10 pagi

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan fungsi Pasukan Penguat Kuasa. Yang saya hendak tanya ialah adakah Pasukan Penguat Kuasa ini berkuasa untuk memberhentikan majlis jamuan makan malam yang dianjurkan semasa pilihan raya kecil atau pilihan raya umum dan memang dianjurkan oleh Parti Barisan Nasional.

Saya memang telah membawa satu kes aduan kepada SPR berkenaan dengan lima majlis jamuan makan malam di mana kad-kad jemputan diberikan secara percuma kepada ahli-ahli pertubuhan dan juga pengundi-pengundi. Ini terang-terang adalah satu *electoral fraud* tetapi nampaknya sehingga hari ini walaupun kita telah merdeka 40 tahun, SPR tidak dapat menyelesaikan masalah ini. Jadi, saya ingin tahu sama ada pasukan ini boleh memberhentikan kegiatan ini.

Yang kedua ialah berkenaan fungsi pasukan ini untuk memberhentikan penceramah-penceramah sekiranya mereka didapati mengeluarkan kata-kata yang tidak mematuhi peruntukan undang-undang. Saya telah berkata bahawa inilah buku panduan Pasukan Penguat Kuasa kempen pilihan raya yang telah diedarkan kepada semua parti politik.

Kalau saya menjadi anggota Pasukan Penguat Kuasa ini, saya rasa susahlah saya hendak melaksanakan tugas saya. Saya rasa tidak munasabah kalau ada Ahli Parlimen di kalangan ini termasuk Yang Berhormat bagi Tambun yang telah menimbulkan sangsinya bahawa mereka boleh menjalankan tugas dengan efektif dan adil, manakala pihak kerajaan mengatakan kita cuma menduga sahaja.

Ini bukan jawapan yang harus kita terima. Parlimen ini ada tanggungjawab untuk meluluskan sesuatu undang-undang yang boleh betul-betul dilaksanakan dengan efektif dan bukan untuk menyusahkan sesiapa yang akan melaksanakan tugas mereka. Jadi, saya terasa tidak begitu munasabah kalau kerajaan ini adalah yang baru. Kita bila buat undang-undang, mesti tahu apa yang akan berlaku dan kalau begitu ramai Ahli Parlimen termasuk daripada pihak Barisan Nasional telah menimbulkan kesangsian mereka, saya rasa kerajaan hendaklah membuat sesuatu dan semalam saya kata kalau, saya hendak tanya berkenaan isu semalam kalau seseorang menyebut DAP adalah kafir harbi, apakah tindakan pasukan ini? Berhentikan penceramah itu atau buat laporan polis atau tahan dia serta merta?

Yang pertama, erti tak [Ketawa] Itu perkataan kafir harbi. Saya masuk net, saya cari, saya pun terperanjat. Ini dalam Inggeris, "*Belligerent infidels, hostile to the Muslim can be killed*" Ini yang saya rasa sedihlah bila kita timbulkan sesuatu yang begitu serius tetapi ada orang yang main api dengan isu ini dan bila sudah minta maaf tak jujur pun. Jadi, itu sahaja setakat ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

11.14 pagi.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada pindaan Seksyen 27D, muka surat 5 dan yang berkaitan termasuk B dan juga D berkenaan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk merupakan bidang kuasa bagi penguat kuasa ini.

Saya telah membangkitkan semalam tetapi bagi huraian yang lebih spesifik dalam pindaan-pindaan ini kononnya kita akan *regulate* perbuatan-perbuatan parti politik supaya kita dapat menyelia perjalanan pilihan raya secara yang tenteram dan diharapkan dengan itu kita akan mencapai keputusan dengan lebih saksama bagi parti-parti yang bertanding.

Pada asasnya pindaan ini akan memberikan kelebihan kepada kerajaan di mana medium-medium yang lebih berkesan dalam mempengaruhi pengundi akan dibiarkan bebas dan tidak dimasukkan dalam *clause* ini untuk sama-sama dipantau. Kita semua tahu bahawa selain daripada ceramah yang terhad audiens dan kempen-kempen yang dijalankan di kawasan-kawasan pilihan raya oleh tiap-tiap parti politik, kita juga didedahkan kepada pengaruh media yang lebih berkesan dan jauh lebih meluas iaitu termasuk media cetak, akhbar-akhbar arus perdana dan juga media elektronik seperti televisyen dan sebagainya. Saya merujuk kepada sebuah buku yang ditulis Syed Aidid, saya harap SPR dapat membaca buku ini bagi memahami secara ilmiah kajian yang telah dibuat oleh ahli akademik negara kita sendiri, satu kajian menyeluruh tentang bentuk dan isi kandungan media-media di sepanjang tempoh pilihan raya bermula daripada Dewan Rakyat dibubarkan sehingga hari pengundian.

Buku tersebut bertajuk *Peranan Media Masa Dalam Pilihan Raya Umum* oleh Syed Arabi Aidid – pensyarah daripada UKM pada waktu itu dan sekarang mungkin di UIA. Dalam konklusi yang dibuat dalam buku ini, bersekali dengan statistik, pada tiap-tiap hari dalam kempen pilihan raya di dapati bahawa berita-berita Barisan Nasional menguasai 70% daripada kandungan akhbar berkaitan dengan pilihan raya.

Berita-berita bagi parti PAS dan DAP dan parti pembangkang yang lain adalah sangat minimum. Selain daripada itu apabila dipecahkan lagi 70% tadi *content* nya hampir 100% adalah dalam bentuk positif kepada Barisan Nasional dan hampir 70% adalah bentuk negatif bagi parti-parti pembangkang.

Ini yang berlaku. Itu tidak termasuk RTM dan saya rasa untuk berlaku adil, kalau kita baca semula petikan ucapan menteri yang membentangkan berkaitan dengan undang-undang ini, pada tahun 1988 beliau telah berucap dalam Dewan ini yang berbunyi berkaitan dengan media sahaja, "...tidak cukup dengan selaran-selaran media massa, perhimpunan rasmi seperti SEMARAK dijadikan alat memaki hamun terhadap mereka yang berjuang terhadap pemulihan perjuangan Melayu asal itu, hinggakan bangunan Angkasapuri iaitu tempat RTM beroperasi pun dililit dengan kain hitam mewujudkan dua tempat yang hitam di dunia ini, di mana bangunan yang dililit hitam pertama di Kaabah dan kedua di Angkasapuri." Selain daripada beliau juga telah menyebut di Dewan ini, yang saya petik hanyalah berkaitan dengan media. Sebilangan besar para editor yang mengarang surat khabar kita pada hari ini bergantung nasib kepada kuasa politik yang meletakkan mereka di kerusi editor itu, timbullah berita dan liputan picisan yang langsung tidak memberi peluang kepada pihak lain menyuarakan kebenaran dalam sesuatu isu.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Ini adalah petikan daripada ucapan membentangkan rang undang-undang ini yang pada saya dengan itu memberikan mutu bahawa ia adalah petikan yang memberi kebenaran iaitu media secara berleluasa digunakan oleh satu pihak untuk menyerang lawannya dalam pilihan raya tetapi ini tidak dimasukkan dengan secara khusus ataupun di *regulate* kan secara khusus sebagai satu kesalahan.

Saya merujuk kepada negara-negara yang amalan demokrasinya jauh lebih baik termasuk di Britain, umpamanya BBC Tuan Pengerusi, mereka telah mempunyai apa yang dipanggil sebagai *Broadcasting during election, Chapter 34* yang bermaksud ialah *guidance for all BBC program makers during the general election campaign* dengan izin, Tuan Pengerusi.

Sebagai satu contoh, *there is no area of broadcasting where the BBC's commitment to impartiality is more closely scrutinize than in reporting election campaigns* iaitu semasa kempen pilihan raya, BBC akan mengawal *programmers* mereka dan siaran TV atau siaran media mereka secara yang lebih tersusun melalui bukan sahaja undang-undang tetapi mengikut BBC selain daripada *chart and agreement, commitment is govern not by election law but by the provision on impartiality.*

Jadi, secara dalaman, BBC menganut fahaman bahawa mereka mestilah bebas daripada dijadikan alat oleh pihak tertentu semata-mata semasa kempen pilihan raya. Ini di UK, BBC, di sebuah negara yang pada kita bukan mengamalkan dasar-dasar Islam tetapi mereka mempunyai dasar-dasar yang jauh lebih baik dalam pengendalian pilihan raya.

Oleh kerana itu, mengapa tidak dalam pindaan ini kerajaan memasukkan sama pengawalan terhadap media yang jauh lebih penting dan mustahak untuk dikawal termasuklah RTM itu sendiri, TV3, NTV7 dan surat khabar-surat khabar. Kita semua tahu dalam negara kita surat khabar arus perdana dikuasai oleh parti-parti politik, yang terakhir penguasaan parti politik ialah ke atas *Nanyang Siang Pau* dengan *Sin Chew Jit Poh* melalui pembelian yang kontroversial sehingga MCA berpecah menjadi dua, satu team 'A', satu team 'B'.

Ini semua diketahui oleh umum, bahkan semasa penguasaan oleh team 'A' ke atas surat khabar ini, team 'B' telah memprotes kerana pada pandangan mereka, walaupun dalam satu parti, iaitu parti MCA, dan dalam satu gabungan, iaitu gabungan Barisan Nasional satu sikap tidak adil dalam pemberitaan akan berlaku iaitu terhadap team 'B' oleh team 'A'.

Apatah lagi dalam parti politik yang merebut kuasa. Selalu disebut dalam dewan ini bahawa negara kita telah mengamalkan demokrasi dengan memberikan contoh bahawa ada pihak daripada parti pembangkang memenangi pilihan raya. Tetapi ukuran demokrasi yang mutlak ialah apabila parti-parti yang bertanding mempunyai peluang yang sama untuk membentuk kerajaan, bukan sahaja untuk hantar satu, dua orang dalam Dewan ini tetapi yang lebih penting ialah untuk memberikan peluang, mereka membentuk kerajaan.

Bagaimana mereka akan membentuk kerajaan jika padang perlawanan sudah dikuasai sebelah pihak, oleh satu pihak yang lain? Bukan itu sahaja yang mustahak, bukan sahaja peluang yang adil untuk negara kita menikmati kerajaan yang bersih apabila sesebuah kerajaan yang telah ditolak oleh rakyat, rakyat diberikan peluang tanpa dipengaruhi dan kita semua tahu dalam pilihan raya, permainan yang paling utama sekali ialah permainan mental dan minda.

Sesuatu pihak yang menguasai minda akan menguasai peti undi. Apa yang dipangkah ataupun diundi oleh para pengundi ialah apa yang tertanam dalam minda mereka dan ini semua dalam perang psikologi moden dimainkan oleh media-media termasuk oleh pengiklanan.

Di dalam buku Syed As-Arabi juga telah dikupas berkenaan dengan iklan-iklan oleh parti-parti politik, di mana

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita dalam jawatankuasa, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sebab itu dalam peringkat dasar saya tidak cagak, Tuan Pengerusi. Dalam peringkat jawatankuasa ini saya mengharapkan kerajaan memasukkan media sebagai satu daripada pihak yang perlu dipantau selain daripada ceramah-ceramah umum iaitu dalam pindaan Seksyen 27C, iaitu boleh memberhentikan mana-mana ucapan, tetapi bagaimana kita hendak berhentikan ucapan Perdana Menteri yang menjadi Presiden UMNO yang disiarkan oleh RTM pada waktu itu.

Kita boleh memberhentikan ceramah Yang Berhormat Datuk Dr Hasan Ali di Parit Buntar, tetapi ini disiarkan oleh RTM, disiarkan di seluruh negara, macam mana kita? Kesannya kepada rakyat, kesannya kepada para pengundi, dan ini telah berlaku. Ini telah berlaku berasaskan kepada kajian yang telah saya sebutkan tadi. Bukan satu hipotesis, akan berlaku, tetapi telah berlaku, jadi amalan kita. Kalau kita kata, pindaan ini adalah untuk menjamin pilihan raya yang bebas, mana bebasnya kalau media telah dikuasai oleh satu pihak.

Jadi, sebab itu saya mencadangkan kepada kerajaan memasukkan satu pindaan lain iaitu media masa juga harus dikawal dan dipantau termasuk siaran-siaran ucapan para pemimpin dan iklan-iklan yang disiarkan oleh surat khabar-surat khabar. Bahkan kalau kita lihat sekarang ini pun, iklan telah pun dinaikkan di sesuatu tempat. Kalau kita pergi melalui lebuhraya ke KLIA, kita akan lihat, iklan ini ditaja oleh Renong, oleh syarikat-syarikat swasta. Kononnya mereka ini tidak masuk pilihan raya, tetapi ini semua adalah agensi-agensinya yang dikuasai oleh kerajaan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh mencadangkan dalam jawatankuasa.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat bagi Parit Sulung kata saya melalut. Saya pergi kepada pindaan

Tuan Pengerusi: Tolonglah. Jika hendak buat cadangan, buatlah cadangan. Buatlah mengikut peraturan mesyuarat, mencadangkan ataupun meminda, dengan menambahkan. Itu cara dia.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya dengan ini mencadangkan dimasukkan satu clause, di hujung daripada (c) tadi, iaitu termasuk media masa, elektronik dan juga media masa arus perdana di negara kita. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong tulis. *[Ketawa]* Termasuk yang disiarkan oleh media masa cetak dan elektronik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu bukan cara mencadangkan pindaan. Pindaan, kenalah bertulis. *[Ketawa]* Ya, ya. Tidak boleh bangun dalam jawatankuasa mencadangkan macam itu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Jadi, saya menghormati Tuan Pengerusi. Kemudian, berkenaan dengan kuasa siasatan penguat kuasa ini. Jika, mereka menerima laporan ataupun mereka sendiri memantau, pada saya keberkesanan itu tidak akan berlaku.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa dia Yang Berhormat bagi Parit Sulung? Apa dia, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Parit Sulung tu? *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, apa hendak berucap, berucaplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Parit Sulung, Ha! Parit Sulung. Apa dia?

Tuan Pengerusi: Apa yang hendak berucap. Sudah habiskah?

Tuan Husam bin Haji Musa: Belum.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dia tak membincangkan peringkat jawatankuasa, dia bercakap mengenai dasar dan sebagainya. Dia harus berhenti bercakap. Itu sahaja.

Beberapa Ahli: Bagi Tuan Pengerusi *decide*.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya masih berucap tadi

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Husam bin Haji Musa: ... masa Tuan Pengerusi belum masuk, saya berucap berkenaan dengan pindaan-pindaan ini. Sekarang saya berucap mengenai dengan bidang siasatan, kuasa siasatan bagi penguatkuasaan semua pindaan-pindaan ini.

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Akhir sekali, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ha, ada lagi..

Tuan Husam bin Haji Musa: Walaupun ini tidak berkait dengan perkara ini tetapi semalam dibangkitkan apabila Kuala Terengganu telah dijumpai oleh pegawai-pegawai polis daripada Bukit Aman, saya hendak beritahu di sini apabila pindaan ini dilakukan, yang diperhatikan ialah integriti SPR sendiri.

Dalam kes Puteri UMNO, apabila mereka telah didedahkan, ada surat tertentu sepatutnya dalam negara yang berdaulat

Tuan Pengerusi: Tidak bersangkut dengan Yang Berhormat. Tidak bersangkut dengan jawatankuasa ini, Yang Berhormat. Tolonglah, kita tidak ada masa.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

11.27 pagi.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin terus merujuk tentang fungsi penguat kuasa. Yang pertamanya dari segi fungsi penguat kuasa di dalam membuat rondaan atau memantau aktiviti calon di kawasan-kawasan kawalan.

Jadi, saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di mana kawasan yang dipantau, kawasan pilihan raya yang bagaimana, dan siapa yang akan menentukan kawasan-kawasan yang akan dipantau itu? Saya difahamkan kawasan-kawasan yang dipantau itu adalah kawasan-kawasan yang terpilih, kawasan-kawasan yang dianggap kritikal, kawasan-kawasan yang dianggap sebagai kawasan yang boleh menimbulkan ketegangan. Ini kawasan-kawasan yang panas.

Jadi, ini saya rasa perlu ada satu yang khusus, menentukan siapa yang berhak menentukan ini, sudah barang tentu kawasan-kawasan yang dikatakan ini seperti yang disebut oleh Setiausaha SPR bahawa, ialah negeri-negeri di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Selangor dan Pahang, kawasan-kawasan yang dijangkakan parti pembangkang boleh menang dan dapat menyaingi UMNO dan Barisan Nasional. Bagaimana pula kawasan-kawasan yang ditandingi oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional? Mungkin di Johor, di Negeri Sembilan, di Melaka dan sebagainya, adakah tidak akan ada pemantauan langsung kerana kawasan ini dengan mudah UMNO dan Barisan Nasional boleh menang.

Yang keduanya, menurun atau menyebabkan supaya diturunkan dengan sertamerta, apa bahan kempen dalam kawasan kawalannya. Ini saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri kita perlu meneliti kembali. Adakah ini peranan pasukan pemantauan untuk menurunkan bahan-bahan kempen sedangkan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, tuntutan yang lebih besar ialah media masa yang datang ataupun yang dipancarkan terus kepada isi rumah atau pengundi-pengundi, jutaan pengundi 24 jam akan dipaparkan, akan dibentangkan, akan propagandakan dengan apa yang dipropagandakan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Siapa yang akan bertanggungjawab akan hal ataupun tuntutan yang ada ini sendiri? Saya rasa terlalu kecil peranan pemantau hendak turunkan, katakanlah bendera atas pokok, hendak pastikan turun kain pemedang atas pokok yang tinggi.

Ini sesuatu yang terlalu kecil dalam tuntutan yang ada, sedangkan tuntutan yang besar perlu dilaksanakan dalam aspek sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Begitu juga dalam (c) memberhenti ataupun menyebabkan supaya diberhentikan apa-apa ucapan dan syarahan awam terbuka.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya tidak sukalah hendak campur tangan dalam perkara ini, oleh kerana kita telah bersetuju di atas dasarnya. Apabila kita sudah bersetuju atas dasarnya tadi iaitu menurunkan dan menyebabkan sesuatu itu turun, kita sudah bersetuju. Sekarang ini kita hendak tanya, siapa hendak buat, macam mana hendak turun, kita sudah bersetuju.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Kami tidak bersetuju.

Tuan Pengerusi: Jikalau sekiranya hendak pinda di dalam Jawatankuasa ataupun hendak buat cadangan, boleh buat tetapi di atas butir-butirnya sahaja, bukan di atas dasar keseluruhannya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya sebut atas butirlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ha, boleh faham perkara ini, ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Satu persatu yang disebutkan dan daripada awal ucapan saya di peringkat dasar pun memang perkara-perkara ini yang perlu kepada jawapan dan...

Tuan Pengerusi: Yalah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ...Menteri tidak memberi jawapan tentang apa yang ditimbulkan. Macam (c) sebagai contoh, Tuan Pengerusi, ucapan menteri. Katakanlah Perdana Menteri datang ke Kuala Terengganu, dia berucap menghentam PAS, dia menghentam pemimpin-pemimpin PAS, apakah pemantau ini mempunyai kuasa, "Wahai Perdana Menteri, berhenti berucap" sedang dia tengah-tengah berucap. Saya tidak nampak itu boleh dilaksanakan di tengah-tengah Perdana Menteri berucap di khalayak ramai itu sendiri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingat tidak kena itu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ini yang menjadi persoalannya.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh macam itu ya. Adakah kita buat satu undang-undang dan kita kata jika jadi begini, apa hendak jadi, tanya kepada kerajaan? Mana boleh kita hendak jawab.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Menteri tidak menjawab sedemikian.

Tuan Pengerusi: Mana boleh dia jawab.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Kalau menteri bagi komitmen dia di Parlimen ini...

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ...hatta ucapan menteri pun, kita boleh berhentikan, okay tidak apa, tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi: Tetapi kita telah bersetuju.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Kita boleh ambil komitmen ini.

Tuan Pengerusi: Perkara ini kita sudah bersetuju iaitu dalam dasarnya...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Pelaksanaan, Tuan Pengerusi, ini yang menjadi kabur, Tuan Pengerusi. Pelaksanaannya bagaimana sekarang ini persoalan yang timbul. Bagaimana persoalan yang saya dok tekan daripada semalam.

Tuan Pengerusi: Sepatutnya pertanyaan ini ditanya semasa dasar semalam ya. Bukan dalam Jawatankuasa.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tetapi tidak dijawab oleh Menteri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jika dia tidak jawab, bukan salah saya. *[Ketawa]* Ya, cukuplah, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Seorang Ahli: Duduklah.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Apa lagi hendak cakap?

Tuan Pengerusi: Ada lagi perkara-perkara lain yang hendak diucap? Baiklah.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi: Tidak, sudah habis, dia sudah duduk tadi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Dia tidak minta penjelasan pun.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Okaylah, cukuplah, cukuplah. Tumpat, saya bagi Tumpat berucap ya.

11.34 pagi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada pindaan rang undang-undang ini di muka surat 4, 27B – Penubuhan Pasukan Penguat Kuasa.

Kata-kata bahawa "*Suruhanjaya Pilihan Raya boleh, jika difikirkan perlu oleh Suruhanjaya itu.....*". Saya ingin mendapat penjelasan dan ingin menimbulkan beberapa persoalan sebab kebimbangan kita ialah kita ingin tahu daripada pihak SPR melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah asas-asas pertimbangan nanti oleh SPR untuk menganggap bahawa di tempat-tempat tertentu, ianya difikirkan perlu dan di tempat-tempat yang lain pula, ianya difikirkan tidak perlu.

Ini saya fikir satu perkara yang amat membimbangkan bagi parti-parti politik sebab kuasa mutlak SPR ini tidak boleh dipersoalkan tentang di mana hendak diwujudkan pasukan penguat kuasa, dan di mana tidak hendak diwujudkan pasukan penguat kuasa. Ini bertambah lagi kebimbangan kita kerana SPR sudah pun mengeluarkan kenyataan bahawa di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis sahaja dianggarkan akan berlaku huru-hara atau ketegangan di masa pilihan raya umum yang akan datang nanti. Maka, adakah ini bermakna Suruhanjaya Pilihan Raya akan hanya mewujudkan pasukan penguat kuasa ini hanya di empat negeri ini sahaja?

Ini kebimbangan yang saya fikir perlu untuk dijawab oleh pihak kerajaan ataupun mungkin pihak SPR ingin memasukkan satu lagi ketetapan bahawa ianya mesti dirujuk kepada parti-parti politik dahulu sebelum satu penentuan tentang kawasan-kawasan mana akan diwujudkan pasukan penguat kuasa ini.

Seterusnya, "*27C(d), wakil parti politik yang dilantik secara bertulis oleh calon atau agen pilihan rayanya.*" Saya bimbang wakil-wakil parti-parti politik yang besar mampu untuk menentukan calon atau ejennya untuk masuk dalam pasukan penguat kuasa ini. Tetapi bagi parti-parti politik yang kecil seperti PPP, cukup kecil partinya, *[Ketawa]* tidak ada itu langsung dan hendak bertanding daripada hendak wang ringgit, lagi tentu banyak wang ringgit dalam BN, tetapi hendakkan anggota-anggota untuk menjadi ejen pilihan raya dan sebagainya amat menyulitkan untuk parti-parti politik kecil sebagai contoh saya berikan tadi.

Keduanya, bagi calon-calon bebas, bagaimana calon-calon bebas hendak mempunyai wakilnya dalam....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: ...penguat kuasa ini.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya semalam berada dalam Dewan yang mulia ini sewaktu peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat bagi Tumpat telah pun membincangkan perkara yang sama, Tuan Pengerusi. Jadi, saya hairan mengapa sekali lagi dia bangun dan berucap atas perkara yang sama dan telah pun dijawab oleh pihak Menteri semalam. Saya ingat beliau mencadangkan supaya diadakan Biro Bantuan Guaman bertindak untuk parti kecil dan hari ini beliau bangun sekali. Adakah ini untuk menghabiskan masa Dewan yang mulia ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, yalah, sila, sila teruskan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Kena tengok dahulu ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya telah diputuskan oleh Tuan Pengerusi semalam sebagai tersalah dan saya menarik balik semua ucapan saya kerana tersalah perenggan ketika itu. *[Ketawa]* Jadi, untuk rekod saya fikir perlu disebutkan di sini.

Oleh itu, saya amat bimbang sebab wakil parti-parti politik kecil dan wakil calon-calon bebas tidak ada nampaknya, khususnya wakil calon bebas tidak ada sebab dia kata wakil parti politik sahaja. Jadi, ini pandangan saya dan oleh kerana kita dalam demokrasi tidak mahu menyekat sesiapa pun yang layak dan memikir diri mereka layak untuk menjadi calon, jadi haknya untuk menjadi calon tidak boleh kita halang dan oleh itu, kemudahan untuk calon itu dengan sempurnanya melengkapkan kedudukannya dalam pilihan raya tidak boleh dihalang.

Ini kebimbangan saya dan saya minta pihak kementerian untuk menjelaskan bagaimana parti-parti politik kecil dan bagaimana calon-calon bebas ada tempat dan kedudukannya untuk menentukan wakilnya dengan sempurna dalam menganggotai pasukan penguat kuasa.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya patut diadakan satu cadangan pindaan kepada 27C(d) itu iaitu wakil bukan parti politik, wakil calon ya, seelok-eloknyalah. Ya, Bachok.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

11.38 pagi.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bachok, ya sila Bachok.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Pertamanya berhubung dengan 27A, Tuan Pengerusi, berhubung dengan tafsiran yang dibuat, saya menyahut apa yang telah disebut oleh Tuan Pengerusi tadi berhubung dengan penggunaan istilah wakil parti politik. Apa yang kita faham, berasas kepada Seksyen 27F(1)...

Tuan Pengerusi: 27F.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: ...parti-parti politik ini...

Tuan Pengerusi: Mmm.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Pertamanya saya bangkitkan 27A di bawah penggunaan istilah wakil parti politik dan kaitannya ialah Seksyen 27F(1). Pelantikan wakil politik ini ialah oleh calon, tetapi digunakan istilah-istilah di sini ialah wakil parti politik. Jadi, apakah rasionalnya pihak penggubal undang-undang ini dalam mengguna pakai dalam tindakan yang sebenar sebab yang hadir, kalau dikait dengan hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi yang bertindak di dalam pasukan penguat kuasa, ini ialah wakil calon, bukannya wakil parti politik. Jadi, rasional yang digunakan untuk wakil parti politik ini dalam tindakan yang sebenarnya, saya ingat ini tidak menetapi.

Kemudian yang kedua dalam Seksyen 27C yang berkaitan dengan keanggotaan keseluruhannya, pihak Menteri pertamanya tidak menjawab cadangan yang dikemukakan oleh pihak Yang Berhormat bagi Parit Sulong dalam ucapan dasarnya, mungkin untuk menambah keanggotaan. Jadi apakah cara yang terbaik bagi menyelesaikan kes-kes pemantauan yang lebih berkesan dalam menjalankan fungsi-fungsi di bawah 27E ini sekiranya keanggotaan itu terhad.

Kemudian yang kedua dalam kaitan dengan 27F (1) juga, saya minta izin untuk baca sekejap, Tuan Pengerusi, berkenaan 27F(1) - *"Bagi maksud seksyen 27C(d) seseorang calon atau ejen pilihan rayanya hendaklah memberitahukan secara bertulis nama wakil parti politik yang dilantik olehnya atau ejen pilihan rayanya kepada pegawai pengurus pada hari penamaan."*

Saya hendak tekankan di sini untuk mendapat penjelasan, pelantikan itu dibuat oleh wakil parti politik ataupun oleh calon pada hari penamaan. Sedangkan fungsi untuk bertugas atau gerak kerja pasukan penguat kuasa ini ialah bermula pada hari penamaan

sehinggalah hari kempen dan keputusan pilihan raya. Soalnya ialah kursus ataupun latihan-latihan praktikal yang diberikan kepada mereka ini, hari ini lantik, hari ini terus bertugas dan tindakan keberkesanan untuk menguasai fungsi-fungsi pasukan ini saya tidak nampak sesuatu yang terbaik atau yang berkesan. Ini satu perkara yang saya ingat perlu ada satu fungsi tambahan untuk mengukuhkan fungsi ini.

Kemudian lagi, saya hendak bangkitkan berhubung dengan sedikit yang telah disebutkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi, fungsi yang disebut atau kawasan kawalan pasukan penguat kuasa ini adalah di kawasan Parlimen dan tidak dinyatakan secara tepat pilihan raya umum ataupun pilihan raya kecil. Sekiranya berlaku pilihan raya kecil, apakah ruang undang-undang yang ada ini ataupun hak yang ada di bawah peruntukan undang-undang 27D misalnya di bawah kawalan kawasan Parlimen tidak menyentuh persoalan yang boleh dilantik tanpa menggunakan perkataan Parlimen tetapi terus kepada sesuatu kes pilihan raya kecil sebab pilihan raya kecil ini mungkin ada di Parlimen, mungkin di Dewan Undangan Negeri. Jadi dalam akta ini ada kesamaran yang perlu diperjelaskan.

Yang berikutnya ialah berhubung dengan prosedur pelantikan kepada keanggotaan di bawah 27C (1) (2), (a), (b), (c), (d) dan seterusnya yang dinyatakan dalam akta ini hanyalah lantikan wakil parti ataupun wakil calon, tidak dinyatakan siapa sebenarnya boleh melantik wakil dari pihak polis, wakil dari pihak berkuasa tempatan dan penolong-penolong pegawai serta pegawai penguat kuasa itu sendiri. Jadi, pihak yang bertanggungjawab tidak menyatakan dengan jelas dan kami meminta penjelasan.

Kemudian yang akhirnya, dalam 27G ini, keputusan pasukan kuat kuasa. Dalam melaksanakan keputusan pasukan penguat kuasa bermula daripada seksyen 27G (1), (2), (3), (4), (5) ini secara ringkas saya sebutkan pertama, menerima aduan daripada orang-orang atau pihak parti politik, yang keduanya pegawai pengurus ataupun ketua kepada pasukan pengawas ini membuat rondaan di atas dakwaan kemudian menemui kes. Selepas menemui kes mesti mendapat nasihat dahulu daripada pihak pegawai pilihan raya negeri ataupun pihak pegawai pengurus. Selepas itu barulah membuat keputusan kes tersebut layak diambil tindakan ataupun tidak.

Yang akhirnya atau kelimanya ialah keputusan di atas kes yang dibuat tindakan itu tidak boleh dipersoalkan. Jadi dari sudut prosedur tindakan ini, saya ingat pertama memakan masa, yang keduanya ia akan menemui banyak halangan dan dalam hal ini keberkesanan saya tidak nampak di atas *rationality* ini.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Parit Buntar.

11.43 pagi.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada 27D iaitu mengenai kawasan kawalan pasukan penguat kuasa ini, Tuan Pengerusi. Bagi saya, kita pun tidak tahu lagi sebenarnya kawasan mana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, negeri mana dan sebagainya. Tetapi kalau kita ambil kawasan yang luas seperti Baling misalnya yang keluasanya lebih daripada negeri Melaka, oleh kerana persempadanan semula yang tidak mengikuti kriteria yang diletakkan dalam Perlembagaan itu maka timbullah kawasan yang begitu luasnya.

Soalnya dalam kawasan yang begitu luas, hendak jaga satu Parlimen dan kawasan Dewan Undangan Negeri misalnya kalau penguat kuasa ini hanya terdiri daripada satu pasukan ini, Tuan Pengerusi, kalau ada apa-apa berlaku seperti kompelin dan sebagainya, bagaimana hendak pergi? Bila hendak pergi, hendak balik pula macam mana? Hendak bersidang macam mana? Saya takut nanti, Tuan Pengerusi, persidangan dan perbincangan akan dibuat dalam keadaan '*mental fatigue*' Bila '*mental fatigue*' kita buat keputusan dalam keadaan mental yang tidak terarah, mental yang tidak bersedia untuk menyelesaikan masalah yang rumit seperti ini,

saya rasa kita tidak akan mencapai satu keputusan yang baik yang boleh memuaskan semua pihak. Dekat sini bagus cara untuk mendapatkan keputusan itu by

consensus dan saya sangat setuju dengan cara itu, Tuan Pengerusi. Tetapi bagaimana hendak dapatkan *consensus* dalam suasana yang tegang, dalam suasana yang '*mental fatigue*', dalam suasana yang tidak *conducive* oleh kerana beban tugas, kawasan yang dijelajah dan sebagainya yang akan mencemarkan dan akan mengakibatkan secara negatif nanti keputusan yang dibuat.

Yang keduanya ialah tentang 27E.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jika Yang Berhormat baca 27E itu saya rasa nampaknya Suruhanjaya Pilihan Raya boleh mengadakan bukan satu sahaja, dia kata menubuhkan satu pasukan penguat kuasa.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yalah, kalau misalnya tiga empat pun, Tuan Pengerusi.....

Tuan Yang di-Pertua: Atau apa-apa bilangan pasukan, dia boleh buat dua atau tiga.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Okay, terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang 27E fungsi pasukan penguat kuasa membuat rondaan, ini pun satu lagi tentang rondaan, faktor masa, Tuan Pengerusi. Katakanlah dua, tiga atau empat bergantung juga kepada kawasan, bergantung kepada *susceptibility*, dengan izin, Tuan Pengerusi, barulah kawasan itu dari segi keselamatan dan perkara-perkara yang kemungkinan akan berlaku, dimungkinkan akan berlaku. Maka sebab itu masa yang terhad. Maksudnya dari pagi biasanya sampai pukul 12 malam. Jadi saya nampak *the turnover of event, the turnover of complaint*, dengan izin, yang akan sampai kepada pasukan penguat kuasa ini, tidak kisahlah satu, dua, tiga atau empat, saya dapati oleh kerana banyaknya *grey area* dalam bidang ini, kemungkinan penyelesaiannya dengan masalah tempat tadi, dengan masalah masa yang terhad, saya rasalah kemungkinan besar pasukan penguat kuasa ini tidak dapat menguasai keadaan itu dan akhirnya tidak dapat menguasai pengurusan pilihan raya sebagai mana yang dikehendaki.

Saya juga ingin menyebutkan tentang masalah mekanisme untuk kita deal dengan *grey areas* ini, Tuan Pengerusi. Di sini tidak disebutkan dan saya berasakan misalnya tentang menurunkan apa-apa juga bahan kempen kemudian memberhentikan atau menyebabkan sesuatu diberhentikan seperti ucapan dan sebagainya, sudah tentulah itu *grey area*, sama ada ini masuk dalam peraturan atau tidak masuk dalam peraturan ini atau peraturan-peraturan pilihan raya yang bertulis, yang disebutkan dalam 27E itu, Tuan Pengerusi.

Sebab itu kena ada mekanisme, kena ada *affix* macam seolah-olah dia punya manual prosedur dalam hal untuk membuat keputusan ini supaya kalau itu dapat maknanya setiap ahli yang menganggotai jawatankuasa ini yang terdiri daripada pegawai SPR, polis, wakil PBT, wakil calon dan sebagainya, dengan sendirinya dia sudah ada *frame of mind*, dengan izin, untuk datang menyelesaikan masalah dan masalah itu diselesaikan bila sudah ada satu *manual procedure* macam itu, Tuan Pengerusi, saya rasa itu lebih memungkinkan dan memudahkan.

Saya tidak tahulah sama ada SPR dalam hendak menerapkan rang undang-undang ini telah menyusun satu prosedur untuk terutamanya membuat keputusan dalam hal-hal yang *grey area*, dalam hal-hal yang kemudiannya kemungkinan akan menimbulkan perbalahan.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan sedikit ialah tentang cara operasi. Saya nampak tadi meronda, meronda maknanya pergi dan dia ada dua agaknya cara beroperasi. Satu *sedentary*, duduk sahaja di *office*, orang datang; satu lagi proaktif, dia keluar daripada bilik operasinya, daripada *office* dan sebagainya mendatangi, melihat dan mencari sendiri kesalahan-kesalahan yang mungkin berlaku dan mungkin tidak dilaporkan sebab pelaporan ini pun dalam keadaan-keadaan tertentu kadang-kadang laporan kita tidak diterima, laporan kita diketepikan, laporan kita tidak dianggap penting dan pelbagai lagi.

Orang yang melaporkan ini sebagai rakyat biasa dalam sistem demokrasi ini, rakyat yang melaporkan itu kadang-kadang tidak banyak yang dia tahu seperti dokumen

yang perlu ada, apa saksi yang perlu ada dan sebagainya. Ini pun saya rasa perlu dibereskan dan saya hendak mencadangkan agar dibuat satu prosedur macam itu, daripada A sampai Z yang melibatkan rakyat, yang melibatkan pengundi, yang melibatkan orang yang hendak membuat kompelin, yang melibatkan pelbagai tuduhan, yang melibatkan pelbagai lagi.

Kalau dapat disenaraikan satu persatu dan diberikan satu kursus misalnya begitu sama ada dalam kursus, saya tidak tahu melalui bagaimana sebab ini melibatkan pengundi-pengundi dan oleh kerana kita sistem demokrasi, setiap orang sebenarnya boleh berfungsi untuk menghidupkan suasana demokrasi dan saya yakin pindaan rang undang-undang ini bertujuan untuk menghidupkan suasana demokrasi.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: 'Pasir' Panjang.

11.50 pagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil bahagian sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Rantau Panjang ya, bukan 'Pasir' Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: 27A.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya mempertikaikan masalah wakil parti politik, takrif wakil parti politik. Waktu peringkat dasar pun juga saya mempertikaikan tetapi tidak diberi jawapan secara *detail*. Saya mengambil sedikit peluang ini untuk mendapat penjelasan yang lebih baik. Sewaktu pilihan raya, ejen calon lebih berkuasa daripada ketua parti di satu bahagian atau satu kawasan. Itu memang jelas. Umpamanya suatu pilihan raya, calon ataupun ejennya boleh masuk tempat mengundi, tetapi ketua parti yang tidak bertanding, dia tidak boleh masuk di ke tempat mengundi.

Di sini ialah wakil parti, ertinya wakil satu parti politik yang mengambil bahagian dalam pilihan raya itu yang dilantik oleh calon atau agen pilihan raya untuk menganggotai pasukan itu, maknanya calon yang melantik, jadi bila calon yang melantik atau ejen calon yang melantik wakil pasukan petugas ini, maka apa logiknya kita meletakkan di situ perkataan asalnya 'wakil parti politik'. Lebih baik kita buang sahaja perkataan 'wakil parti politik' itu. Kita teruskan kepada calon ataupun ejen calon...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat mencadangkan hendak meminda.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya tidak mengapa. Saya minta penjelasan. Saya hendak minta penjelasan kenapakah...

Tuan Pengerusi: Tak bolehlah. Dalam Jawatankuasa, bangun bercakap hendak meminda.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak meminda, saya hendak bertanya.

Tuan Pengerusi: Jika hendak meminda buatlah surat pada masa...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak pinda tidak mengapa tetapi minta penjelasan, kenapakah dibesarkan "wakil parti politik"? Sebab contohnya begini, kita mesti ingat calon ini kadang-kadang satu pilihan raya itu calon bebas lebih ramai daripada calon-calon yang mewakili parti politik. Ini pernah berlaku umpamanya di Kelantan tahun 1974. Semua Dewan Negeri dianggotai oleh calon Bebas Bersatu yang menentang calon-calon Barisan Nasional waktu itu. Tahun 1974, PAS bersama-sama dalam Barisan Nasional dan semua calon ialah calon Barisan Nasional. Dan semua sekali ditentang oleh calon Bebas Bersatu. Maknanya mereka ini bukan parti, cuma orang kampung.

Kadang-kadang ada juga media massa pun terkeliru, dia sebut 'ini calon parti Bebas', sedangkan sebenarnya bukan parti Bebas, calon bebas. Cuma masa hadapan ini

barangkali ada kumpulan NGO, kalau dipersetujui oleh SPR seperti mana yang disebut oleh Pengerusi SPR mengatakan "Mana-mana badan atau persatuan yang hendak bertanding boleh daftar dengan SPR walaupun persatuan itu bukan parti politik, boleh bertanding dalam pilihan raya masa hadapan ini." Itu belum diputuskan lagi.

Kalau berlaku demikianlah maka ramailah calon-calon seperti mana Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) kalau di Kelantan yang menjadi satu persaingan hebat dengan UMNO Kelantan yang sedang menunggu keadaan sekarang ini, barangkali orang ini juga akan bertanding di atas tiket Bebas. Jadi, saya minta penjelasan supaya kita memastikan betul-betul penguasaan orang-orang yang akan melantik sebagai pasukan ini sama ada betul-betul mewakili parti politik ataupun calon ataupun agen calon itu sendiri.

Yang kedua ialah berkaitan dengan mengawal aktiviti calon sepanjang tempoh berkempen sehingga tamat hari pengundian. Ini saya ingin tahu sejauh mana, tahap manakah pasukan ini hendak mengawal aktiviti calon ini. Adakah calon ini pergi sembahyang hajat dia kawal juga. Adakah kalau calon ini pergi di tempat kenduri dia kawal juga. Sebab calon itu masing-masing ada cara tersendiri waktu kempen pilihan raya yang pendek itu.

Ini saya minta penjelasan supaya orang tidak akan mengatakan, pasukan ini seolah-olah seperti pengawal ataupun sebagai *body guard* kepada calon. Satu kumpulan yang mengiringi ataupun yang memerhatikan aktiviti calon itu sehingga ke mana-mana sahaja. Saya minta supaya aktiviti-aktiviti luaran sahaja barangkali lebih sesuai diikuti oleh pasukan ini, tidak menyeluruh seperti mana yang disebut di sini.

Kemudian, di kalangan kita semua tadi sebahagian besarnya merungut tentang pasukan ini yang diletakkan mengikut apa yang difikirkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya sahaja. Saya rasa ini juga tidak patut dan perlu mendapat penjelasan apa yang dimaksudkan "difikirkan perlu" ini, apakah ianya terhad kepada tempat-tempat yang disebut terlebih dahulu daripada ini, tempat-tempat yang timbul kontroversi ataupun tempat tegang seperti yang disebut beberapa negeri sebelum ini. Jadi, saya minta penjelasan supaya tidak ada rungutan ataupun tidak ada sebahagian besar pengundi-pengundi membuat andaian apabila pasukan ini masuk satu kawasan pilihan raya itu, ada pada pandangan pengundinya kawasan kita ini tidak selamat. Jangan sampai peringkat itu.

Serupa juga kalau kita kata FRU itu berada di satu tempat kawasan pilihan raya, sudah tentu anggapan pengundi mengatakan mesti kawasan ini ada bahaya sebab itulah FRU masuk di sini. Jadi, demikian juga apa yang berlaku bila satu pasukan ini yang dianggotai oleh beberapa orang ini maka sudah tentulah pengundi-pengundi ini akan merasa tidak senang. Jadi, saya minta supaya pihak Menteri memberi penjelasan lebih awal kepada pengundi-pengundi. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat Menteri menjawab. Cukuplah, cukuplah. Terlampau banyak sangatlah dalam Jawatankuasa.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Enam orang yang bangun berucap. Timbalan Menteri hendak jawab?

11.58 pagi

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, ada satu buku panduan iaitu *Buku Panduan Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya*. Buku panduan ini akan diteliti lagi sekali dan menghalusi peraturan-peraturan supaya ianya sesuai dengan peraturan yang ditetapkan.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka berkaitan dengan isu majlis dan ceramah, fungsi Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya tidak termasuk untuk memberhentikan ...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: majlis jamuan...

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk M. Kayveas: Tunggu sekejaplah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tentang buku panduan, buku panduan itu...

Tuan Pengerusi: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat Parit Buntar, dia tidak bagi jalan.

Datuk M. Kayveas: Saya tidak ada *mood* hendak bagi dia jalan.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan ya.

Datuk M. Kayveas: Saya pun puasa, tidak ada *mood* lagi.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Parit Buntar, tolonglah ya.

Datuk M. Kayveas: Jika mana-mana pihak tidak berpuas hati – sabarlah, nantilah. Jika mana-mana pihak tidak berpuas hati boleh membawa....

Tuan Pengerusi: Parit Buntar... *[Ketawa]* Ya, dia kata saya tidak adil. Parit Buntar kata saya tidak adil pasal tidak mahu benarkan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Dia kata saya menuduh dia, tidak mahu dengar keterangan daripada bapa budak yang kena tembak yang berumur 18 tahun itu. Di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), dia suruh saya ambil keterangan. Dia beri keterangan kepada akhbar di luar dekat lobi. Sila.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jika mana-mana pihak tidak berpuas hati boleh membawa kes berkenaan ke mahkamah melalui satu petisyen pilihan raya dan bagi ceramah, ketua pasukan boleh meminta wakil parti untuk menghentikan ceramah jika ceramah berkenaan bertentangan dengan undang-undang.

Seksyen 4A yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, menjadi suatu kesalahan jika sesuatu perbuatan membuat apa-apa pernyataan dengan tujuan untuk membangkitkan perasaan jahat atau perasaan tidak puas hati atau permusuhan antara kaum untuk mendorong mana-mana pemilih supaya menjadi atau tidak mengundi dalam pilihan raya atau untuk mendapatkan seseorang pemilih, sekiranya ucapan yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, termasuk dalam perbuatan yang dikatakan dalam Seksyen 4A itu maka ia adalah satu kesalahan...

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat, hendak bagi jalan atau tidak? Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Duduklah, saya baru *start* hendak cakap. Tadi sudah cakap, sudah dapat peluang.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Datuk M. Kayveas: Saya baru mula sahaja Kota Melaka. Yang Berhormat baru satu sahaja, yang lain belum jawab. Belum dengar saya punya jawapan apa hendak cakap.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat teruskan.

Datuk M. Kayveas: Saya tidak beri Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yalah teruskan, jangan bertengkar ya, sila teruskan.

Datuk M. Kayveas: Tindakan untuk memberhentikan wakil parti yang menganggotai pasukan akan ditugaskan untuk memberhentikan ceramah itu dan pihak yang terkilan perlu membuat laporan atau

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Datuk M. Kayveas: atau aduan kepada pasukan penguatkuasa. Selain itu pihak yang terkilan boleh mengambil tindakan untuk mencabar calon yang menang dalam pilihan raya melalui *petition* dan menggunakan ceramah tersebut sebagai satu alasan.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat hendak beri jalan?

Datuk M. Kayveas: Tidak beri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat sila duduk.

Datuk M. Kayveas: Nanti saya jawab sedikit dahulu, nanti you minta.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Tanah Merah dia tidak beri.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Ini jawapan Kota Melaka. Kota Melaka pun okey dia faham.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, dia tidak beri.

Datuk M. Kayveas: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kota Melaka berdiri Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Kubang Kerian. Kota Melaka baru saya hendak berucap dia berdiri, ini dia tidak jujur.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Saya sudah cakap tadi dia tidak bangun, sekarang dia bangun, tidak boleh duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat

Datuk M. Kayveas: Saya sudah masuk ke Kubang Kerian.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka dia tidak beri.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Masih berdiri bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, dia tidak beri Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, pengumuman media oleh parti-parti politik apa-apa yang dikemukakan..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah dia tidak beri, dia tidak berilah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat. Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Masih berdiri dan bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

Datuk M. Kayveas: *Don't challenge me* Yang Berhormat, *don't challenge me sit down*. Kalau dia hendak bercakap, dia tidak bercakap, saya tidak beri peluang ikut peraturan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka dia tidak beri.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

Datuk M. Kayveas: Yalah dengarlah, semua orang pun membaca sahaja apa?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka duduklah, dia tidak beri.

Datuk M. Kayveas: You pun bawa paper, paper baca sahaja, apa you buat. Apa kerja you buat?

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu saya tidak tahu tetapi dia tidak beri jalan, tidak berilah Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Orang beri you ambil baca, ambil Cina punya *paper* you baca apa you buat? Baca sahaja, serupa kita pun baca, dengarlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Kota Melaka

Tuan Kerk Kim Hock: *Mood* tidak baik tidak apa, ini Dewan. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa duduk

Tuan Kerk Kim Hock: Ini bukan hendak *solvekan problem*, dia *mood* tidak baik dia kata tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu saya tidak kira Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: You yang merosakkan *mood* saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka duduk, duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini personal *problem* hendak bawa ke Dewan pula.

Datuk M. Kayveas: Hai, duduklah *relax*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, teruskan ya.

Datuk M. Kayveas: Menjawab kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi mengenai penggunaan media oleh parti-parti politik, apa-apa yang dikemukakan disiarkan dalam media massa adalah tertakluk kepada Akta Kesalahan Pilihan raya 1954. Jika menyentuh hal-hal pilihan raya calon dan aktiviti-aktiviti calon sekiranya sesuatu pihak media melakukan apa-apa kesalahan yang terjumlah di dalam mana-mana peruntukan Akta Kesalahan Pilihan Raya, pihak yang terkilan boleh membuat aduan polis kerana Akta Kesalahan Pilihan Raya dikuatkuasakan oleh pihak polis.

Selain itu tindakan boleh diambil melalui *petition* pilihan raya

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Hendak beri?

Datuk M. Kayveas: Ya, Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah baik. Bila saya kata tidak beri, dia beri pula.

Tuan Kerk Kim Hock: Itulah ini *moody*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Susahlah saya.

Tuan Kerk Kim Hock: Menyusahkan Speaker.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila buat soalan terus Yang Berhormat .

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi, janganlah menyusahkan Speaker, beri semua orang bangun, beri peluang berucaplah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan menyusahkan kesemualah ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya beri semualah. Saya hendak bertanya adakah secara khusus SPR ataupun kerajaan akan *regulate* media massa ini. Ada satu peraturan khusus untuk media massa.

Datuk M. Kayveas: Minta maaf Tuan Pengerusi, tadi kerana dia punya jawapan, dia

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus Yang Berhormat jawab yang inilah.

Datuk M. Kayveas:itu sahaja, lain orang..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan ulang-ulang Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Itu saya beri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dia bangkit lagi, lagi susah. Jawab mana yang disoal sahaja Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Kubang Kerian. SPR ini untuk *regulate* media massa kita tidak boleh campur tangan tetapi apabila ada kesalahan baru boleh kita mengambil tindakan selepas mana-mana satu pihak telah membuat aduan.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu membangkitkan berkaitan dengan kawasan bahagian pilihan raya. Semua kawasan bahagian pilihan raya Parlimen akan dipantau oleh pihak penguat kuasa pilihan raya. Yang Berhormat bagi Tumpat membangkitkan wakil parti kecil

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, yang belakang itu berdiri. Saya ingat duduk macam apa, dua-dua berdiri Yang Berhormat hendak beri jalan?

Datuk M. Kayveas: Tidak beri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat, tolong duduk Yang Berhormat dia tidak beri.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: *Relax* sedikit, duduk dengar sekejap,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat, duduklah. Kuala Terengganu. Minta di luar nanti sila duduk.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Berkaitan dengan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri hendak kata apa?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Soalan saya, saya hendak bertanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak kira dia tidak beri hendak kata apa Yang Berhormat. Kuala Terengganu duduklah. Ha, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jalan sahaja.

Datuk M. Kayveas: Parti kecil dan calon bebas boleh melantik sesiapa sahaja untuk mewakili diri mereka dan calon-calon bebas boleh melantik sesiapa sahaja untuk mewakili dirinya sebagai wakil parti politiknya, asalkan orang yang dilantik itu bertindak bagi calon itu, maka orang yang dilantik itulah wakil parti politiknya. Yang Berhormat bagi Tumpat juga berkata PPP ini banyak kecil.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Kuala Terengganu.

Datuk M. Kayveas: Saya ingin memaklumkan ataupun mengalu-alukan Yang Berhormat masuk ke dalam PPP untuk membesarkan lagi parti PPP.

Beberapa Ahli: *[Ketawa] [Tepuk]*

Datuk M. Kayveas: Ataupun sekarang ini nampaknya Barisan Nasional satu parti politik yang begitu baik bolehlah bubarkan PAS dan semua masuk dalam PPP dan kita semua masuk dalam Barisan Nasional. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya beralih kepada Yang Berhormat bagi Bachok.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Apa dia suka berdiri, beri dia orang berdiri. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Sakit kaki duduk lama dari pagi tadi pukul 10.00 dia duduk.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Beginilah Yang Berhormat

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat

Datuk M. Kayveas: Takrif wakil parti politik, takrif itu digunakan secara am. Jika calon itu, calon bebas orang yang dilantik itu ialah wakil parti calon bebas itu wakil parti bebas dan berkaitan dengan Seksyen 27F(1) ini kawasan yang dikatakan oleh Yang Berhormat adalah semua kawasan. Kawasan-kawasan Pasukan Penguat Kuasa meliputi kawasan Parlimen dan kawasan Dewan Undangan Negeri dan juga untuk maklumat Yang Berhormat ini termasuk semua pilihan raya, pilihan raya kecil, pilihan raya umum dan semua pilihan raya, bukan satu akta kita boleh ada untuk satu pilihan raya sahaja.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Datuk M. Kayveas: Saya teruskan dengan apa yang dibangkitkan oleh

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Terengganu berdiri lagi Yang Berhormat, Tanah Merah.

Datuk M. Kayveas:oleh Yang Berhormat Parit Buntar, *world class politician*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Begini Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak beri jalan, cakap sehingga habis jawapan, saya tidak membenarkan sesiapa berdiri, senang saya.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk M. Kayveas: Kita ada lagi dua, tiga akta hari ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk Yang Berhormat .

Datuk M. Kayveas: Parit Buntar saya punya kawan *world class* kawan ini.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk M. Kayveas: *[Ketawa]* Tatacara operasi saya ada satu jamuan di Parit Buntar, saya menghantar surat kepada saya punya *world class politician* tetapi dia tidak datang.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Dia sibuk.

Datuk M. Kayveas: Tetapi tidak apalah lain kali saya jemput sekali lagi. *I will call again*, dengan izin. Ini Parit Buntar ya, Pasukan Penguat Kuasa mempunyai pejabat operasi ini yang mempunyai hubungan terus dengan bilik gerakan SPR dan Pasukan Penguat Kuasa akan diberi buku panduan operasi yang lengkap supaya ia boleh menjelaskan tugas-tugas dengan teratur, di samping itu SPR akan mengadakan latihan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kepada semua Pasukan Penguat Kuasa yang dilantik.

Dan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Parit Buntar, Parit Buntar.

Datuk M. Kayveas: Parit Buntar habis! Rantau Panjang itu...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Datuk M. Kayveas: Tidak apalah, sudah habis!

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tidak ada Yang Berhormat, tidak usah tawar-menawar Yang Berhormat, tidak bagi, tidak bagilah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Bagi saya tanya sedikit! Parit Buntar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: Bagilah...! *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Sudah cakap sudah, Timbalan Menteri hendak bagikah atau tidak?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Menyampuk]*

Datuk M. Kayveas: Bagilah!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Hah! Sila!

Beberapa Ahli: Tidak payah *eksyen!*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: *Direct*, terus kepada soalan ya Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ya, ya saya terus kepada soalan Tuan Pengerusi. Tentang saya juga membangkitkan tadi di samping prosedur yang akan dibuat dan yang akan dikeluarkan oleh SPR dan latihan-latihan yang dibuat, saya akuriah, baguslah kalau ada latihan. Tetapi kalau misalnya untuk melatih dan sebagaimana Tuan Pengerusi tadi menyebutkan mungkin di suatu kawasan lebih daripada satu pasukan penguat kuasa, saya tidak tahu macam mana caranya kita hendak mengadakan latihan yang melibatkan lima agensi, empat agensi ini. Dan bagaimana kita hendak melakukan latihan kepada bakal-bakal wakil calon misalnya, sebab tidak ditentukan wakil calon, hanya ditentukan pada hari penamaan calon sahaja.

Dan macam mana kita hendak menentukan siapa dia wakil calon untuk diberikan latihan ini? Kalau polis dapat latihan, kalau SPR dapat latihan, kalau PBT dapat latihan, tetapi wakil calon tidak dapat latihan, di sinilah yang akan menjadikan *point of argument*, *point of indecision*, dengan izin di antara mereka yang terlibat untuk membuatkan penyelesaian. Tetapi yang saya hendak sebutkan juga tentang *mental fatigue* yang saya katakan. Ambil kawasan Baling, ambil kawasan misalnya Gerik, ambil kawasan yang besar-besar ini, yang begitu luas kawasannya. Pergi hendak membuat aduan dia pergi tengok, dia ambil gambar, dia bawa kamera sebagaimana yang disebutkan dalam borang peraturan yang telah diedarkan kepada kita. Ambil gambar balik hendak berbincang tidak mungkin sekali mesyuarat akan terputus, mungkin ada dua-tiga mesyuarat untuk memutuskan sesuatu perkara. Dan Yang Berhormat mesti faham waktu kempen ini biasanya 9 hari atau 10 hari..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, ini cerita balik ke belakang Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Dan ini memerlukan *decision there and then, there and then decision*..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat ..

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Dan tidak Boleh ditangguhkan dengan izin....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, hmm cukup!

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sebab itu bagaimana caranya dengan *mental fatigue*, dengan *there and then decision*, dengan izin dapat dilakukan dengan sesuatu yang bermakna...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Dengan penubuhan Pasukan Penguat Kuasa? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, cukup, hmm!

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: *World-class! World-class!*

Datuk M. Kayveas: *World-class* seperti Yang Berhormat, dia ucap macam itu pun saya pun sudah *mental fatigue* sekarang!

[Dewan menjadi gamat dengan ketawa]

Datuk M. Kayveas: *Mental fatigue* ini. Ini apabila sesuatu pilihan raya, semua orang pun dengan izin, *alert* dia macam mana dia *tired*, dia tidak tidur, dua jam sahaja mereka tidur. Kadang-kadang tidak ada tidur dalam 9 hari itu, orang kerja, tetapi ini sama macam kita ambil peperiksaan. Budak-budak pergi sekolah ambil peperiksaan pada masa itu *tension, mental fatigue* semua adalah. Tetapi dengan izin, *there is the time* kita *perform very well*. So, you jangan kuarir *there is the time* semua orang punya *performance is up-to-date* kenapa? Sebab dia orang semua hendak menang dalam pilihan raya.

Dan wakil calon ini, kalau wakil calon perlu juga latihan daripada SPR kita boleh bicaralah, tetapi selain daripada itu tertakluk kepada calon-calon parti-parti yang memilih wakil ini, berilah latihan yang sesuai mengikut akta dan boleh dapat sedikit prosedur-prosedur itu daripada SPR, mesti SPR akan bekerjasama dalam hal ini, terima kasih Yang Berhormat ya. *Mental fatigue* sekarang *you relax, you relax*, you duduk, you dengar, tidak ada *mental fatigue*. Tetapi macam Kota Melaka, sana itu, bangkit, bangkit, bangkit...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk M Kayveas: Hah! Itu *mental fatigue*.

[*Dewan menjadi riuh dan gamat seketika dengan ketawa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Terus, terus yang lain.

Datuk M. Kayveas: Rantau Panjang, Yang Berhormat Rantau Panjang...

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Datuk M Kayveas: Tidak ada, tidak ada, dia suka berdiri! Memantau aktiviti-aktiviti calon...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Yang Berhormat!

Datuk M Kayveas: Tidak bagi, saya tidak bagi! [*Ketawa*]

[*Dewan gamat*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tidak bagi Yang Berhormat!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [*Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara dengan meminta izin bertanya*]

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tidak bagi ya Yang Berhormat! Sebab itulah Yang Berhormat kalau tidak bagi, tak bagi semua.

Datuk M. Kayveas: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, saya beri sedikit maklumat dengan saya *you* berdiri biar masa yang tepat

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Duduklah Kuala Terengganu, duduklah.

Datuk M. Kayveas: *You* sengaja berdiri saya tidak bagi!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, duduklah, duduklah.

Datuk M. Kayveas: *You* berdiri pada masa saya bercakap itu, *even* apabila saya baca ada sedikit kekeliruan, saya bagi, tetapi jangan berdiri sahaja, jangan. Ini sikap kita mesti berhentilah di Parlimen.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Terus, terus Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: *World-class* Parlimen mesti mahu berhenti sikap-sikap itu.

[Dewan menjadi riuh dengan sorakan Yang Berhormat-Yang Berhormat]

Datuk M. Kayveas: Pasukan penguat kuasa mengawal aktiviti-aktiviti calon yang hanya....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas:yang hanya melibatkan calon-calon kempen dan ceramah yang bertentangan dengan undang-undang pilihan raya khusus berkaitan dengan Akta Kesalahan Pilihan Raya. Sekian terima kasih.

Fasal 6 dan 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PILIHAN RAYA (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.20 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan cadangan pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1995 yang telah dibuat melalui Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2003, yang telah pun dibahaskan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, pindaan juga dicadangkan kepada Akta Pilihan Raya 1958. Pindaan ini telah dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk melantik seorang pegawai penguat kuasa dan apa-apa bilangan penolong penguat kuasa sebagaimana yang perlu untuk menjadi anggota Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya yang ditubuhkan itu.

Seorang pegawai penguat kuasa diletakkan di bawah arahan dan kawalan Pegawai Pilihan Raya Negeri. Pindaan ini diperuntukkan oleh Fasal 2, 3 dan 4 Rang Undang-undang. Pindaan lain yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini adalah pindaan kecil dari segi gubalan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, SPR telah diberikan tanggungjawab yang berat dalam memastikan perjalanan pilihan raya dalam negara ini berjalan dengan lancar dan teratur serta menepati perundangan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, khususnya seperti yang berlaku semasa pilihan raya kecil dijalankan di N34 – Lunas, N29 – Ketari, N15 – Anak Bukit dan P11 – Pendang, SPR telah mendapati banyak masalah yang timbul terutama dalam aspek pematuhan undang-undang pilihan raya berhubung dengan perjalanan pilihan raya dan kempen pilihan raya.

SPR telah mendapati bahawa aktiviti berkempen oleh parti-parti politik, calon-calon serta penyokong-penyokong yang keterlaluan sehingga melanggar Peraturan-peraturan Pilihan Raya dan Tatatertib Kempen serta menjejaskan ketenteraman awam dan menyebabkan ketegangan di kalangan masyarakat. Situasi semasa kempen pilihan raya yang tegang boleh menyebabkan kemungkinan tercetusnya keadaan huru-hara atau keadaan tidak terkawal sepanjang tempoh kempen pilihan raya diadakan. Pada masa lepas, banyak pengaduan diterima oleh SPR, sama ada oleh individu, calon atau penyokong sesebuah parti terhadap perlakuan atau aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan Peraturan Pilihan Raya.

Sehubungan ini, SPR tiada mempunyai kuasa yang khusus untuk mengambil tindakan terhadap aktiviti-aktiviti yang melanggar Peraturan-peraturan Pilihan Raya. SPR

dan pihak polis perlu mengambil tindakan segera kerana ia boleh menjejaskan perjalanan dan ketenteraman pilihan raya pada masa itu. Oleh yang demikian, pengaduan-pengaduan ataupun tindakan-tindakan yang boleh diambil ianya mungkin akan berlaku selepas pilihan raya.

Justeru itu, dengan mewujudkan sistem penguat kuasa semasa berkempen melalui penubuhan sebuah Pasukan Penguat Kuasa, SPR berharap ia menjadi satu pusat pengaduan oleh calon atau parti-parti berhubung dengan aktiviti pelanggaran Peraturan Pilihan Raya yang berlaku.

Selaras dengan penubuhan Pasukan Penguat Kuasa Pilihan Raya, kesalahan pilihan raya ini, SPR akan melantik wakil daripada polis, Pihak Berkuasa Tempatan dan wakil daripada calon-calon untuk menganggotai Pasukan Penguat Kuasa Pilihan Raya, kesalahan pilihan raya. Penguat Kuasa Pilihan Raya dan kesalahan pilihan raya akan bertindak sebagai satu pasukan yang akan mengambil tindakan sewajarnya di atas pelanggaran Akta Pilihan Raya semasa tempoh kempen pilihan raya diadakan. SPR berharap dengan pembentukan Pasukan Penguat Kuasa ini, suatu bentuk tindakan segera dapat diambil terhadap apa-apa jua perbuatan, pelanggaran undang-undang dan peraturan yang timbul semasa tempoh kempen pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, di antara fungsi-fungsi utama Pasukan Penguat Kuasa Pilihan Raya, kesalahan pilihan raya ini adalah seperti berikut:

- menerima pengaduan daripada orang ramai melalui Bilik Gerakan yang akan ditubuhkan di peringkat Parlimen;
- mengambil tindakan segera terhadap pengaduan yang diterima;
- membuat rondaan memantau aktiviti berkempen oleh calon-calon bagi memastikan undang-undang pilihan raya dipatuhi;
- menurunkan serta-merta poster atau bahan-bahan kempen yang tidak mematuhi Undang-undang Pilihan Raya; dan
- memantau apa-apa pernyataan yang bercanggah dengan undang-undang dan kepentingan pilihan raya.

Pasukan Penguat Kuasa juga akan bertindak menyimpan setiap rekod aktiviti berkempen yang berlaku dan rekod-rekod ini boleh dijadikan sebagai rujukan bila mana diperlukan. SPR berpendapat dengan penubuhan Pasukan Penguat Kuasa Pilihan Raya untuk memantau segala aktiviti semasa tempoh berkempen, termasuk aktiviti-aktiviti berkempen melalui iklan atau sebagainya, baik yang menyentuh hal-hal yang dilarang atau ugutan, akan dapat dipantau dan disekat.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah dinyatakan di sini bahawa pindaan rang undang-undang ini adalah menyentuh mengenai Ketua Pegawai Penguat Kuasa yang akan dilantik. Ketua Pegawai Penguat Kuasa ini adalah terdiri daripada pegawai yang dilantik oleh SPR yang akan diberi kuasa untuk membuat keputusan secara muktamad. Ketua Pegawai Penguat Kuasa akan bertanggungjawab kepada Pegawai Pengurus dan seterusnya kepada Pegawai Pilihan Raya Negeri. Semua urusan pemantauan dan tindakan akan dikawal selia oleh Ibu Pejabat SPR supaya semua berjalan lancar, seragam dan mematuhi undang-undang dan peraturan.

Dalam erti kata yang lain, pelaksanaan Penguat Kuasa Pilihan Raya, kesalahan pilihan raya seluruh negara akan diawasi sepenuhnya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia di Kuala Lumpur. Bagi tujuan ini, di setiap bahagian Parlimen yang ditubuhkan Penguat Kuasa Pilihan Raya akan disediakan Bilik Gerakan Penguat Kuasa Pilihan Raya sebagai pusat menerima aduan tentang aktiviti-aktiviti berkempen yang berlaku.

Bagi tujuan keberkesanan pelaksanaan pemantauan ini dan juga pelaksanaan Penguat Kuasa Pilihan Raya, SPR akan mewujudkan hubungan dengan pihak polis kerana bidang penguatkuasaan undang-undang adalah di bawah tanggungjawab pihak polis. SPR berharap dengan penubuhan jawatankuasa ini dan juga dengan penetapan kuasa muktamad diberi kepada Ketua Pasukan Penguat Kuasa Pilihan Raya, ianya diharapkan

boleh mengambil tindakan segera terhadap apa-apa jua aktiviti perbuatan yang bertentangan dengan Akta Pilihan Raya semasa kempen pilihan raya diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

12.30 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sukacita untuk turut serta dalam perbahasan ini dan di peringkat awal ini saya hendak melahirkan rasa penghargaan, sokongan dan ucapan tahniah. Semua pindaan-pindaan yang telah dan sedang kita bahaskan hari ini yang berkaitan dengan pilihan raya ialah hendak menentukan supaya perjalanan pilihan raya di negara kita akan dapat berjalan dengan licin, dengan penuh ketenangan, dengan penuh keamanan dan kalau pilihan raya tersebut dapat dijalankan dengan penuh ketenangan, dengan penuh keamanan, dengan penuh keharmonian, maka si pemilih atau pengundi yang juga rakyat Malaysia ini akan dapat menzahirkan, akan dapat melahirkan pilihan mereka secara lebih selesa dan tidak ada unsur-unsur tekanan, tidak ada unsur-unsur paksaan dan jauh sekali dari rasa ketakutan yang boleh menjejaskan pilihan yang tepat.

Oleh yang demikian, kepercayaan saya melalui pengalaman-pengalaman yang lalu, pengalaman-pengalaman dari tahun 1955 sehinggalah pengalaman-pengalaman dalam tahun 1999 dan selepas itu pengalaman-pengalaman kita tujuh kali pilihan raya kecil. Ianya memberikan gambaran yang jelas dan terang kepada sesiapa sahaja yang bertanggungjawab dalam negara ini bahawa keadaan ini kalau tidak diperbetulkan, keadaan ini kalau tidak diperlihatkan dengan tindakan-tindakan yang boleh menjamin kelangsungan pilihan raya berjalan dalam suasana yang baik, ianya tidak memberikan faedah kepada rakyat.

Jadi pindaan-pindaan ini sudah sewajarnya kita sokong dan mari kita berikan sepenuh-penuh kepercayaan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dengan pindaan-pindaan yang telah diluluskan ini dan bakal diluluskan ini, mereka menjalankan pilihan raya ini dengan penuh rasa tanggungjawab, telus, saksama dan adil. Cuma dalam perkara ini, kita jangan berburuk sangka. Yang jadi masalah kita, saya perhatikan rakan-rakan saya daripada Parti PAS, terutamanya parti-parti pembangkang nampak jelas sangat rasa syak wasangka. Syak wasangka ini memang boleh mengubah akal fikiran siuman kepada fikiran yang bercelaru. Kalau malam-malam hari saya syak wasangka benda yang berdiri di depan saya, saya katakan hantu walaupun pokok, dia tetap jadi hantu yang menakutkan. Ini fasal syak wasangka. Jadi, inilah jadi masalah kerana SPR menjalankan satu kewajipan di mana kewajipan ini menentukan kuasa. Jadi SPR menjalankan kerja untuk menentukan kuasa dan orang yang hendak berkuasa, maka berebut-rebutlah dia.

Jadi, untuk masalah seperti ini kadangkala ini yang saya kata semalam, SPR jadi sasaran. Ini yang saya kata semalam, lain yang makan angka, lain yang kena getah. Kota Melaka faham lain makan angka, lain makan getah ini. *[Ketawa]* Jadi kadang-kadang bukan salah SPR tapi dilambakkan, dimandikan, dilibatkan seolah-olah SPR itu bersalah. Tujuan hendak menunjukkan SPR bersalah itu supaya gambaran diberi bahawa SPR tidak adil. Tunjukkan gambaran untuk memberikan SPR itu salah supaya SPR ini memihak, itu tujuannya. Jadi ini buruk sangka yang sebenarnya tidak sepatutnya kita amalkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat ini akta ini. Masukkah ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Masuk Tuan Yang di-Pertua, masuk ini, akan masuk ini dan saya sedang masuk ini Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya perhatikan dia masuk sedikit-sedikit sahaja, lama saya merenungnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya jenis orang yang tidak bergopoh-gapah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Lain Jeli, Jeli ini tergopoh-gapah, orang muda lain. Saya tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar betul-betul masuklah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay ini masuk Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap kita belum cuba, penguat kuasa ini benda baru, perkara baru. *[Ketawa]*. Kita belum cuba tetapi saya yakin dan percaya dengan kebijaksanaan dan pengalaman yang luas SPR, tentulah fungsi penguat kuasa ini akan dapat membantu supaya proses pilihan raya dalam negara kita, mungkin dalam pilihan raya yang ke sebelas ini akan dipraktikkan, akan mendapat hasil seperti yang dicita-citakan dan kita semua harus bekerjasama. Tentulah tujuannya baik, maka kita harus bekerjasama untuk mencapai tujuan baik SPR ini dan ini akan memberikan pulangan yang baik kepada rakyat.

Bagi saya orang yang berpengalaman mengetuai jentera pilihan raya, dari sejak Allahyarham Tun Hussien Onn bertanding di Sri Gading, ada enam masa yang ada kaitan dengan pilihan raya. Saya tidak tahu di mana penguat kuasa ini boleh berfungsi. Bagi saya, harapan saya supaya keenam-enam pecahan masa jawatankuasa ini boleh ataupun mahulah berfungsi.

Pecahan pertama Tuan Yang di-Pertua, ialah apabila Parlimen dibubarkan. Pilihan raya umum akan bermula masanya setelah Parlimen dibubarkan, bermula Parlimen dibubarkan jadi hari-hari Parlimen dibubarkan. Parti-parti politik lazimnya akan mula mengatur kerja, mengatur siasahnya, mengatur gerak kerjanya untuk persiapan dan hari-hari setelah Parlimen dibubarkan ini, mulalah bahang pilihan raya itu akan bermula dengan hebat. Itu pecahan masa yang pertama.

Pecahan masa yang kedua ialah hari penamaan calon. Di sini pengalaman kita, kalau tidak kerana penguatkuasaan keselamatan, kalau tidak dengan kawalan yang ketat, mungkin boleh berbunuh-bunuh kerana berdepan betul dua ketumbukan ini antara parti yang memerintah dengan parti pembangkang ataupun calon-calon bebas. Tetapi selalunya calon bebas tidak mengancam tetapi parti-parti. Di sinilah, pada hari penamaan calon ini, cuba dizahirkan kekuatan parti masing-masing. Jadi, di mana peranan jawatankuasa ini. Yang kedua, hari penamaan. Pecahan hari yang ketiga, pecahan masa ketiga ialah hari-hari berkempen.

Ada dikatakan di sini seperti poster, ceramah dan sebagainya. Saya memang suka apa yang diaturkan oleh SPR, macam poster. Saya rasa sampai masanya, poster ini pun dihadkan. Ini, poster kadang-kadang *roundabout* itu sudah tidak nampak *roundabout*, tidak nampak poster dia. Selepas itu persimpangan pun sudah tidak nampak persidangan, poster sahaja, boleh jadi kemalangan dan menyemakkan. Itu poster dan poster-poster ini pula macam tulisan-tulisan, yang kadang-kadang tidak ada kaitan. Saya pergi pilihan raya kecil ini semua Tuan Yang di-Pertua, "*Mahathir 'Tahut'*" . Apa ada kena-mengena "*Mahathir 'Tahut'*" dengan pilihan raya?...

Beberapa Ahli Pembangkang: *Toghut... Tho!...[Cuba membetulkan sebutan Yang Berhormat bagi Sri Gading]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: "*Mahathir Firaun!*" Apa kena-mengena?

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa kena-mengena? Tidak ada kena-mengena. Perkataan-perkataan yang tidak ada kaitan dengan pilihan raya. Perkataan-perkataan yang membangkitkan kemarahan dan pelbagai lagilah. Ini, saya rasa penguat kuasa ini boleh mengambil tindakan-tindakan yang boleh menyebabkan satu-satu pilihan raya itu bertukar daripada tenang menjadi suatu bentuk di mana pergaduhan, peperangan, atau mungkin pembunuhan macam di negara-negara lain.

Alhamdulillah, di Malaysia belum jumpa lagilah orang pembunuhan... *[Ketawa]* Belum jumpa orang pembunuhanlah, ya. Kalau ada pun, sebagaimana yang didakwa itu kerana perkara-perkara yang lain asalnya tetapi ada kaitanlah. Jadi, kita harap perkara-perkara yang tidak menguntungkan ini boleh kita elakkan. Mudah-mudahan dalam pilihan raya-pilihan raya yang lepas, dengan pindaan-pindaan yang baru, yang kita luluskan di Parlimen ini untuk mengawal, menyelia supaya pilihan raya itu dapat berjalan dengan begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihan raya akan datang ini mengikut pindaan atau mengikut apa yang telah kita putuskan, bahawa parti-parti politik tidak boleh lagi mewujudkan pondok panas, tidak boleh lagi. Ia ditukar dengan barung. Barun kah atau barung? Dikelolakan oleh SPR sendiri. Tidak ada apa-apa bantahan saya di situ, cuma saya hendak mencadangkan kepada SPR supaya barung-barung ini disediakan pekerja-pekerja yang cukup, disediakan pekerja-pekerja yang cukup supaya pengundi-pengundi yang datang tidak akan berbaris panjang untuk mengetahui kedudukan saluran berapa mereka mengundi, nombor berapa. Jadi, jangan biarkan pengundi sampai berbaris begitu panjang, lebih-lebih lagi kerana panas dan sebagainya, akan menimbulkan kegelisahan. Jadi, banyakkau kaunter-kaunter yang boleh melayan pengundi-pengundi yang datang, terutama pada masa-masa yang tertentu. Kita tahu waktu pagi, waktu tengah hari.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini, tidak ada dalam pindaan ini Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini, dalam kerja penguat kuasa ini. Jadi, dia juga harus menyelia di luar itu. Ini semua kerja-kerja dalam hari pembuangan undi supaya dapat disediakan sebanyak-banyaknya, supaya pengundi-pengundi..., kadang-kadang pengundi sudah berbaris dekat luar, di luar pagar. Selepas itu, ke dalam hendak masuk ke bilik mengundi, berbaris lagi. Jadi dua kali baris bukan boleh kata orang masuk dengan begitu ramai. Ia bukan panggung wayang. Ia ada sistemnya yang memang terpaksa begitu, satu-satu. Jadi, kalau di sini sudah berbaris, selepas itu di sana berbaris lagi, jadi dua kali baris yang panjang maka ini akan menggelisahkan pengundi-pengundi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini sedikit sebanyak yang saya dapat meluahkan dalam perbincangan rang undang-undang meminda Akta Pilihan Raya 1998 yang sepatutnya kita semua sokong. Saya harap parti pembangkang pun kena sokong. Saya tengok parti pembangkang dalam membahaskan rang undang-undang Akta Kesalahan Pilihan Raya tahun 1954 itu bukan main banyak lagi dia punya menyalahkan. Macam takut sangat. Jadi kami fikir-fikir agaknya pasal banyak sangat PAS ini buat salah, jadi apa pun undang-undang hendak mengawal dia, itu yang dia marah betul.

Jadi, nampak sangat macam dia banyak dosalah dalam pilihan raya. Itu sebab dia pun bising banyak dan bercakap macam-macam. Saya ingat ini pun dia akan bercakaplah. Dia bercakap-bercakap, semuanya menyalahkan. Pasal dia rasa banyak sangat dosa yang telah dia buat menyebabkan pilihan raya-pilihan raya kita yang lepas itu macam hendak berperang. Hebat, kadang-kadang hendak berperang, Melayu dengan Melayu ini hebat rupanya. Kalau Melayu dengan Melayu berperang, lebih dahsyat nampaknya, ya. Bagi PAS begitulah, berperang dengan Melayu itu lebih dahsyat tetapi dengan lain dipeluknya, itu PAS. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kota Melaka.

12.48 tgh.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, baru tadi kita telah luluskan satu rang undang-undang 45 yang berkaitan juga dengan penubuhan pasukan penguat kuasa ini. DAP tidak takutlah penubuhan pasukan ini dan Yang Berhormat bagi Sri Gading jangan buat kesimpulan yang tidak betul.

Cuma, ada satu yang saya telah timbulkan iaitu kita tidak menganggap bahawa penubuhan pasukan ini boleh menyelesaikan begitu banyak kecacatan sistem demokrasi kita, di mana oleh kerana begitu banyak kelemahan telah berlaku, begitu banyak penyelewengan, penyalahgunaan kuasa yang telah berlaku sehingga walau apa pun *benchmark* yang kita dapat gunakan, termasuklah *website* sebagai *benchmark* yang dipaparkan itu. Saya kata, Malaysia kalau kita ikut apa-apa *benchmark* pun, kita tidak boleh membuat kesimpulan bahawa selama ini pilihan raya besar di Malaysia adalah dijalankan secara *free, fair* dan *clean*.

Saya juga harap sebelum saya teruskan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan bawa masalah peribadi masuk Dewan... [Ketawa] Kalau ada masalah *mood*, sila ambil cuti...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila masuk tajuk, ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya bersimpati dengan dia. Sebenarnya, dia baru habis Kongres PPP.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk tajuk Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Senang, saya faham, ya tetapi jangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan panjang sangat nanti panjang pula jawab...

Beberapa Ahli Pembangkang: [Membuat bising]

Tuan Kerk Kim Hock:tetapi, saya faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ikut Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Sebab *mood* dia sampai saya tidak dapat peluang bertanya penjelasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Penjelasan kepada akta Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *Please write to Mrs. Thelma to tell the problems.* [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Kota Melaka, cakap ikut akta Yang Berhormat, sila ikut akta.

Datuk M. Kayveas: [Senyum]

Tuan Kerk Kim Hock: Dia senyum pun, tidak ada gaduh punya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa senyum, senyumlah! Masa bergaduh nanti....?.

Tuan Kerk Kim Hock: Jangan bimbang ya. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ..em, tidak ada senyumnya. Terus, teruskan!.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia senyum sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Menteri bagi Jelebu semasa membuat penggulungan dasar untuk akta yang berkaitan iaitu 45 telah juga berkata bahawa adalah matlamat kerajaan untuk melihat pilihan raya umum di Malaysia dapat

dijalankan secara *free, fair and clean*. Saya tahu bahawa Yang Berhormat Menteri bagi Jelebu pandai berpantun dan juga pandai berdebat, tetapi nampaknya dia pun pandai membuat *tell jokes* di dalam Dewan. Pada saya apabila beliau berkata bahawa adalah hajat kerajaan untuk melihat pilihan raya umum dijalankan secara *free, fair and clean*, *he was telling the best joke of the year* oleh kerana saya rasa tidak ada sesiapa pun di pihak sini yang akan yakin dengan apa yang dikata.

Saya ingin mengatakan di sini bahawa walaupun Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 46 tahun dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membawa banyak pembangunan kepada Malaysia dan Malaysia juga adalah ke arah untuk menjadi satu negara yang moden, tetapi sistem demokrasi kita masih belum sampai ke tahap yang boleh membanggakan kita atau boleh disifatkan sebagai demokrasi moden.

Tuan Yang di-Pertua, dalam demokrasi purba, prinsip yang diamalkan ialah *principle of majority rule*. Akan tetapi dengan perkembangan teori hak manusia dalam abad ke-17, *the principle of majority rule has become a necessary but not a sufficient condition*, dengan izin. Demokrasi moden menitikberatkan hak asasi minoriti yang tidak boleh dirampas. Maka dalam demokrasi moden, *majorities could do everything except deprive minorities of the freedoms of speech, press, assembly, right to a fair trial and so on. The exercises which might enable the minority peacefully to win over the electorate and come to power*. Dengan izin, *minorities might do everything within the context of this human rights to present their case*.

Hak asasi ini memastikan rakyat boleh memberi *freely given consent* mereka dan merealisasikan konsep demokrasi bahawa minoriti mungkin boleh jadi majoriti, tetapi di Malaysia saya telah kata bahawa tidak wujudnya syarat-syarat supaya rakyat boleh memberikan persetujuan mereka secara bebas dan sukarela. *In other words* dengan izin, di Malaysia *freely given consent of the govern does not exist*. Jadi itulah sebabnya apabila pembangkang mengkritik kerajaan, kita bukan kata seolah-olah SPR itu langsung tidak berguna.

Saya pernah ditanya oleh seseorang, adakah SPR begitu tidak berguna langsung. Saya kata: "*Tidak*". Sekurang-kurangnya saya dengan ikhlas memperkatakan bahawa saya tidak pernah dengar ada aduan yang begitu ketara seperti yang telah berlaku di Filipina di mana orang kata ada *vote rigging*. Di Malaysia saya mengaku walaupun saya pernah kalah di Ipoh Timur dahulu, saya tidak pernah salahkan SPR. Saya bangga dengan *civil servant* yang telah menjalankan kerja yang baik daripada hari pengundian di mana tidak ada undi-undi palsu atau undi tambahan diletakkan dalam peti undi. DAP tidak pernah membuat tuduhan sedemikian.

Itulah saya kata bahawa *civil service* dan SPR dalam kerja ini amat bagus, tetapi yang kita pertikaikan adalah kadangkala SPR tidak dapat bertindak secara bebas dan kerajaan pula menyalahgunakan kuasa untuk *advantage* sendiri. Saya bagi satu contoh di mana saya kata SPR tidak bebas. Pada tahun 1999, sebelum pilihan raya diadakan, pada hari penamaan, saya telah meminta pemimpin-pemimpin DAP membuat pertanyaan bilakah kita boleh dapat *electoral role*. Saya sendiri pun tanya, jawapannya ialah kita tunggu, kena tunggu, sampai *on the eve of the nomination day* pun tidak dapat dibekalkan *electoral role*. Dan saya tanya kepada pegawai yang saya dapat hubungi. Bukan saya satu orang yang tanya....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada dalam akta?

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak. Semalam pun dia dapat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm.

Tuan Kerk Kim Hock: Dan jawapan yang diberi ialah belum siap dan saya kata kalau saya seorang pakar *management*, saya akan buat jadual. Kalau saya tahu kita memerlukan sepuluh hari untuk mencetak *electoral role* yang baru, takkan saya tetapkan tarikh pilihan raya pada hari yang kesembilan atau kesepuluh. Saya akan menetapkan tarikh pilihan raya pada hari yang kelima belas. Apakah jawapan yang diberikan kepada saya, Tuan Yang di-Pertua? *You know who decided the date*. Itulah masalah. Apabila

orang yang begitu *frustrated* berkata kepada kita apa yang sebenarnya. Inilah yang menunjukkan dan nanti kerajaan akan menjawab ini bukan benar dan sebagainya. Inilah masalahnya di Malaysia. SPR tidak dianggap sebagai bebas untuk menentukan tarikh pilihan raya pun. Ini satu contoh sahaja saya hendak bagi untuk menunjukkan mengapa timbul tuduhan bahawa SPR tidak dapat bertindak secara adil.

Satu lagi contoh kalau saya hendak bagi ialah kawasan Kota Melaka. Saya rasa dalam majlis dialog antara saya dengan SPR baru-baru ini, saya telah memaklumkan bahawa seramai 3,700 penyokong Barisan Nasional telah dimasukkan ke kawasan Kota Melaka secara sah. *It's all the legally imported voters into* Kota Melaka. Mengapa? Bolehkah SPR berikan satu asas yang baik? Tidak boleh sampai hari ini. Saya kata saya cabar SPR untuk berjumpa dengan saya dengan semua ahlinya – *commission*, tetapi tidak berani.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tolong bercakap masuk akta Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Itulah sebabnya saya katakan dalam konteks ini, kalau kita betul-betul hendak memastikan bahawa pilihan raya umum di Malaysia akan dijalankan secara adil dan bebas, kita mesti ada konsep yang betul. Kalau tidak, walaupun kita menubuhkan pasukan penguat kuasa ini, ia tidak akan menyelesaikan begitu banyak masalah dan demokrasi kita akan tinggal di tahap demokrasi antara purba dan moden dan bukan satu demokrasi moden yang boleh kita banggakan.

Saya kata satu konsep yang mustahak semalam saya sentuh sedikit ialah kerajaan mesti faham seperti demokrasi di negara Barat, di mana mereka menganggap kuasa untuk memerintah itu sebagai suatu alat untuk melaksanakan satu polisi yang adil, iaitu ini bermakna bahawa kuasa memerintah adalah satu alat sahaja dan bukan tujuan atau matlamat yang akhir. Maka apabila pilihan raya datang, negara-negara Eropah akan mempertahankan polisi mereka bukan alat itu.

Oleh kerana polisi yang tidak baik, mereka sanggup kalah tetapi di Malaysia, kuasa memerintah dipandang sebagai alat dan juga matlamat akhir. Maka apabila peluang kerajaan untuk menang dalam pilihan raya tidak baik lagi atau kedudukan telah terancam, mereka akan membuat sesuatu untuk memperkukuhkan alat itu bagi mengekalkan kuasa memerintah itu dan ini menjadi masalah di Malaysia. Walaupun kita kata kita mengamalkan Sistem Demokrasi, tetapi kita tidak ada suatu semangat demokrasi yang tulen. Itu yang menjadi masalah. Jadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masuk akta Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini memang masuk Tuan Yang di-Pertua. Semalam kita ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau 36(1) jelas Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock:bincangkan 35, Yang Berhormat bagi Dungun dan semua pun telah dibenarkan berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, tidak apalah. Saya tegur sahaja Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Semalam saya tidak ada peluang, Sri Gading juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tengok berapa lama, nampaknya tidak masuk-masuk, hanya sedikit, selepas itu dah pergi ke lain. Tolong Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah lama tentu faham.

Tuan Kerk Kim Hock: Celah-celah saya pun kena ganggu jadi

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm.

Tuan Kerk Kim Hock: Tapi masalah ini kalau kata bahawa pasukan penguat kuasa ini dan tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut bahawa pindaan

ini adalah perlu oleh kerana apa yang telah berlaku di Ketari juga. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan apakah insiden-insiden yang telah berlaku di Ketari? Oleh kerana apabila diadakan dialog dengan SPR, berkenaan dengan keperluannya untuk menubuhkan pasukan penguat kuasa ini, tidak pernah saya dengar satu kali pun daripada SPR bahawa Rang Undang-undang ini akan dibentangkan di Parlimen oleh kerana berkaitan dengan pilihan raya kecil yang telah berlaku. Saya bagi. Bagilah contoh kepada saya dan apakah tujuan dan kegunaannya atau apakah tujuan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh sambung petang ini, Yang Berhormat?

Tuan Kerk Kim Hock: Tangguh petang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dewan disambung semula. Yang Berhormat bagi Kota Melaka boleh menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita berhenti untuk berehat, saya ada tanya supaya Yang Berhormat Timbalan boleh memberikan contoh apakah insiden-insiden yang tidak diinginkan yang telah berlaku semasa Pilihan Raya Kecil Ketari. Setahu saya, DAP ada membuat beberapa laporan tetapi saya tidak anggap ini sebagai keganasan yang begitu ketara. Jadi, saya hendak tahu mengapa kerajaan telah menggunakan contoh itu untuk memberikan justifikasi mengapa rang undang-undang ini digubal.

Saya tahu bahawa DAP ada buat sekurang-kurangnya dua laporan polis. Yang pertama berkenaan dengan undi hantu. Yang kedua berkenaan dengan tingkah laku daripada penyokong UMNO atau ahli-ahli UMNO. Tetapi, apa yang saya hendak timbulkan di sini ialah bahawa nampaknya walaupun pasukan penguat kuasa telah ditubuhkan ia tidak akan menanganinya begitu banyak masalah yang kita sebenarnya telah membuat aduan kepada pihak SPR.

Pada pendapat saya, kalau pasukan penguat kuasa ini hanya boleh menjalankan tugas dengan cara baik kalau dia mempunyai tiga unsur. Pertama, ia haruslah mempunyai status *independent* atau bebas. Kedua, ia boleh melaksanakan tugasnya dengan efektif; dan yang ketiga ia boleh melakukan tugasnya dengan adil.

Kalau tidak *independent* maka itu yang kita kuaratir dan saya ada satu petikan di sini iaitu Malaysia Kini Report di mana Tan Sri Rashid, Pengerusi SPR mengatakan bahawa '*EC not meant to be fully independent*' dan segala apa yang beliau buat atau SPR dapat buat terpulang, tertakluk kepada toleransi kerajaan. Ini menjadi satu masalah kalau seorang Pengerusi SPR juga berpendapat sedemikian, saya memang bersimpati dengan dia. Oleh kerana kalau itulah pandangan dia dan memang beliau mempunyai sebab-sebab yang kukuh dan tertentu untuk membuat kenyataan sedemikian, saya memang boleh juga faham mengapa kadangkala SPR tidak boleh melakukan kerja mereka dengan bebas seperti diharapkan oleh semua parti politik di Malaysia ini. Saya berharap bahawa pasukan penguat kuasa ini akan betul-betul diberikan status yang bebas dan tidak akan dapat tekanan dari sesiapa pun untuk menjalankan tugasnya.

Yang kedua, ia haruslah berefektif. Berefektif bermakna bahawa masalah-masalah dapat diatasi dengan segera dan serta-merta dan bukan kita tunda-tunda sehingga akhirnya tidak ada kesan pun langsung selepas pilihan raya dan keputusan diumumkan.

Berkenaan dengan efektif ini, saya hendak bertanyalah di sini. Semalam saya ada tanya tetapi tiada jawapan. Kalau poster ini tak ada jawapan [*Menunjukkan sekeping*]

poster] poster yang Lim Kit Siang memakai serban, ada janggut disembarkan oleh Barisan Nasional. Apakah tindakan yang boleh diambil selepas katalah hari pembuangan undi, kalau kita ada bukti menunjukkan sesiapa yang berbuat sedemikian, adakah pasukan penguat kuasa akan ambil tindakan ke atas parti yang melakukan ini atau kita terpaksa menggunakan kaedah-kaedah lain untuk mendapatkan keadilan.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: *No problem, afterwards. Your mood is getting better now, very good, you are smiling also. I think lunch will help a lot,* dengan izin. Yang kedua, saya ada sebutkan semalam kalau dalam ceramah ada orang menggunakan perkataan '*kafir harbi*' itu menyakitkan hati para penyokong sesebuah parti. Apakah yang boleh dilakukan oleh SPR?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih. Yang Berhormat semalam sudah cakap panjang lebar dah tentang *kafir harbi* ini dan sekarang ini pun Yang Berhormat cakap perkara yang sama. Itu tak apa, itu hak Yang Berhormat. Tetapi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, pagi tadi saya difahamkan pasal isu yang sama. Yang Berhormat telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat tetapi saya tidak hadir di dalam Dewan.

Bolehkah Yang Berhormat jelaskan apa Yang Berhormat tidak puas hati yang menyebabkan Yang Berhormat bangkitkan lagi isu itu pagi tadi? Terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Nampaknya Yang Berhormat *mood* pun baik. Tanya dengan cara yang baik juga. Okey, berkenaan dengan apa yang saya sebutkan pagi ini adalah bersangkut paut dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat semalam yang telah dilaporkan oleh *New Straits Times* di mana Yang Berhormat kata, "*I asked for forgiveness and I did not retract what I have said.*" Yang itu dalam konteks di mana DAP telah dituduh sebagai *kafir harbi*.

Saya pagi ini sebenarnya telah dapat panggilan telefon daripada peguam-peguam yang mengatakan bahawa seorang peguam harus tahu, kalau ada sokong ini menganggap satu penyelesaian atau *settlement* dalam mahkamah, tiada boleh sesiapa boleh keluar dari mahkamah berbuat kenyataan sedemikian. Sama juga dalam konteks Parlimen. Kita anggap perkara itu sudah selesai kalau Yang Berhormat minta maaf.

Jadi, kalau Yang Berhormat keluar kata, saya minta, tetapi dia tidak tarik balik. Ini pada kita tidak menunjukkan kejujuran Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit. Sekarang antara Yang Berhormat berucap dan ada berkaitan dengan Akta Pilihan Raya kecuali Yang Berhormat hendak rujuk balik kepada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya ini, sebab pagi tadi saya tidak ada. Jadi saya tidak ada peluang untuk mendapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, saya hendak mendapat penjelasan. Baik Yang Berhormat, saya pertama sekali, kita kena jelas. Saya semalam bangkitkan perkara ini, saya kata saya memberi contoh. Ada dua jenis kafir. Kemudian saya ambil contoh itu satu MCA satu DAP. Saya tidak tuduh DAP. Ini kena jelas. Saya tidak tuduh. Saya ambil contoh.

Jadi, kalau saya kata, kalau contoh yang saya beri itu tidak kena kepada DAP, saya minta maaf. Itu sahaja. Kalau saya tuduh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah kata demikian semalam?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya. Saya sudah kata saya minta maaf. Jadi, saya tidak mahu panjang isu ini. Isu ini memang kita tahu isu ini sensitif. Baik. Saya kata semalam kalau contoh itu tidak kena, saya minta maaf. Jadi, kalau saya menuduh, saya kata betul macam mana ceramah yang Yang Berhormat katakan itu, saya tidak kata macam itu. Saya ambil contoh, kecuali saya kata contoh DAP ini parti *harbi*. Itu saya boleh tarik baliklah. Tetapi saya tidak tuduh. Saya kata contoh. Satu MCA, satu DAP. Kalau contoh itu tidak sesuai, DAP tidak boleh terima, ambil contoh itu, saya kata okeylah saya ambil contoh Yahudi *kafir harbi* ini. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, kita selesaikanlah. Baiklah. Baiklah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, saya minta maaf kalau contoh tidak kena. Yang Berhormat boleh puas hati?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat semalam memang telah meminta maaf dalam perkara ini. Cukuplah. Saya ingat cukuplah. Cukuplah. Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya selesaikan perkara inilah.

Tuan Kerk Kim Hock: Sama ada contoh atau tuduhan, Yang Berhormat sendiri tahu sebagai seorang Islam. Tidak boleh kita kaitkan sesiapa yang menyebabkan rasa sakit hati...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun sambil menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah. Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi, saya akan terima, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Kerk Kim Hock: Seperti yang saya kata di luar Dewan dengan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat jujur, tarik balik dan minta maaf, saya anggap selesai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka, ada Peraturan Mesyuarat daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau tidak besok, Perdana Menteri ada sini kita akan terus

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi, katalah secara jujur.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hey!

Tuan Kerk Kim Hock: *Just sit down.*jujur dan ikhlas itu, selesai semua.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya beri kepada Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perbincangan adalah mengenai Akta Pilihan Raya, jadi mengapa diheret-heret satu perkara yang telah pun di bawa dalam Dewan semalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat *ruling* pada Yang Berhormat bagi Kota Melaka ini supaya *back to the point*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik! Sebenarnya perkara ini yang disentuh oleh Setiausaha Parlimen...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tetapi tidak boleh dibincangkan sewaktu rang undang-undang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betul, betul. Baik! Saya faham. Memang, betul. Baik. Jadi, saya minta kedua-dua pihak menyelesaikan benda ini di sini. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah sekali lagi meminta maaf dan beliau berkata kalau contoh itu tidak sesuai, tidak boleh digunakan, dia tarik balik. Jadi, selesaikanlah perkara ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Kita berdua ada cara terbaik untuk menyelesaikan. Orang lain tidak boleh menyelesaikan,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah. Kita lanjutkan ucapan ini.

Tuan Kerk Kim Hock:tetapi kalau Yang Berhormat sudah kata tarik balik, minta maaf dengan perkara ini, saya terima. Yang lain.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat, kalau perkara ini tidak ada kena mengena, kenapa harus dibincangkan dalam Dewan ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Buat apa *you* susah-susah ini. Duduk sahajalah, ini kaki kacau sahajalah ini. Saya teruskan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ya. Saya sudah minta Yang Berhormat.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tetapi, jangan diizinkan dia berterusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...melanjutkan ucapannya.

Tuan Kerk Kim Hock: ...selalu beremosi sahaja.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *That's no special for you, man.*

Tuan Kerk Kim Hock: Ini semua hari-hari soal perkauman-perkauman.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Apa dia, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah. Okey.

Tuan Kerk Kim Hock: Bau perkauman.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apa istimewanya Setiausaha Agung DAP diberi peluang untuk menjelaskan sewaktu perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah

Tuan Kerk Kim Hock: Peraturan Mesyuarat berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:membuat keputusan. Saya sudah membuat keputusan lanjutkan ucapan. Ya, terus... *[Disampuk]* Cukuplah, cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Seorang Ahli: Tidak ada penjelasan juga...

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak apa, saya rela beri, kita berdua selesaikan. Tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita fahamlah. Cukuplah. Baiklah, semua fahamlah. Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya ingat, saya yang minta penjelasan. Jadi, saya ingat bolehlah ambil penjelasan itu. Okey! Saya ingat Yang Berhormat sudah puas hati, tidak timbul lagi isu ini. Okey!

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau jujur

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah selesailah, cukuplah. Lanjutkan ucapanlah.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau dia kata, dia jujur dan tarik balik tanpa syarat, saya terima, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Kerk Kim Hock: Kita teruskan. Tetapi ini, Yang Berhormat bagi Parit Sulung lain kali jangan kacau. Apa *you* tahu, selalu ucap penuh emosi sahaja, ucap sahaja perkauman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sambung ucapan berkaitan dengan akta.

Tuan Kerk Kim Hock: Itu sahaja yang dia tahu. Apa dia tahu?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Apa saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Kerk Kim Hock: Cukuplah! Saya tidak beri jalan pada dia. Orang ini saya tidak beri jalan. Baik, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, kalau hendak minta jalan 10 kali, saya beri, sebab saya memang macam itu, orang baik saya baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan gaduhlah, bulan puasa...

Tuan Kerk Kim Hock: Orang keras, saya keras. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Kerk Kim Hock: Okey, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya mengenai fungsi berkenaan dengan Pasukan Penguat Kuasa, sebab bila saya timbulkan aduan yang saya pernah bawa kepada SPR berkenaan dengan *free dinners*, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pagi ini menjawab bahawa ini tidak masuk dalam bidang kuasa penguat kuasa.

Saya hendak tahu bagaimana kita membuat penafsiran terhadap fungsi pasukan ini. Saya ada baca, salah satu fungsinya adalah untuk, dengan izin, dalam akta yang kita bahaskan pagi ini, 27(d), "*to control and coordinate the carrying out of any campaign activity specified in any written law relating to elections in its area of control*".

Mengapa ini tidak masuk dalam ini. Saya tidak faham mengapa kita hadkan kuasa dia dan saya harap dapat satu jawapan. Kalau tidak bagaimana pasukan, kalau kita di Parlimen tidak faham seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading... *[Ketawa]* bagaimana kita hendak pasukan menjalankan tugas dengan efektif.

Sebab itu, pagi ini saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, tidak patut kalau kerajaan kata, perkara ini baru, kita tidak tahu, kita cuba. Ini bukan cara kita menggubal undang-undang. Kita sendiri mestilah faham, barulah orang yang akan laksanakan ini faham. Kita tidak mahulah projek macam *Housing Tribunal*, ia ada mahkamah, ada keputusan mahkamah untuk mengatakan bahawa *Housing Tribunal* tidak berhak untuk mengadili beberapa kes dahulu.

Jadi saya minta supaya adakan satu fahaman yang begitu jelas berkenaan dengan fungsi dan kuasa mereka. Bila saya tinjau panduan ini, yang telah diberikan kepada saya semasa saya menghadiri dialog dengan SPR. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Tumpat yang mengatakan bahawa kalau kita kata wakil parti politik sahaja, ini tidak bermakna bahawa wakil dan calon boleh dilantik dan calon, dia pasti ada wakil.

Sebenarnya, dalam – panduan yang kita bincang, ia ada sini, wakil politik/wakil calon. Ini kita memberikan ruangan kepada calon bebas tetapi bila undang-undang dibentangkan tidak ada pula.

Jadi, ini satu kesilapan dan saya dengar ucapan-ucapan yang bagus yang diberikan oleh pihak pembangkang, bukan dari sana tetapi tidak ada kerelaan, kesanggupan untuk mengakui bahawa memang ada kecacatan atau kelemahan dalam rang undang-undang ini.

Inilah satu yang kita rasa sedih. Yang baik tidak diterima. Saya rasa apa yang Yang Berhormat bagi Tumpat kata dan juga kawan-kawan saya itu baik, kita harus terima dan buat pindaan. Jangan selalu hendak jaga air muka sahaja, kita kena jaga keadilan dalam negara ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebut ialah berkenaan bahawa pasukan ini juga harus dapat bertindak dengan adil. Ini yang saya rasa. Kalau SPR sebagai satu badan yang telah ditubuhkan di bawah peruntukan Perlembagaan Negara, tidak dapat bertindak adil dan sentiasa dikritik oleh pihak pembangkang sebagai tidak bebas dan adil, saya khuatir bagaimana pihak Pasukan Penguat Kuasa ini boleh melaksanakan tugasnya dengan adil.

Saya juga berharap..., secara keseluruhannya saya puas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh *civil servant* pada kempen pilihan raya tetapi ada segelintir orang yang akan tunduk kepada tekanan. Saya beri satu contoh, di mana ada segelintir *civil servant* yang mempunyai mentaliti bahawa *politician are above everybody*.

Saya pernah menghadiri satu pengiraan undi di satu pilihan raya kecil di Kuala Linggi, Melaka, kalau tidak silap, saya menunggu di sana tiba-tiba dengar ada satu pengumuman dibuat oleh RO atau *Returning Officer*, bolehkah semua orang alihkan kereta kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri hendak sampai.

Saya buat aduan kepada pengerusi, saya tahu apakah perasaan dia. Inilah masalah dia. Jalankanlah tugas mengira undi, siapa datang pun tidak kisah. Mengapa kena buat *announcement* tiba-tiba bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sudah sampai. Alihkan kereta, tempat untuk dia. Ini menunjukkan mentaliti *some of the civil servant*, dengan izin, masih begitu. Ini yang saya takut.

Dia bukan ada satu tekanan yang secara bertulis atau begitu *direct*, yang ini *psychological* ini yang saya takut. Kalau pada hari pembuang undi, Yang Berhormat bagi Sri Gading dengan begitu garang, dengan caranya, sebenarnya dia selalu berlakon sahaja. Saya panggil dia pelakon oskar. Dia berlakon kuat betul, gaduh dengan RO atau sesiapa, saya rasa dia orang takut dia juga.

Ini yang saya kata, jangan takut kepada.. [Disampuk] [Ketawa] jJngan takutlah kepada tekanan politik. Saya harap Pasukan Penguat Kuasa dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat. Saya fikir banyak perkara telah kita bangkitkan semalam. Bolehkah saya hadkan masa, setiap orang 15 minit.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik, saya hadkan masa. Okay, Tumpat.

2.50 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut terlibat dalam perbincangan penting mengenai cadangan untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958 ini.

Sebagaimana kita akui dalam negara kita telah banyak kali diadakan pilihan raya dan pilihan raya yang akan datang yang amat ditakuti oleh Barisan Nasional akan merupakan pilihan raya ke sebelas dalam sejarah negara kita selepas merdeka. Keperluan

pilihan raya kita ini hanyalah merupakan satu-satu sahaja yang boleh menjadikan negara kita ini dipanggil masih lagi negara demokrasi oleh orang-orang yang tertentu.

Walaupun banyak di kalangan orang-orang yang mengkaji negara kita secara objektif mengatakan sebenarnya demokrasi sudah pun malap dalam negara kita, yang ada hanya elektokrasi iaitu cara pentadbiran pemerintahan yang secara rasminya diwujudkan melalui pilihan raya-pilihan raya.

Oleh itu memandangkan ini sahaja peninggalan kita yang ada untuk berhadapan dengan Perdana Menteri baru, minggu hadapan dan sebagainya, maka kita amat menumpukan masa, tenaga dan pemikiran kita untuk memastikan supaya Suruhanjaya Pilihan Raya ini benar-benar berlaku dan wujud dengan kuasa dan kebebasan dan keadilan yang boleh diberikan oleh SPR ini kepada seluruh rakyat Malaysia untuk menjamin bahawa kita akan bergerak balik daripada suasana elektokrasi kepada suasana demokrasi.

Jadi, inilah harapan kita dan inilah sebabnya mengapa kita cuba mengambil bahagian, memberikan pandangan dan cadangan kepada rang undang-undang yang kedua ini setelah meluluskan rang undang-undang yang lebih awal tengah hari tadi.

Secara umumnya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan sahabat-sahabat daripada pihak *Backbenchers* bahawa kita tidaklah sepenuhnya mengatakan bahawa SPR ini semuanya tidak baik dan sebagainya. Saya fikir sama sahaja sama ada *Backbenchers* ataupun pembangkang, kita mengharapkan sebagaimana saya sebutkan tadi, supaya SPR pertamanya menjadi suatu suruhanjaya yang benar-benar bebas, tidak takut kepada mana-mana parti politik, ianya bebas kerana ianya dilantik dan dipilih oleh Majlis Raja-Raja Melayu kita dan ini adalah satu-satunya institusi daripada hanya beberapa sahaja institusi yang mempunyai status dan kedudukan yang begitu tinggi dan mulia dalam Perlembagaan kita.

Jadi, kalau kita sudah berkedudukan sebegitu tinggi dan mulia, amatlah menjatuhkan kedudukan kita jika kita takut kepada Puteri UMNO atau kita takut kepada mana-mana badan politik di dalam negara kita ini pun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu juga, pilihan raya dan undang-undangnya senantiasa dipinda selepas pilihan raya-pilihan raya tertentu. Ianya dipinda secara besar-besaran selepas Pilihan Raya 1969, ianya dipinda sekali lagi secara besar-besaran selepas Pilihan Raya 1990 dan ianya dipinda sekali lagi termasuk hari ini selepas Pilihan Raya 1999.

Ada persamaan-persamaan yang jelas dalam Pilihan Raya 1969, Pilihan Raya 1990 dan Pilihan Raya 1999 iaitu dalam ketiga-tiga pilihan raya umum ini, Perikatan pada tahun 1969 dan pada tahun 1990 dan 1999, Barisan Nasional menghadapi kekalahan yang tidak diduga atau tidak boleh diterima olehnya. Maka, dengan sebab itu peraturan dan undang-undang pilihan raya mesti dipinda supaya dapat agaknya mengikut hasrat mereka dijadikan pilihan raya yang akan datang ini menguntungkan mereka.

Ini saya fikir adalah sesuatu yang mesti disedari oleh pihak yang dipertanggungjawabkan oleh Majlis Raja-Raja iaitu pesuruhjaya-pesuruhjaya pilihan raya atau anggota-anggota SPR supaya mereka tidak dipengaruhi oleh mana-mana keputusan pilihan raya yang mereka menjadi orang-orang yang dipertanggungjawabkan. Ini membimbangkan kita sebabnya alasan utama mengapa pindaan ini dibuat, sebagaimana Yang Berhormat bagi Kota Melaka sebut tadi ialah kerana pengalaman Pilihan Raya Kecil Pendang dan Anak Bukit.

Saya tidak lihat apakah yang amat istimewa tentang Pilihan Raya Kecil Pendang dan Anak Bukit sehingga memaksa dilakukan perubahan-perubahan pilihan raya seperti yang dicadangkan ini. Yang jelasnya yang menjadi punca sebenar bukan Pilihan Raya Kecil Pendang dan Anak Bukit tahun lepas tetapi Pilihan Raya Umum 1999 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang akan dicadangkan ini khusus melibatkan istilah-istilah daripada nama-nama seperti ketua tempat mengundi yang akan dipotong kepada istilah dan jawatan-jawatan yang dipanggil pegawai penguat kuasa, Pasukan Penguat Kuasa dan sebagainya.

Saya bimbang kerana jawatan-jawatan yang bernama ketua tempat mengundi, pegawai pilihan raya dan sebagainya mempunyai implikasi-implikasi dan makna yang lain jika dibandingkan dengan istilah yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini, Pegawai Penguat Kuasa Pilihan Raya atau yang sama dengannya. Penguat kuasa ini mempunyai pengertian yang jauh lebih negatif daripada Pegawai Pilihan Raya ataupun Pegawai Tempat Pengundi.

Tugas Suruhanjaya Pilihan Raya ialah untuk menggalakkan rakyat menjadi pengundi dan untuk memastikan bahawa proses mengundi berjalan dengan lancar dan baik. Saya bimbang kalau sikap ini berubah seperti nama-nama jawatan ini berubah. Saya lebih gemar jika jawatan, kalau hendak ditukar pun, bukan menggunakan istilah Pegawai Penguat Kuasa. Saya lebih suka kalau misalnya istilah "Pegawai Panduan Pilihan Raya", *guiding officer* dan sebagainya sebab tujuan kita ialah supaya suruhanjaya ini benar-benar menggalakkan orang daripada proses pendaftaran pengundi kepada hari mengundi untuk benar-benar mengundi secara adil dan bebas, tetapi penekanan dalam istilah-istilah diikuti dengan tugas-tugas ialah penggunaan undang-undang, penekanan terhadap undang-undang, penguatkuasaan undang-undang, kuasa untuk menghalang orang daripada ceramah, kuasa untuk menurunkan tanda-tanda, bendera-bendera, poster-poster dan sebagainya, ini saya fikir tidak sehaluan dengan hasrat yang kita dapat fikir, perlu dilakukan oleh SPR iaitu ianya sepatutnya mesra pengundi, mesra pilihan raya, mesra demokrasi tetapi istilah-istilah, jawatan-jawatan dan tugas-tugas ini nampaknya menakutkan, menyekat dan sebagainya. Saya fikir prinsip ini perlu ditekankan.

Ini bercanggah dengan apa yang dihasratkan oleh Pengarah ataupun Setiausaha SPR sendiri yang menekankan bahawa ianya berhasrat untuk menaikkan jumlah pengundi, untuk mendaftar dua juta lagi pengundi dan sebagainya. Tetapi dalam laporan yang sama, yang keluar dalam akhbar, *The Sunday Star*, bertarikh 29 Jun 2003, Setiausaha SPR telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang amat-amat sekali menunjukkan keberatan atau keberatsebelahan yang ada kepada beliau dan saya harap tidak berkembang kepada keseluruhan SPR itu sendiri. Dalam laporan *The Sunday Star*, 29 Jun 2003 ini, Tuan Yang di-Pertua, dilaporkan di sini, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, "*Wan Ahmad also said that based on the observations of the by election in Pendang and Anak Bukit, Puteri UMNO has been instrumental in reducing PAS influence in the rural areas. "They are really an effective Puteri UMNO. They are really active and the village folks are more accepting and welcoming of these young women" he said. He said, past trend shows that Malay voters in the Klang Valley who supported Barisan Nasional would continue to do so and that Barisan Nasional seats in Kuala Lumpur would be quite secured.*"

Jadi, ini kenyataan-kenyataan yang tidak dinafikan yang dilaporkan oleh akhbar utama negara juga, *The Sunday Star*, 29 Jun 2003 adalah suatu yang sudah tentu kepada sesiapa pun yang membacanya akan mendapat tafsiran bahawa pegawai terpenting dalam SPR telah mengeluarkan kenyataan yang dilaporkan dengan rasmi yang jelas menunjukkan miripnya, minatnya, sokongannya, fokusnya tentang unjuran masa depan, trend pilihan raya yang mana akan dapat kemenangan, sokongan dan sebagainya.

Ini yang membimbangkan kita dan ini yang terus-menerus menjadikan kita bimbang bahawa SPR ini ada matlamat yang lain daripada apa yang dihasratkan oleh Perlembagaan, lain daripada apa yang dihasratkan oleh Majlis Raja-Raja. Ini kebimbangan kita dan inilah yang kita tekankan supaya SPR ambil kesempatan yang masih ada ini supaya ianya bukan sahaja terkenal sebagai sebuah suruhanjaya yang mengendalikan pilihan raya, tetapi ianya terkenal sebagai suruhanjaya yang bebas yang mengendalikan pilihan raya secara adil, secara saksama dan tidak menahan, menyekat ataupun memberi gambaran yang ianya menyokong hanya satu parti politik sahaja, hanya parti politik pemerintah di peringkat negara sahaja dan memberi gambaran-gambaran ini secara pelbagai bentuk selain daripada pengambilan pegawai dari kalangan ahli-ahli politik tertentu, tetapi juga mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang jelas menunjukkan bahawa ianya bersikap berat sebelah kepada parti yang tertentu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong.

3.00 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958. Mula-mulanya saya ingin menyoalkan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat iaitu Fasal 2 dengan memotong takrif "ketua tempat mengundi". Nampaknya semasa membentangkan rang undang-undang ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sudi pun menjelaskan mengapa "ketua tempat mengundi" ini takrifannya dipotong. Apa maksud dengan tindakan untuk memotong takrif "ketua tempat mengundi" ini sama ada jawatan ini tidak ada lagi dan siapa lagi yang akan mengawal tempat mengundi sekiranya "ketua tempat mengundi" ini digugurkan takrifannya?

Saya ingin merujuk kepada Fasal 5, yang anehnya walaupun di Fasal 2 takrifan "ketua tempat mengundi" telah pun dipotongkan, tetapi di lain-lain fasal atau lain-lain seksyen di bawah akta ini "ketua tempat mengundi" ini masih dikekalkan. Jadi saya ingin satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa ini wujud? Mula-mula kita nampak takrifan ini dipotong mungkin jawatan ini pun tidak ada lagi tetapi di bahagian lain akta yang sedia ada, takrifan ataupun perkataan "ketua tempat mengundi" ini masih dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini khususnya adalah untuk menetapkan kuasa pegawai penguatkuasaan dan mengenai dengan perkara yang berkaitan dengannya demi untuk memastikan bahawa undang-undang bertulis yang berhubung dengan pilihan raya dapat dipatuhi. Pematuhan kepada undang-undang dan peraturan pilihan raya sememangnya amat penting sekali untuk menghasilkan pilihan raya demokratik yang bebas, adil dan telus. Soalannya ialah sama ada dengan pindaan ini memberi kuasa kepada pegawai penguatkuasaan dan juga pasukan penguatkuasaan, SPR dapat memastikan pematuhan dari semua pihak untuk membolehkan SPR menjalankan pilihan raya yang menjurus kepada pencapaian tahap *level playing field* yang amat baik kepada negara yang demokratik.

Matlamat utama penubuhan pasukan ini dan juga memberi kuasa kepada pegawai dikatakan untuk memastikan undang-undang bertulis berhubung dengan pilihan raya dipatuhi serta mencegah kesalahan-kesalahan pilihan raya, perbuatan rasuah dan perbuatan lain-lain yang menyalahi undang-undang dalam pilihan raya. Jadi sebelum sebarang penguatkuasaan dapat dilakukan, adakah SPR sendiri telah puas hati bahawa undang-undang bertulis yang berhubung dengan pilihan raya di negara ini dapat menghasilkan pilihan raya yang bebas, adil dan telus mengikut *International Elector Standard* yang menjadi panduan kepada SPR mewujudkan kod etika baru-baru ini, ataupun cuma mengikut kehendak parti-parti pemerintah yang boleh dari semasa ke semasa mengarahkan SPR untuk melakukan sesuatu yang memenuhi agenda mereka, dan SPR tidak ada pilihan lain melainkan mematuhi kehendak parti-parti pemerintah.

Tambahan pula Tuan Yang di-Pertua, prasyarat yang amat penting ialah sama ada SPR mempunyai kebebasan mutlak untuk memastikan pegawai penguat kuasa boleh berfungsi dengan bebas dan adil dan juga terkeluar dari cengkaman dan arahan parti pemerintah semasa memainkan peranan yang diharapkan. SPR sering mengidam-idamkan untuk memainkan peranan dengan baik. Ia akan dapat mewujudkan pilihan raya yang adil dan bebas dan menyemarakkan semangat demokrasi di Malaysia ataupun ia cuma menjadi satu lagi *state apparatus* kepada parti Barisan Nasional.

SPR sering mengatakan ia tidak dapat memainkan peranan yang cukup dengan berkesan kerana SPR tidak ada penguatkuasaan. Saya amat berminat untuk tahu bagaimana SPR dapat memastikan pegawai penguatkuasaan yang diberi kuasa melalui pindaan akta ini dapat memastikan pematuhan dari semua pihak, khususnya dari parti-parti pemerintah dengan patuh kepada undang-undang bertulis dan peraturan-peraturan pilihan raya yang sedia ada.

Saya ingin tahu sebab dalam akta yang kita pinda sebelum ini dikatakan memberi kuasa mutlak ataupun keputusan mutlak kepada pasukan penguat kuasa. Saya ingin tahu sama ada SPR akan mewujudkan satu mekanisme dalaman untuk mengawal proses penguatkuasaan bermula dengan satu aduan hingga ke pendengaran umum sehingga

turunnya satu keputusan. Adakah dengan tidak wujudnya satu mekanisme dalaman, segala keputusan yang dibuat oleh pegawai penguat kuasa akan dirujuk terus kepada pejabat Peguam Negara untuk pendakwaan di mahkamah biasa ataupun dalam Mahkamah Pilihan Raya. Jadi saya ingin tahu adakah satu mekanisme dalaman diwujudkan untuk menguruskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelantikan pegawai pasukan penguat kuasa dalam akta sebelum ini, adalah bagi maksud memantau dan mengawal aktiviti calon sepanjang tempoh berkempen sehingga tamat hari pengundian. Ini bermakna pemantauan ini cuma dalam tempoh berkempen. Akan tetapi apabila kita merujuk kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya yang dipinda pada tahun 2002, kesalahan-kesalahan boleh dianggap dilakukan sebelum, semasa dan selepas pilihan raya. Ini bermakna dari segi undang-undang peranan pasukan penguat kuasa dan pegawainya telah pun dihadkan kepada tempoh berkempen sahaja sedangkan mengikut pandangan kerajaan pendakwaan boleh dilakukan sekiranya kesalahan dilakukan sebelum, semasa dan selepas tempoh berkempen dan adakah pegawai penguatkuasaan mempunyai fungsi ataupun boleh dinampakkan tidak ada peranan selain daripada tempoh berkempen.

Saya juga memerhatikan bahawa pegawai penguat kuasa ini adalah diberi tanggungjawab untuk maksud memantau dan mengawal aktiviti calon seperti yang didefinisikan di bawah Seksyen 27B. Saya ingin penjelasan sama ada ini bermakna aktiviti parti dan aktiviti perseorangan ataupun pertubuhan NGO yang menyokong dan berkempen untuk seseorang calon adalah terkeluar dari pemantauan pasukan penguatkuasaan dan juga pegawai penguat kuasa. Jika SPR benar-benar berharap mewujudkan *level playing field*, mengapa aktiviti parti yang meletakkan calon untuk bertanding tidak juga ditawarkan. Ini amat penting jika kita ingin melaksanakan atau menguatkuasakan Seksyen 19 Akta Kesalahan Pilihan Raya berhubung dengan belanja yang lebih dari maksimum iaitu RM200,000 untuk pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan RM100,000 untuk pilihan raya bagi sesebuah *election* Dewan Undangan Negeri. Ini amat penting sebab kita mendapati walaupun ada had maksimum bagi calon, tetapi tidak ada had bagi parti ataupun lain-lain pihak yang menyokong calon untuk bertanding.

Saya tidak tahu mengapa SPR tidak mahu menangani isu penyelewengan oleh parti-parti yang membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk satu pilihan raya ataupun berpuluh-puluh juta untuk satu pilihan raya kecil sahaja. Walaupun had maksimum telah dinaikkan dalam pindaan tahun lepas, ini tidak bermakna sebab masih wujudnya *loopholes* di mana yang sangat besar *loopholes* itu yang membelakangkan prinsip adil dan telus sistem pilihan raya ini sebab parti dan pihak-pihak yang lain masih boleh membelanjakan melebihi had maksimum ini untuk menyokong calon yang ambil bahagian dalam pertandingan.

Saya juga sudah banyak dengar hujah-hujah mengenai kawalan terhadap media massa semasa kempen dan saya mengikuti jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan SPR tidak dapat campur tangan dalam urusan media massa semasa kempen. Saya amat tidak berpuas hati dengan jawapan sedemikian, sebab mengikut Kod Etika Pilihan Raya yang disediakan oleh SPR sendiri, SPR sudah bercadang untuk memasukkan dalam Kod Etika Pilihan Raya mengenai penggunaan media awam di mana SPR sendiri berharap kempen parti politik melalui media elektronik awam perlu mematuhi etika yang berikut.

Jika mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, SPR tidak dapat mencampur tangan dalam kawalan terhadap media massa, mengapa perkara ini dimasukkan dalam kod etika pilihan raya yang disediakan oleh SPR sendiri di mana mengikut panduan SPR semasa tempoh berkempen tidak apa-apa bentuk kempen oleh mana-mana parti politik atau calon yang bertanding boleh disiarkan melalui siaran radio dan televisyen milik awam dan semasa tempoh berkempen tidak berita negatif ataupun keburukan mana-mana parti atau calon parti yang bertanding boleh disiarkan melalui mana-mana siaran radio dan televisyen milik awam.

Ini satu perkara yang kita mengalu-alukan, tetapi nampaknya SPR sendiri pun tidak yakin dan tidak ada kuasa untuk memastikan kepatuhan kepada Kod Etika Pilihan Raya. Dan saya menyoalkan mengapa perkara ini dimasukkan, adakah ini dimasukkan

untuk menjadi satu *decorative piece* sahaja ataupun sebenar-benarnya menjadi hasrat SPR untuk mengawal penggunaan media awam tetapi tidak diberi kuasa oleh pihak kerajaan.

Akhirnya saya ingin menyentuh tentang aduan di mana saya ingin tahu sama ada menurut akta yang kita pinda pada pagi ini, sebelum ini, apabila satu aduan diterima, pengurus pemilihan dikatakan hendaklah mengarahkan Pasukan Penguat Kuasa untuk buat kerja-kerja susulan di mana di dalam definisi ini adakah Pasukan Penguat Kuasa tidak ada pilihan melainkan memantau setiap aduan yang dilaporkan. Sekiranya ini adalah maksud pihak SPR dalam memberi ruang aduan kepada orang awam, saya ingin tahu sama ada SPR akan menguruskan aduan-aduan seperti aduan mengenai masalah *panthom voters* dalam daftar pemilih yang pada satu ketika dikatakan ada 2.8 juta pengundi palsu di mana analisa menunjukkan daftar pemilih kita mengandungi beberapa kecacatan seperti nama orang mati masih dikekalkan dan bilangan besar pemilih didaftarkan di bawah IC yang sama, tetapi kerajaan tidak respons kepada seruan untuk mengadakan kempen pendaftaran semula pengundi untuk membersihkan daftar pemilih daripada kecacatan dan pengundi hantu.

Saya juga ingin tahu apakah pegawai pengurus dan pegawai penguat kuasa akan melayani aduan mengenai proses pembuangan undi pos....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Chow Kon Yeow:iaitu ejen-ejen calon tidak dibenarkan masuk ke pangkalan tentera dan polis untuk menyaksikan proses pembuangan undi pos di mana mengikut definisi yang saya sebutkan tadi, sekiranya ada aduan mengenai dua perkara ini misalnya, adakah sama ada SPR ataupun pengurus ada pilihan untuk tidak melayani aduan mengenai daftar pemilih dan aduan ejen tidak dapat masuk memantau pembuangan undi pos di kem-kem tentera dan polis. Sekian, terima kasih.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Seorang Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi ada dua, sekarang tambah satu lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tadi saya ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak adalah bila saya buat keputusan. Saya beri Kuala Terengganu dahulu.

3.06 ptg.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin merujuk terus kepada pindaan di bawah seksyen 2 dengan memotong takrif 'ketua tempat pengundi' kepada 'pegawai pengadil' dalam takrif erti 'pegawai penguat kuasa' sebagaimana yang disebut oleh Tumpat dan juga Tanjong tadi tentang kedudukan dan juga kuasa yang ada pada mereka.

Sebelum daripada itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam penjelasan awal beliau dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya. Beliau menyebut bahawa pasukan pemantau akan ditempatkan di semua kawasan Parlimen dan DUN yang ditandingi. Tetapi dalam dialog di antara kami dengan Setiausaha SPR, beliau dengan jelas menyatakan oleh kerana SPR tidak mempunyai tenaga-tenaga yang cukup, pasukan pemantau hanya diletakkan di kawasan-kawasan tertentu sahaja seperti mana yang disebut kawasan-kawasan yang kritikal, kawasan-kawasan yang dijangka boleh menimbulkan kekecohan dan kekacauan akan diletakkan di negeri-negeri Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis, Selangor dan juga di Pahang yang akan diberikan tumpuan sebagai pasukan pemantau untuk menjalankan tugas.

Jadi, saya minta supaya Timbalan Menteri menjelaskan di Dewan ini kedudukan yang sebenarnya apakah ianya akan diwujudkan di kesemua kawasan ataupun kawasan

Parlimen dan DUN ataupun hanya di kawasan-kawasan tertentu sebagaimana yang dijelaskan oleh Setiausaha SPR dalam dialog di antara kami dengan Pengerusi SPR.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam konteks pelantikan pegawai penguat kuasa ini. Dari segi keputusan ataupun kuasa yang ada pada mereka, kalau kita melihat kepada pindaan yang dibuat, kuasa-kuasa yang ada pada mereka, keputusan atau arahan Ketua Pasukan Penguat Kuasa adalah muktamad dan mengikat kesemua anggota Pasukan Penguat Kuasa. Begitu juga tiada keputusan atau tindakan yang dibuat oleh Pasukan Penguat Kuasa boleh dipersoalkan atas alasan bahawa terdapatnya ketidakadilan mana-mana anggota Pasukan Penguat Kuasa.

Jadi, ini juga perlu kepada penjelasan dan pentafsiran yang lebih lanjut tentang kuasa yang ada pada Ketua Penguat Kuasa ini sendiri dalam konteks menjalankan tugas apabila sahaja mereka dilantik dalam konteks menjalankan tugas sebagaimana yang disebut dalam pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi tugas-tugas yang telah diperincikan dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya sekurang-kurangnya mempunyai empat fungsi yang besar yang memang telah pun kita bahaskan dan telah pun kita memberikan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan. Tetapi dengan kuasa yang ada ini, kuasa yang tidak boleh dicabar, muktamad dan mengikat kesemua anggota pasukan penguat kuasa, maka inilah timbul persoalan-persoalan sebagaimana yang disebut oleh Tumpat tadi.

Saya bersetuju dengan Kota Melaka, kita sebenarnya daripada dahulu lagi tidak mempertikaikan peranan SPR. Secara keseluruhan, pegawai-pegawai SPR sedaya upaya cuba untuk menjalankan tugas mereka dengan adil dan saksama.

Namun begitu kebimbangan kita sejak akhir-akhir ini ialah di kalangan beberapa orang tertentu khususnya Setiausaha SPR sendiri yang membuat terlalu banyak kenyataan yang amat mengelirukan yang perlu kepada penjelasan yang lebih lanjut yang bagi kita, melihat kenyataan-kenyataan yang sedemikian ini boleh ditafsirkan sebagai terlalu *bias* dan *one sided* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, ini kita minta dalam melaksanakan tugas dan tuntutan ini perincian-perincian yang lebih lanjut ini perlu supaya tidak timbul keraguan-keraguan dalam menjalankan tugas, berdasarkan kepada kuasa yang ada pada penguat kuasa ataupun Ketua Pasukan Penguat Kuasa sendiri dalam menjalankan tugas ini sendiri adalah terlalu besar dalam konteks menjalankan tugas ataupun mengendalikan sesuatu urusan dalam kawasan-kawasan yang dipantau dalam pilihan raya yang berjalan itu.

Satu lagi yang saya ingin mendapatkan penjelasan di dalam perbincangan ini ialah sekiranya ada aduan sebarang aktiviti seseorang calon sebagaimana yang disebut dalam pindaan yang kita buat, dalam tempoh berkempen maka pegawai pengurus, dia boleh mengarahkan pegawai penguat kuasa supaya menjalankan rondaan dalam kawasan yang berkenaan dengan adanya aduan dibuat bagi maksud memastikan bahawa undang-undang bertulis yang berhubung dengan pilihan raya dipatuhi.

Jadi, ini juga yang saya tanyakan berkali-kali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan semalam juga kepada Yang Berhormat Menteri, apakah jaminan yang boleh diberikan sekiranya ucapan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, kempen yang dijalankan oleh Menteri, Timbalan Perdana Menteri. Sebagai contohnya dalam Pilihanraya Umum 1999, spesifik saya berikan, di mana pertemuan di atas nama Perhimpunan Bersama Rakyat bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sekolah dan surat arahan dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu mengeluarkan surat arahan supaya semua guru-guru dan Pegawai-pegawai Pendidikan Negeri hadir dalam majlis yang dihadiri oleh Perdana Menteri itu.

Ini juga kalau begini tindakan ataupun cara yang dilakukan, bagaimana? Katakanlah saya membuat aduan, apakah Pegawai Penguat Kuasa mempunyai *guts* ataupun kekuatan dengan kuasa yang ada pada mereka untuk menahan Perdana Menteri daripada hadir ataupun daripada memberikan ucapan menggunakan platform-platform sekolah dan juga Jabatan Pendidikan yang memberi arahan secara bertulis kepada pegawai-pegawai, kepada guru-guru untuk hadir dalam majlis yang dikatakan Majlis

Perhimpunan Bersama Rakyat bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sekolah di negeri Terengganu. Ini sebagai contoh dalam Pilihan Raya Umum 1999.

Ini juga akan berulang, saya jangka akan berulang dalam pilihan raya yang akan datang, menggunakan premis sekolah, menggunakan jentera kerajaan, menggunakan pegawai-pegawai kerajaan semasa kempen pilihan raya. Jadi, kuasa yang ada kepada Pegawai Penguat Kuasa semasa kempen ini sendiri perlu diperjelas dengan lebih lanjut dalam tindakan yang dibuat. Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri berulang-ulang menyebut, pindaan ini dibuat hasil daripada apa yang berlaku di Pendang dan Anak Bukit.

Tetapi apakah kita tidak melihat dengan lebih jauh dalam perspektif yang lebih jauh kesan daripada apa yang berlaku selepas daripada Pilihan Raya Umum 1999. Pelbagai tindakan yang dilakukan oleh kerajaan ataupun UMNO dan Barisan Nasional untuk menyempitkan lagi proses pendemokrasian di negara kita ini sendiri. Pelbagai cara yang dilakukan hingga membawa kepada pindaan-pindaan dalam proses pilihan raya yang berjalan ini.

Jadi saya minta sangat supaya diperjelas kedudukan yang ada ini sebagai contoh-contoh yang berlaku selain yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka sendiri, contoh-contoh yang sedemikian ini, apakah kuasa yang ada pada penguat kuasa dalam melaksanakan tuntutan dan tugas yang sedemikian ini.

Jadi, saya rasa itulah sebagai ringkasnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum saya minta Timbalan Menteri menjawab, saya..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ha! jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak dengar dan tidak ikut apa yang saya cakap, sebelum saya minta Timbalan Menteri menjawab, saya benarkan Jeli dan selepas Jeli, Seputeh. Sila.

3.25 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Bagi membincangkan untuk meminda Akta Pilihan Raya 1958 ekoran daripada pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1958. Oleh kerana banyak sangat peraturan-peraturan baru yang diperkenalkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya menyebabkan pihak kerajaan mencadangkan supaya nama Pegawai Pengadil itu tidak cukup setakat nama Pegawai Pengadil tetapi hendaklah ditambah dengan nama Pegawai Penguat Kuasa. Walhal kalau mengikut kelaziman dalam apa jua permainan dan perlawanan, apabila dinamakan Pegawai Pengadil maknanya sudah cukup kuasa yang ada pada pengadil tersebut termasuk mengambil tindakan itu sekali.

Saya fikir pihak kerajaan tidak perlulah untuk menambah perkataan "penguat kuasa" ini kerana seolah-olah memberikan gambaran bahawa pilihan raya yang akan diadakan itu adalah satu pilihan raya yang sangat kotor yang diberikan paparan kepada masyarakat sebegitu rupa. Sebab itu saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan tentang kes yang telah berlaku dan kita ingin melihat setakat mana keberkesanan dan kemampuan tindakan yang boleh diambil oleh Pegawai Penguat Kuasa ini. Kerana kita perlu akur dan sedar kerana kita rasa tidak dapat lari bahawa Pegawai Penguat Kuasa ini kemungkinan besar akan terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan juga. Yang mana bila dilantik pegawai-pegawai kanan kerajaan ini sudah tentu mereka selepas daripada tamat pilihan raya yang akan datang terpaksa bekerja dengan kerajaan juga.

Jadi, perasaan gentar, takut dan gerun itu sudah semestinya ada dalam mana-mana jua pemikiran dan juga sikap pegawai-pegawai yang bakal menjadi Pegawai Penguat Kuasa. Di antara beberapa contoh yang kita ingin mendapat penjelasan kerajaan tentang insiden-insiden dan perkara-perkara yang telah berlaku, umpamanya parti pemerintah telah

beberapa kali menggunakan perkataan-perkataan yang menakutkan dan perkataan-perkataan yang menimbulkan suasana pergaduhan. Nama itu bukan nama yang melahirkan satu maksud yang lembut, nama dalam persaudaraan tetapi nama dalam suatu pergaduhan umpamanya pada tahun 1969, parti pemerintah telah memperkenalkan nama 'pemuda tahan lasak' Jadi, pemuda tahan lasak ini namanya sudah sinonim dengan perkara-perkara keganasan.

Begitu juga dalam pilihan raya kecil di Indera Kayangan parti pemerintah juga telah menamakan satu kumpulan iaitu 'kumpulan gagak hitam'. Gagak itu sudahlah hitam di tambah lagi dengan hitam, jadilah kumpulan gagak hitam. Ini hendak mencerminkan satu suasana yang menakutkan, hendak mewujudkan satu suasana samseng seolah-olah. Kalau boleh kita mesti memantau nama-nama sebegini rupa, mana nama-nama yang sebegini rupa sepatutnya tidak boleh diterima, sepatutnya ditegur dan ditegah sama sekali, digunakan oleh mana-mana pihak oleh pegawai-pegawai penguat kuasa SPR dan pegawai-pegawai penguat kuasanya.

Begitu juga dengan insiden-insiden terbaharu di mana juga daripada parti pemerintah, telah juga memperkenalkan perkataan "komando gerak gempur". Jadi, saya fikir seolah-olah kita meletakkan pilihan raya ini satu perkara keganasan, sedangkan kita hendak melihat bahawa pilihan raya ini satu perkara yang menjadi satu kewajipan bagi negara yang mengamalkan demokrasi, bila sampai tempohnya maka kita tidak boleh lari daripada waktu-waktu mengadakan pilihan raya...

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sebab itu umpamanya dalam beberapa negara dalam Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat, dia sudah tentu tempohnya, tidak boleh diawalkan, tidak boleh dilewatkan. Maknanya dia tahu pada waktu cukup genap maka pilihan raya akan berlaku tetapi dalam suasana kita, suasana peristiwa-peristiwa tertentu akan memberi satu dorongan kepada pihak kerajaan umpamanya waktu ini waktu yang baik, waktu ini waktu yang tidak baik. Mungkin 3 tahun 8 bulan, mungkin 4 tahun tetapi sepatutnya kita cukupkan tempoh dan bila cukupkan tempoh maknanya kerajaan diadili berdasarkan kepada tempoh pemerintahan yang dihadkan kepada mereka. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan Datok, sila.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan kepada Jeli tentang soal kumpulan gagak hitam, gerak gempur dan sebagainya. Namanya gah, adakah ia berbeza dengan unit yang diwujudkan oleh pergerakan Pemuda PAS, Unit Amal. Namanya lembutnya tetapi peranannya tidak kurang daripada gagak hitam dan gerak gempur itu. Cuba Yang Berhormat berikan penjelasan, apakah kaedah yang digunakan dan apa pula peranan *Harakah* ketika itu sebagai media. Walaupun ia kepunyaan parti yang menghentam parti pemerintah semua calon-calon yang berkenaan. Harap jelaskan. Kalau ini bulan puasa, bulan yang adil berikan penjelasan yang adil juga.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Bagan Datok, Dengan menggunakan nama yang lembut, bila mana menggunakan nama yang lembut ini menggambarkan bahawa kita sendiri memang memperkenalkan pendekatan yang lembut, kita tidak mahu pergaduhan. Sebab itu kita guna amal, amal ini memberi kebajikan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Amal dinamakan, nisa' pun kita berikan amal nisa' maknanya kita cuba mendekatkan masyarakat kepada perkara-perkara yang kelembutan. Sebab itu dalam pilihan raya kita tidak mahu kepada kekerasan, kita mahu kepada kelembutan itu hasrat kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Aman.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Ketawa]* Okey.

Tuan Jimmy Lim Donald: Penjelasan dari Yang Berhormat. Pertama, apakah erti markas yang digunakan oleh PAS dan yang kedua, adakah Yang Berhormat rasa hendak jatuh cinta apabila mendengar Puteri UMNO namanya? *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Markas ini dalam bahasa Arab ialah pejabat. Jadi kita hendak masuk perkataan Arab dalam *vocabulary* kita ini. Dahulu pendeta Zaa'ba banyak perkataan-perkataan Arab yang dimasukkan tetapi kerajaan yang ada ini dia sudah banyak mansuhkan perkataan-perkataan Arab. Jadi kita PAS ini hendak memasukkan balik perkataan-perkataan Arab. Jadi markas ini adalah pejabat, nama lain bagi pejabat. Tentang Puteri UMNO itu saya ingat biar orang lain jawablah.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak lihat macam pegawai penguat kuasa oleh kerana Timbalan Menteri ada, kita hendak tengok misal kata contoh. Contohnya umpama dalam pilihan raya kecil Pendang baru-baru ini bagaimana Jabatan Pengangkutan Jalan telah digunakan oleh pihak kerajaan untuk mengeluarkan lesen hanya di Pendang tidak digunakan di tempat-tempat yang lain. Sepatutnya pada masa yang sama bukan hanya di Pendang, tempat-tempat lain pun diadakan tempat kaunter untuk memudahkan pemberian lesen.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya tidak sempat jawab lagi, nanti saya beri, jadi makna...ya, beri, beri. sebab itu saya hendak tanya...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Janji ya!

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Janji! Sejauh mana pihak penguat kuasa ini boleh bertindak kerana ini dilakukan oleh kerajaan. Macam di Pendang, kenapa di Pendang sahaja dibuat, kenapa tidak di buat serentak di tempat-tempat yang lain? Jadi sebab itulah saya fikir tentang kemampuan pegawai penguat kuasa untuk mengambil tindakan itu yang kita kabur. Sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya tadi reaksi kami ialah bagaimana Yang Berhormat kata kekasaran yang berlaku? Kalau kita ambil sepanjang yang saya buat kajian mengenai dengan pilihan raya kecil, kekasaran ini dilakukan oleh pihak Yang Berhormat, bukan pihak kami. Kami tidak pernah pun membelasah orang tetapi pihak Yang Berhormat membelasah orang. Saya masih ingat pilihan raya di kawasan saya *by election* sekali pun pernah PAS membelasah orang kami. Banyak benda ini berlaku jadi saya berharap Yang Berhormat beritahu orang Yang Berhormat supaya tidak berlaku benda ini, satu.

Keduanya Yang Berhormat hendak bangkitkan tadi mengenai dengan markas tadi, saya rasa itu jawapan yang salah. Pejabat, *maktabun* ya bukan markazi ya, jangan asyik kelentong orang sinilah, kami pun tahu bahasa Arablah. *[Ketawa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi satu lagi, Yang Berhormat tidak faham apa beza antara *parliamentary system* dan *presidential system*, itu Yang Berhormat balik dahulu kaji perkara itu dahulu baru bercakap, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, sila, sila Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, markas ini, ialah pejabat sama dengan pusat aktiviti sama dengan pejabatlah, pusat aktiviti sama dengan pejabat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk dan Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Yalah pusat aktiviti dengan pejabat samalah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Lain, lain.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: [Menyampuk]

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Yang kedua Setiausaha Parlimen membangkitkan okey, kita ambil *incident* bagaimana 1969 Pilihan Raya Kecil di DUN Gua Periuk, Parlimen Rantau Panjang di mana pihak parti pemerintah pada ketika itu telah membakar perahu-perahu, telah membakar jambatan-jambatan sehingga menyebabkan pengundi tidak boleh pergi mengundi. Padahal kawasan itu kubu PAS pada tahun 1969. Begitu juga di pilihan raya Padang Terap, ada yang meninggal, di belasah, pihak mana yang kena belasah sehingga meninggal, begitu juga Indera Kayangan, *report* polis, van dipecahkan, jadi banyak lagi *incident* yang kita kena tengok yang mana laporan telah dibuat tetapi sehingga ke hari ini tindakan masih belum di ambil.

Jadi sebab itu saya fikir bahawa, lazimnya orang yang rasa dia ada kuasa sudah tentu dia rasa dia tidak takut pada undang-undang, lazimnya orang yang ada kuasa dia rasa tidak takut pada undang-undang. Tetapi orang itu yang rasa dia tidak ada kuasa maka dia tidak berani. Sebab itu saya fikir bahawa keadaan ini daripada lepas-lepas pilihan raya di Rantau Panjang, 1969, pilihan raya kecil di Padang Terap, 1980 lebih kemudian di Indera Kayangan berlaku insiden-insiden sebegini yang menyebabkan pihak parti alternatif berhati-hati di pilihan raya Padang sehingga perkara yang sama tidak mahu lagi berulang sebab itu kita katakan bahawa ...

Dato' Othman bin Abdul: [Bangun]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Indera Kayangan tidak sama dengan Padang, Indera Kayangan tidak sama dengan Anak Bukit supaya kegiatan-kegiatan kekasaran itu dapat kita kendurkan dan dapat kita, kalau boleh kita hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Padang bangun Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ramai rupa-rupanya! [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Padang bangun, Padang bangun ya, hendak beri jalan ke tidak?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sekejap, kejap. Ada masakah?

Dato' Othman bin Abdul: Berilah, saya sebut Padang saya hendak jawab dan hendak bagi maklumat-maklumat ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya beri, saya beri, sudah empat sudah saya bagi. Kemudian kita tengok misal kata, contohnya di dalam pilihan raya, dalam pilihan raya kita ada *caretaker government*. Dalam *caretaker government* ini ada menteri-menteri lagi, masih ada menteri-menteri lagi tetapi apa yang berlaku di dalam pilihan raya-pilihan raya umum atau kecil yang lepas-lepas. Menteri-menteri ini telah menggunakan kedudukan jawatan menterinya untuk menganjurkan mana-mana program di tempat-tempat tersebut tetapi yang menyambut menteri, bendera-bendera yang hanya dikibarkan adalah bendera parti pemerintah. Jadi di mana...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya beri, di mana justifikasinya....

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Nanti dahulu....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri lagi Yang Berhormat Padang.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Di mana justifikasinya, di mana menteri-menteri yang telah menggunakan kedudukan mereka sebagai *caretaker government* pada ketika itu yang telah membuat program-program dan aktiviti-aktiviti yang mendapat liputan meluas akhbar-akhbar milik parti pemerintah, TV-TV hak milik kerajaan dan juga TV-TV yang juga dimiliki oleh mereka yang daripada parti pemerintah menyebabkan di dalam

program-program yang digunakan di bangunan-bangunan kerajaan dan mereka yang terlibat hanyalah daripada pihak-pihak parti pemerintah. Apakah ini satu tindakan yang pihak SPR merasakan pegawai penguat kuasa berani untuk menegur dan juga mengambil tindakan terhadap menteri dan malah lebih membimbangkan ialah yang hadir itu Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri. Cuba beri satu contoh kita hendak lihat keberanian pihak penguat kuasa tentang mengambil tindakan terhadap perkara-perkara sedemikian rupa. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pendang.

Dato' Othman bin Abdul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Jeli ini, saya bila tengok Yang Berhormat bercakap membayangkan seolah-olah sikap PAS itu taraf malaikatlah, baik tetapi azab saya dalam pilihan raya kecil Pendang Tuan Yang di-Pertua, bila saya lalu jalan malam itu, motokar saya ditendang, diludah dan diancam. Siapa yang buat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Orang UMNO itu, UMNO, UMNO punya orang!

[Dewan menjadi riuh seketika]

Dato' Othman bin Abdul: Jadi inilah suatu kenyataan dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat, tidak usah cakaplah, saya sudah menghadapi enam pilihan raya, enam pilihan raya.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Masih muda lah!

Dato' Othman bin Abdul: Masih muda, terima kasih masih muda. Tetapi gambaran Yang Berhormat bagi bahawa Pemuda UMNO, orang UMNO, samseng. Saya menghadapi, saya merasa malu Tuan Yang di-Pertua, di Sekolah Kebangsaan Jenun, hari pilihan raya saya hendak bersalam dengan orang PAS dia tidak mahu bersalam, ada seorang India, orang Islam ini, orang India itu kata, orang Islam patut bersalam. Ini Yang Berhormat, ini saya yang hadapi, tidak usah banyak cakaplah benda itu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat daripada Pendang. Masalah sekarang ini Yang Berhormat sepatutnya buat laporan.

Dato' Othman bin Abdul: Allah! *[Ketawa]*

[Dewan menjadi riuh dengan Ketawa seketika]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ya, sepatutnya sudah tahu kereta di tendang, buat laporan tetapi pengalaman-pengalaman yang dihadapi oleh parti Keadilan Nasional di Perlis, mereka buat laporan. Dan saya tengok beberapa biji kereta mereka yang mana cermin kereta mereka dipecahkan..

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Buat laporan....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Dan juga sebab itu kita memberitahu bahawa kita tidak menggalakkan nama-nama yang menampakkan keganasan, kita mesti melambangkan kelembutan pasal kita hendak menghadapi pilihan raya bukan satu benda yang berbentuk keganasan.

Sebab itu kita jangan mempamerkan suasana sebegitu rupa, seolah-olah kita menghalalkan. Kalau kita menggunakan nama yang sebegitu rupa, seolah-olahnya kita menghalalkan keganasan. Kenapa kita tidak cari sebanyak-banyak nama yang lembut-lembut tetapi sebaliknya kita hendak ambil nama-nama yang tidak lembut?

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Nama yang kasar-kasar, nama yang ganas supaya dia *reflex* tentang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Masa sudah cukup, ya.

Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad: Ha!! Cukup dah?

Tuan Yang di-Pertua: Dok ulang yang itu sahajalah. Sudah dua hari kita ...

Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tentang beberapa program yang bakal diadakan, yang mana kita tengok dari pengalaman yang lepas-lepas, Tuan Yang di-Pertua, pihak parti pemerintah telah menggunakan kedudukan-kedudukan jawatan mereka untuk berkempen dan pada masa yang sama mereka telah menggunakan media-media. Dan saya fikir, walaupun dibuat, ditubuhkan jawatan Pegawai Penguat Kuasa, saya tidak fikir Pegawai Penguat Kuasa berani bertindak, hendak menegur terhadap mereka yang menjalankan tugas-tugas seperti mana yang dikehendaki oleh pindaan akta ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Cukuplah Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad: Hah! 15 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah lebih satu minit.

Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad: Hah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah berucap lebih seminit.

Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat bagi Seputeh. Sila, dan selepas itu Menteri atau Timbalan Menteri menjawab.

3.41 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sistem pilihan raya adalah mekanisme yang utama untuk merealisasikan demokrasi. Ia merupakan asas kepada pemilihan dan penubuhan kerajaan. Malangnya, sistem pilihan raya di negara kita terdapat banyak masalah yang mana harus dikaji semula dengan teliti oleh pihak SPR dan kerajaan sekiranya kita ingin mempraktikkan demokrasi dengan serius. Satu sistem pilihan raya yang sihat memerlukan Suruhanjaya Pilihan Raya menjalankan tugas dan memantau pilihan raya secara tidak berpihak dan *neutral*.

Jadi, adalah penting bagi SPR menjadi bebas dan tidak berpihak supaya SPR dapat memenangi keyakinan orang awam terhadap peranan dan fungsinya. Untuk mencapai objektif ini, pelantikan keanggotaan SPR adalah penting bagi mengekalkan kebebasan dan tidak berparti SPR. Artikel 115(1) dalam Perlembagaan Persekutuan membenarkan SPR untuk menggaji pegawainya sendiri, tetapi daripada jawatan Setiausaha hingga ke pegawai SPR, pegawai biasanya diambil daripada birokrasi kerajaan ataupun perkhidmatan awam dan bukannya dipilih dan digaji oleh SPR sendiri.

Sebenarnya, sekiranya SPR ingin mempunyai autonominya, pelantikan anggota suruhanjaya dan pegawai eksekutif utama SPR tidak harus diambil daripada perkhidmatan awam ataupun jabatan kerajaan. Pada masa sekarang, pegawai pentadbiran SPR yang mempunyai kaitan rapat dengan perkhidmatan awam, secara langsung telah menyebabkan SPR berkompromi dengan perkhidmatan awam kerajaan dan berkompromi terhadap pendirian mereka yang sepatutnya bebas dan tidak berpihak.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun anggota SPR adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, tetapi prosiding yang lebih kuat harus dibentuk untuk memastikan pelantikan anggota SPR ini adalah tidak berpihak dan *neutral*. Mengikut satu kertas kerja yang dibentangkan oleh seorang ahli akademik dalam suatu forum awam mengenai sistem pilihan raya di Malaysia, ahli akademik itu mencadangkan supaya jawatan Pengerusi SPR dilantik daripada kalangan luar perkhidmatan awam atau birokrasi. Sebaliknya jawatan Pengerusi dan anggota SPR haruslah dipikul oleh tokoh *public* daripada pelbagai latar belakang seperti tokoh daripada bidang kehakiman, akademik, badan profesional yang berkaitan dan bekas diplomat yang berpengalaman. Sekiranya SPR dan

pihak kerajaan berikhtiar untuk menjadikan SPR sebagai badan yang bebas, maka proses pelantikan anggota dan kakitangan SPR ini haruslah dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada keanggotaan SPR, kebebasan SPR hanya boleh terjamin sekiranya SPR tidak diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi di bawah Parlimen, di mana SPR melaporkan kepada Parlimen kita. Ini adalah kerana dengan keadaan sekarang, SPR pula terpaksa tunduk kepada arahan dan mungkin dimanipulasi oleh ahli politik dalam Jabatan Perdana Menteri sehingga SPR kehilangan kebebasannya, manakala dengan meletakkan SPR di bawah Parlimen ia bukan sahaja dapat menguatkan imej dan kuasa Parlimen, di mana Parlimen kita boleh memanggil SPR untuk membentangkan laporannya dan menjawab soalan kita di Dewan yang mulia ini tetapi ia juga dapat memainkan peranan, kebebasan dan kewibawaan SPR.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak kritikan daripada pertubuhan bukan kerajaan dan parti pembangkang mengenai *weightage*, dengan izin, di antara kawasan pilihan raya di bandar dan luar bandar tetapi SPR kelihatan tidak mengambil apa-apa tindakan untuk mengurangkan jurang ini. Saya menyeru SPR supaya memulihkan perbezaan jumlah pengundi di antara kawasan luar bandar dan bandar ini dalam lingkungan 15 peratus demi menunaikan prinsip "seorang satu undi" ataupun *one man one vote*.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyertai satu rombongan pemantauan pilihan raya di Cambodia pada beberapa bulan yang lepas. Saya merasa hairan melihat bahawa di negara seperti Cambodia, di mana tempoh kempen pilihan rayanya boleh sampai 30 hari, tetapi tempoh kempen pilihan raya kita di Malaysia dipendekkan kepada hanya sembilan hari sahaja. Apa yang Barisan Nasional dan SPR bimbangkan sekiranya tempoh kempen itu dilanjutkan lebih daripada tempoh yang ada sekarang? Kenapakah SPR di Cambodia mampu mengadakan tempoh kempen pilihan raya selama 30 hari tetapi SPR di Malaysia menghadkan tempoh kempen ini kepada sembilan hari sahaja, yang merupakan tempoh berkempen yang paling singkat di dunia? Apakah Barisan Nasional merasa bimbang bahawa lebih panjang tempoh kempen pilihan raya, maka pengundi lebih cenderung untuk mengundi kepada parti pembangkang?

Selain dari itu saya merasa hairan kenapa isu rapat umum yang termaktub dalam pindaan Akta Kesalahan Pilihan Raya yang diluluskan di Dewan yang mulia ini pada awal tahun ini, menerima bantahan yang begitu kuat selepas ia diluluskan oleh Parlimen, dan bantahan itu adalah daripada pemimpin Barisan Nasional pada bulan yang lepas. Bukankah kebenaran untuk mengadakan ceramah umum dan rapat umum dalam kempen pilihan raya ini telah diluluskan di Dewan yang mulia ini dalam perbahasan dan pindaan akta yang lepas? Saya merasa terkejut melihat bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, malahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang membentangkan dan menggulung rang undang-undang pindaan akta berkenaan juga mengkritik SPR dalam isu ini, dan berkata bahawa SPR tidak mempunyai hak undang-undang untuk membenarkan parti politik mengadakan rapat umum.

Bukankah komen Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini merupakan satu tamparan hebat kepada dirinya sendiri kerana beliau yang membentangkan rang undang-undang ini di Dewan ini? Mengenai isu ini, saya ingin memuji Pengerusi SPR, Dato' Abdul Rashid bin Abdul Rahman di atas ketegasan beliau untuk mempertahankan fasal yang termaktub dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya ini. Ketegasannya untuk mempertahankan undang-undang pilihan raya dan prinsip demokrasi inilah yang harus diteruskan dan dipegang kuat oleh SPR.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal kerana rang undang-undang yang kita bahaskan ini tidak membetulkan perkara yang paling asas dari segi undi yang sepatutnya sulit ataupun *secrecy of the ballot*. Mengikut cara pengiraan undi sekarang, kita akan tahu kecenderungan sokongan politik di setiap saluran dalam setiap pusat pengundian. Selain itu, ramai pengundi merasa amat tidak senang dengan nombor pendaftaran yang muncul dalam kertas undi, kerana mereka bimbang bahawa sokongan mereka terhadap sesetengah parti politik dapat dikesan. Untuk memperbetulkan keadaan ini, adalah penting bagi SPR untuk membesarkan saiz setiap saluran supaya jumlah pengundi dalam setiap

saluran tidak terlalu kecil. Selain itu adalah penting bagi SPR untuk menghapuskan nombor siri yang tercetak pada kertas undi supaya kesulitan pengundian ini dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima banyak aduan daripada orang awam yang menghadapi masalah dari segi menukar kawasan pilihan raya mereka akibat pertukaran alamat. Mereka mengadu bahawa pegawai di Pejabat Pos sama ada berkaitan mereka, tidak dapat membantu mereka untuk menukar alamat ataupun mereka hanya mendaftar orang yang ingin mendaftar sebagai pengundi sahaja. Saya pernah mengadu mengenai perkara ini kepada Pejabat SPR di Wilayah Persekutuan. Seorang pegawai SPR mengakui bahawa sistem komputer Pos Malaysia mempunyai masalah, di mana sesetengah Pejabat Pos tidak dapat membantu pengundi untuk menukar alamat kawasan pilihan raya.

Saya ingin mengingatkan pihak Pos Malaysia dan SPR supaya masalah pendaftaran pengundi di Pejabat Pos ini haruslah diperbetulkan dengan segera, kerana aduan ini telah pun saya terima lebih daripada satu tahun dan saya juga pernah membentangkan masalah ini di Dewan yang mulia ini. Saya merasa kesal di mana masalah pendaftaran pertukaran alamat pengundi ini masih tidak diatasi sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tibalah masanya bagi SPR, pihak kerajaan, bidang akademik, parti politik dan juga badan yang berkaitan untuk mengkaji semula tentang sistem pilihan raya kita, iaitu sama ada sistem *first past the post* ini masih sesuai untuk negara kita.

Sistem tersebut sebenarnya menjadikan parti yang besar menerima kerusi bonus dan merugikan parti politik minoriti. Keadaan ini akan mengurangkan perwakilan bagi golongan tertentu kerana sistem ini menyebabkan peralihan bilangan undi yang kecil kepada kemenangan besar bagi pihak tertentu. Sebenarnya sistem *first past the post* tidak selalunya menguntungkan Barisan Nasional juga. Mengikut satu kajian yang dibuat oleh seorang ahli akademik yang mengkaji sistem pilihan raya kita, sistem *first past the post* sebenarnya telah merugikan Barisan Nasional dalam pilihan raya 1999 di negeri Terengganu.

Mengikut keputusan pilihan raya tahun 1999, undi Barisan Nasional telah jatuh daripada 54% kepada 40.5% tetapi ia telah menyebabkan Barisan Nasional kehilangan tujuh kerusi Parlimen manakala kerusi negeri Barisan Nasional jatuh daripada 25 kepada 4 kerusi sahaja. Keadaan ini menunjukkan sistem *first past the post* bukan sentiasa menguntungkan pihak kuasa politik yang sedia ada sebaliknya Barisan Nasional tidak akan hilang begitu banyak kerusi di negeri Terengganu sekiranya sistem pilihan raya *proportionate representation* dipraktikkan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bahas pindaan terhadap Akta Pilihan Raya haruslah juga kita membincangkan tentang perlunya pilihan raya kerajaan tempatan. Negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 46 tahun. Tibalah masanya untuk kerajaan bagi memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada rakyat di samping menghapuskan korupsi dan penyelewengan kuasa dalam kerajaan tempatan. Selain itu dengan adanya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat di bawah klausa mana itu? Klausa mana di bawah undang-undang pilihan raya ini, di bawah klausa mana, Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya ingin gulung, saya hendak ingatkan yang perkara ini juga harus kita fikirkan.

Tuan Pengerusi: Tidak ada sangkutan dengan undang-undang induk, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cadangkan dengan adanya pilihan raya kerajaan tempatan, ia akan menjadikan birokrasi negara kita....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tegur. Janganlah ulang ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim:lebih aktif dan sihat selain daripada.....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan diulang juga ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya ingin gulung sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya memerintah Yang Berhormat jangan berucap berkenaan dengan pilihan raya untuk kerajaan tempatan ya. Tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang induk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap adalah penting bagi Parlimen kita ini membuat pindaan terhadap undang-undang berkenaan supaya pilihan raya kerajaan tempatan negara kita ini dapat dipulihkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. *[Ketawa]* Baiklah, baiklah. *[Ketawa]* Timbalan Menteri menjawab ya.

3.53 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian, seramai tujuh orang bermula daripada Yang Berhormat Sri Gading berkaitan dengan cadangan-cadangan supaya pekerja-pekerja disediakan warung SPR. Setiap warung SPR ada ditugaskan dua orang petugas, lengkap dengan peralatan komputer serta daftar pemilih dalam, dengan izin, *hard copy* dan jumlah warung adalah berdasarkan pada radio, satu warung untuk dua saluran sekiranya tempat mengundi itu besar atau melebihi dua saluran, SPR akan menambah warung mengikut jumlah saluran.

Di samping itu SPR akan adakan petugas tambahan sebagai pemandu arah di tempat mengundi untuk membantu pengundi. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Kota Melaka, pembekalan daftar pemilih. Untuk Pilihan Raya Umum, SPR akan membekalkan daftar pemilih bagi pengundian pada hari penamaan calon. Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan dibuat untuk mempercepatkan daftar pemilih bagi membolehkan ia dapat dijual kepada mereka yang berminat untuk memperolehinya. Dan insiden.....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka bangun. Hendak beri jalan tidak?

Datuk M. Kayveas: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan. Sila teruskan.

Datuk M. Kayveas: Insiden-insiden yang berlaku di Ketari, terdapat beberapa insiden semasa Pilihan Raya Kecil Ketari yang menimbulkan ketegangan semasa tempoh kempen pilihan raya seperti berkempen melebihi masa yang ditetapkan, perarakan berbentuk provokasi yang tidak dapat dikawal, ini adalah hasil pemerhatian pihak SPR dan pihak keselamatan.

Dalam pada ini saya juga ingin memberi pengalaman saya apabila di Lunas, kereta saya diberhentikan oleh beberapa orang sampai mereka ketuk pintu dan saya keluar daripada kereta. Lepas itu ada orang kenal saya, dia cakap ini Datuk M. Kayveas, tidak apalah. Nasib baiklah saya Datuk M. Kayveas, kalau hari itu datuk-datuk lain tidak tahu apa sudah jadi.

Saya berterima kasih kepada ahli-ahli PAS kita, dia orang sayang sama saya, tidak kena apa-apa. Fasal itu dia hendak bubarkan parti boleh masuk PPT, masih terbuka kita punya.....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka, tolonglah, tolonglah. Yang Berhormat, sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Ini berkaitan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam insiden-insiden, masih dalam insiden ini. Semasa Pilihan Raya Kecil di Ketari, terdapat aduan-aduan yang ditimbulkan yang menyentuh beberapa kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan raya 1954 seperti kesalahan menjamu di bawah seksyen 8 dan kesalahan menyogok di bawah seksyen 10 Akta Kesalahan Pilihan Raya telah berlaku.

Wujudnya juga aduan bahawa tindakan serta-merta perlu diambil untuk menangani aktiviti-aktiviti tersebut pada waktu perkara itu berlaku. Dengan itu SPR telah mencadangkan penubuhan pasukan penguat kuasa untuk mengambil tindakan segera untuk memberhentikan sesuatu kesalahan yang berlaku pada masa itu juga.

Sehubungan dengan penubuhan pasukan penguat kuasa di bawah Akta Kesalahan Pilihan raya 1954, Akta Pilihan Raya 1958 perlu dipinda untuk memperuntukkan bagi pelantikan pegawai penguat kuasa yang akan bertindak sebagai Ketua Pasukan Penguat Kuasa tersebut dan pasukan penguat kuasa hanyalah untuk mengambil tindakan serta-merta pada waktu itu sendiri. Tetapi aduan masih perlu dibuat kepada polis untuk membawa kes ke mahkamah.

Berkaitan dengan poster Lim Kit Siang, tadi dia cakap hendak bagi *copy* pun dia tidak bagi. Poster itu tidak tahu siapa yang keluarkan poster itu. Mungkin ini PAS atau DAP sendiri keluar poster. Saya pun dengar yang keluar poster itu Lim Kit Siang hendak jadi Ketua PAS. Sokongan kaum Cina terus kepada PAS. Tidak tahulah pelan ini boleh kerja atau tidak kerja, tidak tahulah. Sekiranya poster itu diedarkan semasa tempoh Pasukan Penguat Kuasa menjalankan tugasnya, Pasukan Penguat Kuasa akan membuang atau menurunkan poster-poster tersebut atau ambil semua poster bagi dekat DAP. Suka apa you hendak buat. Menurunkan poster kalau ia bercanggah dengan peraturan-peraturan kempen pilihan raya yang mengaibkan seseorang itu. Sekiranya Yang Berhormat dapat membuktikan siapa yang mencetak dan mengedarkan poster berkenaan, Yang Berhormat bolehlah membuat aduan kepada pihak polis dan poster tersebut jelas bertentangan dengan Seksyen 11, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Beri jalan atau tidak?

Datuk M. Kayveas: Saya tidak berilah. Hari ini saya tidak bagi Kota Melaka, dia banyak

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yalah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, janganlah. Jikalau sekiranya Yang Berhormat berkehendakkan sesuatu sebab, tuliskanlah dalam Peraturan Mesyuarat ini. Ya boleh, cadangkanlah ya. Cadangkanlah, ya, ya.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Masih berdiri dan menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Bagi puas hati. Jawab bagi puas hati. Tuliskan dalam Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Habislah Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan, saya hendak buat apa?

Tuan Kerk Kim Hock: *[Masih menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cubalah, itu saya tidak menegah ya.

Datuk M. Kayveas: Berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Tumpat, pada isu yang dibangkitkan lagi, takrif pegawai penguat kuasa, dengan izin sebelum saya beri penjelasan, Fasal 2 jelas, terang bahawa bertujuan untuk meminda Seksyen 2 Akta 19 untuk memotong takrif kerana ketua tempat mengundi dan memasukkan takrif pegawai penguat kuasa ke dalam Akta 19 dan juga dengan izin, saya ingin membaca Clause 2 dalam bahasa Inggeris, dalam *explanatory statement*. *Clause 2 (6) to amend Section 2 of*

Act 19 to delete the definition of presiding officer and to introduce the definition of enforcement officer into Act. Itulah bercanggah.

Saya dapati soalan yang banyak dibangkitkan, yang nampak macam ada *confusion* berkaitan dengan *presiding officer and enforcement officer*. Takrif pegawai penguat kuasa perlu dimasukkan untuk memperuntukkan bagi pelantikan petugas baru SPR iaitu seorang pegawai penguat kuasa yang akan mengetuai pasukan penguat kuasa.

Pegawai penguat kuasa ini tidak menggantikan pegawai pilihan raya negeri tetapi, adalah tertakluk kepada arahan dan kawalan pegawai pilihan raya negeri. Bersama dengan Yang Berhormat bagi Tumpat, Yang Berhormat bagi Tanjong juga membangkitkan isu yang sama, takrif ketua tempat mengundi, telah dipotong. Seperti yang saya telah katakan, potongan ini adalah dari segi gubalan sahaja untuk membetulkan susunan takrif. Mengikut takrif asal, yang dipotong ketua tempat mengundi ialah pegawai yang dilantik untuk mengetuai sesuatu tempat mengundi mengikut peraturan-peraturan dan pindaan berbangkit telah dibuat daripada pemotongan takrif ketua tempat mengundi. Ini di dalam perenggan 16(2)(j) yang diperuntukkan dalam Fasal 5. Perlu dijelaskan bahawa takrif sebenar ketua tempat mengundi ialah dalam peraturan-peraturan. Untuk makluman Yang Berhormat, tidak berlaku perubahan *substantive* kepada maksud 'ketua tempat mengundi'. Pindaan adalah dari segi pengubalan semata-mata.

Yang Berhormat bagi Tanjong tadi Yang Berhormat bagi Kota Melaka kata kita baca, tetapi Yang Berhormat bagi Tanjong dia siap sedia, dia baca, Seputeh baca sahaja. Semua siap sedia dalam rumah, datang sini baca tetapi bila kita baca dia ada soalan.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Datuk M. Kayveas: Duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Duduklah.

Datuk M. Kayveas: Tidak payahlah, duduklah *you*. Hari ini, tidak ada peluang untuk *you*lah.

Puan Fong Po Kuan: [*Menyampuk*]

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat bagi Tanjong bertanya sama ada anggota pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya benar-benar.....

Tuan Kerk Kim Hock: [*Keluar dari Dewan*]

Datuk M. Kayveas: Inilah sikap, tidak dapat peluang balik. Dapat peluang baru mahu masuk Parlimen. Okey, ini berkaitan dengan pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya, mempunyai garis panduan untuk mengambil tindakan dan keputusan. Ini adalah secara bersama dan jika berlaku perselisihan faham dalam membuat keputusan, ianya akan dirujuk kepada pegawai pilihan raya negeri atau SPR untuk mendapat nasihat. Keputusan pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya ini adalah muktamad dan juga bebas.

Mengenai Seksyen 19 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, perbelanjaan calon melebihi amaun. SPR bertindak sebelum itu. Ini berkaitan dengan.....[*Mencari jawapan*] tidak mengapa, nanti saya beri. SPR bertindak sebagai suatu pihak neutral dalam hal ini. SPR tidak mempunyai kuasa untuk mengawal perbelanjaan seseorang calon. Apa yang SPR akan buat dan kawal selia ialah memastikan calon-calon mengemukakan, penyata perbelanjaan mereka dan menyiarkan penyata itu dalam warta. Terpulanglah kepada calon lawan untuk mempertikaikan penyata perbelanjaan calon yang berkenaan melalui petisyen pilihan raya.

SPR bukanlah pihak yang berkepentingan dalam sesuatu pilihan raya. SPR hanya mengendalikan perjalanan pilihan raya sejajar dengan kehendak akta. Lagi satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, aduan kepada pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya. Aduan-aduan yang diterima oleh pasukan penguat kuasa semasa tempoh kempen pilihan raya akan diambil tindakan dalam kuasa-kuasa yang diberi kepada pasukan tersebut. Ia tidak meliputi semua aspek di luar bidang tugas pasukan penguat

kuasa. Yang Berhormat bagi Tanjong juga membangkitkan isu, banyakkah dia bangkit, dia *preparelah* di rumah. Dia sudah dapat satu *essay*, dia *prepare*.

Dari sini, bagi dia peluang hendak *prepare*, dia tidak tahu, dia tidak boleh cakap. Okey, media yang dia bangkitkan isu media, SPR, PAS tidak adalah, PAS ada kelas sedikitlah, berbanding dengan ini, cakap sahaja banyak ini, DAP. Tadi dia cakap 27D. Tuan Yang di-Pertua, dia cakap 27D itu *donkey*, tetapi 27Ditu tidak perlulah *donkey*, DAP pun boleh. Saya tidak kata *donkey* dan DAP samalah. DAP pun kita faham, *donkey* pun kita faham. SPR tidak mempunyai, ini Yang Berhormat bagi Kota Melaka, dia sudah keluar tadi, dia yang cakap tadi. SPR tidak mempunyai kuasa ke atas media secara amnya. Walau bagaimanapun, SPR boleh mengawal selia calon dan pekerjaanya. Kod etika terpakai kepada calon dan juga pekerjaanya. Calon dan pekerjaanya dinasihatkan kepada kod etika tersebut supaya tidak menggunakan media untuk menyiarkan apa-apa berita yang mengabaikan atau negatif berkaitan dengan calon lawan.

Selain itu, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 terpakai bagi semua orang tidak kira sama ada individu atau tidak. Sekiranya sesuatu berita disiarkan oleh pihak media yang bercanggah dengan peruntukan Akta Kesalahan Pilihan Raya, mana-mana orang boleh membuat aduan kepada pihak polis yang menguatkuasakan akta tersebut. Boleh buat aduan kepada pihak polis. Tadi Jeli membangkitkan hal ini. Jadi kalau ada masalah, boleh buat laporan.

Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong - apabila kita ada akta, SPR tidak boleh campur tangan dalam hal media massa, dia tidak suka. Kalau kita mengemukakan akta, SPR boleh campur tangan dalam media massa dia pun mesti bisinglah. Macam mana pun dia bisinglah. Tidak apa.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Yakah, Kuala Terengganukah? Ada, ya. Okey, dia doktorlah, bukan main. Dari segi undang-undang, pasukan penguat kuasa boleh bertindak ke atas mana-mana pemimpin yang berkempen bertentangan dengan peraturan yang sedia ada dan juga jangan risau Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, ada buku panduan. Saya dijelaskan tadi ada buku panduan dan ia akan diteliti lagi sekali dan menghalusi peraturan-peraturan supaya ianya sesuai dengan peraturan yang ditetapkan.

Yang Berhormat bagi Jeli, Jeli ini bila dia berucap dia senyum sahaja tetapi dalam hati, kita tidak tahu apa dia tetapi inilah stail PAS tetapi...., pegawai [*Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Jeli*] Mana Jeli, tidak adakah? Tidak adapun kita kena jawab juga. Tidak apa. Pegawai Pengadil dan Pegawai Penguat Kuasa adalah dua jawatan yang berlainan. Ada atau dia tidak ada tetapi kawan-kawan kita dari PAS boleh beritahu dia atau jika dia berada di luar, dia boleh dengar atau tengok televisyen. Pegawai Pengadil adalah yang dilantik oleh SPR untuk mendengar apa-apa rayuan yang berbangkit daripada apa-apa tuntutan atau bantahan tentang daftar pemilih. Pegawai Penguat Kuasa ialah seorang yang dilantik untuk mengetuai Pasukan Penguat Kuasa. Saya haraplah Jeli faham kedua-dua ini.

Akhir sekali Yang Berhormat bagi Seputeh, dia juga semalam tidak tidur, dia siapkan ucapan dia, dan dia ucap...

Puan Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Batu Gajah bangun, Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Batu Gajah boleh duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Ini Seputeh tidak ada, Batu Gajah bangun untuk apa? Tadi tidak sebut.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau kata Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat yang sedang berucap kena duduk dahulu, ya. Kena duduk dahulu. Kita dengar apa dia Peraturan Mesyuaratnya.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat itu.

Seorang Ahli: Dia tidak faham, dia tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Batu Gajah, apa dia?

Puan Fong Po Kuan: Saya pohon satu *ruling*. Menteri begitu tidak rela untuk menjawab dengan baik. Kita membangkitkan perkara mengikut pindaan, dia mesti menjawab ikut pindaan, mengapa mengkritik, membuat komen-komen yang dia tidak ada kaitan dengan perkara yang kita bangkitkan? Saya haraplah Menteri ini kalau tidak rela untuk jawab, dia boleh balik. Saya harap Tuan Yang di-Pertua dapat buat satu *ruling*. Dewan ini bukan untuk main-main, untuk bangkitkan perkara yang tidak ada kaitan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Puan Fong Po Kuan: Komen-komen sampingan tidak ada guna, tidak ada kaitan. Tolong hormati Dewan sedikitlah! Baliklah! Saya mohon satu *ruling*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Duduk dalam Dewanlah Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh rehatkan dia – Yang Berhormat Menteri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata tadi berkenaan dengan Jeli tidak ada. Takkanlah salah macam itu.

Puan Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka keluar apa salahnya. Hanya dia kata, cara dia kata itu sahaja, barangkali..... Baiklah Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, ini pedas, dia rasalah itu kerana dia*[Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah]* Saya bagi sedikit.... bangunlah. Saya cakap macam itu, you bangun sedikit tengok. Kalau tidak you tidur. Saya cakap itu benar kerana bukan saya kritik. Pagi tadi Kota Melaka dia banyak kritik. Saya cakap *mood* dia pun panjang punya cerita. Lagi satu dia cakap, kita baca, baca sahaja tetapi nampak Tanjung baca, Seputeh baca, semua baca, sama juga...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sila teruskanlah.

Datuk M. Kayveas: Dia bangun, dia cakap Peraturan Mesyuarat, tidak ada Peraturan Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Tidak hormati Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, yalah.

Datuk M. Kayveas: Sudah kena satu kali, masih belum belajar lagi... *[Ketawa]* Ini... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan ya.

Datuk M. Kayveas:kita punya Yang Berhormat bagi Seputeh pun tidak ada lagi. Okey, Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya bukanlah pegawai awam. Mereka dilantik mengikut Perkara 114 Perlembagaan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selepas ...

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas:selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bagi jalan atau tidak?

Datuk M. Kayveas: Tidak ada!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia kata Yang Berhormat berjalan keluar, adakah salah yang itu, ya...

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, sudahlah. Sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara dengan suara yang tinggi]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat, Yang Berhormat! Sila duduk ya. Ya, sila habiskan.

Datuk M. Kayveas: Kali ini marah, dia tidak mahu keluar. Biasa sikapnya bila marah, dia keluar.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka... *[Ketawa]* Teruskan.

Datuk M. Kayveas: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, tidak ada syarat yang memperuntukkan bahawa ahli suruhanjaya diambil daripada pegawai awam. Apa yang penting ialah semasa melantik anggota-anggota SPR, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengambil perhatian tentang mustahaknya diadakan suatu Suruhanjaya Pilihan Raya yang dapat kepercayaan awam dan....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Terengganu bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bagi jalan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya akan *consider* untuk masuk PPPIlah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Kalau PPP dapat kerusi di pilihan raya akan datang.

[Dewan gamat dengan ketawa]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tetapi saya rasa tidak dapat kerusilah. MIC marah.

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya ingin penjelasan terutama dari segi penguat kuasa yang saya tanya tadi, adakah ianya akan meliputi seluruh kawasan yang ditandingi ataupun kawasan yang terpilih sebagaimana yang disebut oleh Setiausaha SPR, mereka akan menentukan kawasan-kawasan tertentu sahaja iaitu kawasan-kawasan yang dianggap kritikal dan boleh dijangka menimbulkan kekecohan. Itu yang pertama.

Yang keduanya, saya minta penjelasan, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pelantikan pegawai-pegawai SPR ini di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong cuma integriti yang perlu dijaga oleh Pegawai-pegawai SPR ini sendiri. Contoh yang diberikan oleh Tumpat, contoh yang diberikan oleh Kota Melaka, terutamanya tindak tanduk Setiausaha SPR sendiri, kenyataan-kenyataan beliau, tindak tanduk beliau yang jelas menunjukkan sikap yang *bias* dan menunjukkan seolah-olah ada *leaning* dengan izin, terhadap UMNO dan Barisan Nasional. Ini yang kita pertikaikan.

Dari segi menjalankan tugas, kita yakin dengan apa yang dilakukan oleh SPR tetapi kalau berlaku sebagaimana apa yang berlaku dalam kes Puteri UMNO, maka kredibiliti SPR akan hilang sebagaimana kajian yang dibuat oleh pensyarah-pensyarah UKM iaitu hampir 50% tidak meyakini peranan yang dimainkan oleh SPR. Ini yang menjadi persoalan. Minta penjelasan.

Datuk M. Kayveas: Okey, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Cara inilah baik, dia bangun, dia cakap, DAP kena belajarlah dari dia orang.

Kuala Terengganu, untuk soalan pertama, jawapan adalah semua bahagian pilihan raya Parlimen. Yang kedua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat. Jawapan Yang Berhormat yang macam mana? Adakah perkataan 27B itu "Jika difikirkan perlu"..... ya. Janganlah [Ketawa] Yang Berhormat, pada fikiran saya jika difikir perlu di mana-mana tempat perlu. Ini bermakna kata, bukanlah pada keseluruhannya.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. "Jika difikirkan perlu" kita tambah perkataan itu. Terima kasih [Dewan riuh]

Jawapan untuk yang kedua, jangan khuatir Yang Berhormat, SPR itu *neutral*, dengan izin perkataan *neutral*. *So you don't have* jangan dengan izin, *don't worry my friend*.

Yang Berhormat bagi Seputeh mengenai satu kertas undi yang bersiri yang dibangkitkan. Ini diadakan untuk menentukan kesahihan kertas undi dikenal pasti. Itu sahaja. Dia cuba bangkitkan *local government* satu kerajaan tempatan, satu subjek, saya pun suka tetapi minta maaf saya bersama dengan Yang Berhormat pun tidak boleh berucap dalam ini. Lain kalilah kita dapat peluang. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Dia duduk dah Yang Berhormat. Ya, dia terima kasih dah, ya. Dia terima kasih dah. Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh, cukuplah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 5 -

Tuan Pengerusi: Ya, Fasal-fasal 1 hingga 5 ya. Tumpat.

4.22 petang.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Fasal 2 dan Fasal 4 di mana Fasal 2(b) dengan memasukkan takrif selepas "Pegawai Pengadil, takrif yang berikut Pegawai Penguat Kuasa". Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya jawatan itu yang telah baru kita persetujui di peringkat dasar tadi ditukar daripada "Pegawai Penguat Kuasa" kepada "Pegawai Pemandu Pilihan Raya".

Ini adalah selaras dengan hasrat pimpinan negara, Perdana Menteri yang akan bersara, Yang Amat Berhormat bakal Perdana Menteri untuk tidak menampakkan negara

kita ini mempunyai sikap yang kasar dan keras dan menumpukan kepada penguatkuasaan undang-undang. Sebaliknya saya fikir kalau istilahnya Pegawai Pemandu Pilihan Raya, ia mempunyai suatu implikasi yang positif yang mana Suruhanjaya Pilihan Raya ini memandu supaya pilihan raya itu berjalan dengan licin supaya undang-undang pilihan raya itu dilaksanakan dengan licin, supaya jika ada percubaan atau kesilapan-kesilapan pilihan raya yang silap ini dipandu balik dengan baik untuk mengelakkan daripada melaksanakan kesilapan atau kesalahan pilihan raya.

Jadi, saya cadangkan istilah Pegawai Penguat Kuasa menjadi Pegawai Pemandu Pilihan Raya. Begitu juga dalam Fasal 4 di mana Subseksyen itu yang baru, "*Pegawai Penguat Kuasa hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan Pegawai Pilihan Raya Negeri, mempunyai segala kuasa dan kewajipan yang diberikan kepadanya bagi menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang berhubung dengan perjalanan.....*". Saya cadangkan dipinda juga supaya berbunyi "Pegawai Pemandu Pilihan Raya hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawal Pegawai Pilihan Raya Negeri mempunyai segala kuasa dan kewajipan yang diberikan kepadanya bagi memastikan kelicinan perjalanan pilihan raya dan penguatkuasaan undang-undang yang berhubung seterusnya".

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tujuan saya mencadangkan ini sebagaimana saya maklumkan tadi Tuan Pengerusi ialah untuk memastikan supaya negara kita menyucikan imejnya, memulihkan imejnya dan benar-benar melalui SPR menunjukkan hasrat kita hendak memajukan pilihan raya, sistem pilihan raya, hendak memastikan bahawa rakyat merasai dirinya mesra dengan pilihan raya dan bukan sebaliknya. Jadi, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Ini hendak tanya Tuan Pengerusilah.

Tuan Pengerusi: Hem.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat bagi Tumpat tadi berbahas, dia hendak meminda.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, faham itu. Saya faham itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sebetulnya ini tidak boleh dipinda Tuan Pengerusi sebab mahu ada pindaan atau usul.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Lain kali pun mahu ada usul. Jadi tidak boleh Tuan Pengerusi. Terima kasih. Buang Masa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat, kita kena buat cadangan pindaan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih. Saya dalam semangat mesra dengan kerajaan dan melihat supaya kerajaan mesra dengan kita. Tetapi kalau Yang Berhormat bagi Kinabatangan tidak mahu mesra, saya pun tak apalah. Kita kawan dengan PPP jugalah. [Ketawa] [Dewan riuh] Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya. Okeylah. Okey. Bachok, ya.

4.25 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara di bawah Pindaan Seksyen 2 Fasal 2 ini.

Tuan Pengerusi: Hem.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Apabila diterjemah kepada Pegawai Penguat Kuasa, Pegawai Penguat Kuasa yang dilantik di bawah Seksyen 3 dan termasuklah Penolong Pegawai Penguat Kuasa.

Yang pertama saya hendak mendapatkan penjelasan dari sudut *legal* statusnya. Satu Suruhanjaya bebas seperti Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia ini.....

Tuan Pengerusi: Hem.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: adakah mempunyai satu status undang-undang untuk mewujudkan satu pasukan penguat kuasa. Sebenarnya daripada dari sudut fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya ialah tidak berpihak ke mana-mana dan juga tidak ada sejarah yang meletakkan taraf ia boleh membawa sesuatu pendakwaan ataupun membawa satu kes.

Jadi, dalam perkara ini saya ingat perlu ada satu penjelasan dari segi kedudukan undang-undang mengenai penubuhan Pasukan Penguat Kuasa di bawah satu suruhanjaya bebas. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, habis dah. Yang Berhormat hendak jawabkah tidak berkenaan dengan pertama tadi iaitu Tumpat. Terpulanglah hendak jawab atau tidak, ya berkenaan yang kedua itu.

Datuk M. Kayveas: Tak perlu jawab.

Tuan Pengerusi: Suruhanjaya Pilihan Raya mempunyai kuasa hendak membawa suatu kes.

Datuk M. Kayveas: Satu pindaan. Satu tak payah jawab. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tak pernah menyertai pilihan raya. Itu sebabnya.

Tuan Pengerusi: Ya. *[Ketawa]* Ya, Seputeh jangan marah sangat. *[Dewan riuh]*

Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan di bacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keganasan merupakan perkara global yang memerlukan penglibatan usaha dan kerjasama semua masyarakat di peringkat domestik dan antarabangsa untuk mengatasinya. Oleh itu, Malaysia bercadang untuk menjadi satu pihak kepada Konvensyen Antarabangsa Bagi Pembanterasannya Pembiayaan Keganasan

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Datuk M. Kayveas: dan Konvensyen Antarabangsa Menentang Pengambilan Tebusan 1999. Untuk membolehkan Malaysia menyertai konvensyen ini, undang-undang domestik Malaysia perlu dipinda untuk menjadikan perbuatan keganasan suatu kesalahan jenayah dengan hukuman yang setimpal.

Kedua-dua Konvensyen itu turut memperuntukkan obligasi bahawa negara-negara yang menjadi pihak kepadanya hendaklah mewujudkan bidang kuasa mengenai semua kesalahan perbuatan keganasan yang disenaraikan dalam Konvensyen itu yang dilakukan di dalam dan luar negara.

Bagi maksud itu, Fasal 2 Rang undang-undang ini mencadangkan supaya seksyen 4 Kanun Keseksaan dipinda untuk meluaskan pemakaian Kanun Keseksaan kepada kesalahan luar wilayah. Pindaan kepada seksyen itu juga memperuntukkan alasan tambahan bagi melaksanakan bidang kuasa jenayah luar wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, pengganas masa kini, menyembunyikan aliran kewangan mereka daripada pihak berkuasa dengan berselindung di sebalik organisasi sah yang bersifat kebajikan, sosial dan budaya. Organisasi ini juga digunakan oleh pengganas untuk mengumpul dana daripada sumbangan orang awam tanpa mendedahkan tujuan sebenar dana tersebut. Tindakan sewajarnya untuk mengesan, membekukan dan menyita serta melucutkan apa-apa yang dipercayai digunakan oleh pengganas untuk membiayai perbuatan dan kegiatan keganasan juga perlu diperuntukkan dalam undang-undang.

Oleh itu Fasal 5, Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya Kanun Keseksaan dipinda dengan memasukkan bahagian baru 6A yang mengandungi seksyen baru 130B hingga 130T yang memperkatakan pembanterasannya perbuatan keganasan dan pembiayaan perbuatan keganasan.

Seksyen baru 130B [*Pembesar suara terhenti seketika*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ha, bagus.

Datuk M. Kayveas: *You* suka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Datuk M. Kayveas: *You* cepat kahwinlah, *you tension* ini. [*Ketawa*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Datuk M. Kayveas: Susah *you* belum kahwin lagi. Kahwin Barisan Nasional. [*Disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Seksyen baru 130B mentakrifkan ungkapan tertentu yang digunakan di dalam Bab 6A. Antaranya ialah takrif kesalahan membiayai keganasan, pengganas, entiti pengganas, kumpulan pengganas, harta pengganas dan perbuatan keganasan.

Seksyen baru 130C menjadikan perbuatan keganasan sebagaimana yang ditakrifkan di dalam subseksyen 130B(2) sebagai suatu kesalahan. Jika perbuatan itu mengakibatkan kematian, orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman mati. Jika, kesalahan itu tidak melibatkan kematian, hukuman yang dicadangkan

ialah pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada 7 tahun, tetapi tidak melebihi 30 tahun. Orang yang disabitkan kesalahan itu juga boleh didenda.

Seksyen baru 130D, memperkatakan kesalahan membekalkan kepada kumpulan penganas atau anggotanya apa-apa bahan letupan atau peranti yang boleh membawa maut.

Seksyen baru 130E, dan 130F, masing-masing menjadikan perbuatan merekrut orang untuk menjadi anggota kumpulan penganas atau mengambil bahagian di dalam perbuatan keganasan dalam mengadakan latihan dan ajaran bagi penganas suatu kesalahan.

Seksyen baru 130G menjadikan perbuatan tertentu suatu kesalahan. Perbuatan yang dimaksudkan itu ialah perbuatan menghasut atau menggalakkan perlakuan perbuatan keganasan, perbuatan menghasut atau menggalakkan keanggotaan dalam kumpulan penganas atau perbuatan mendapatkan harta bagi manfaat kumpulan penganas atau perlakuan perbuatan keganasan.

Seksyen baru 130H menjadikan perbuatan mengadakan kemudahan untuk menyokong perbuatan keganasan atau keganasan satu kesalahan.

Seksyen baru 130I pula menjadikan perbuatan mengarahkan kegiatan kumpulan penganas suatu kesalahan.

Perbuatan yang menjadi kesalahan di bawah seksyen baru 130J ialah perbuatan mendapatkan sokongan dan pemberian sokongan kepada sokongan penganas atau perbuatan keganasan.

Di bawah seksyen baru 130K dan seksyen baru 130L pula, perbuatan melindungi penganas dan persahabatan untuk melakukan mana-mana kesalahan di bawah bab 6A merupakan kesalahan. Jika, seseorang sengaja tidak memberikan maklumat yang berhubungan dengan perbuatan keganasan, dia melakukan kesalahan di bawah seksyen baru 130M.

Seksyen baru 130N dan seksyen baru 130O pula masing-masing menjadikan kesalahan perbuatan mengadakan atau mengumpul harta bagi perbuatan keganasan dan perbuatan mengadakan perkhidmatan atau kemudahan kewangan bagi mana-mana penganas, entiti penganas atau kumpulan penganas.

Mengikut seksyen baru 130P, seseorang yang membuat perkiraan bari perolehan pemegang atau kawalan harta penganas melakukan kesalahan di bawah seksyen baru 130Q pula perbuatan membuat urusan tentang harta penganas juga menjadi suatu kesalahan.

Seksyen baru 130R dan 130S masing-masing menjadikan perbuatan tidak memberikan maklumat tentang harta penganas dan perbuatan membiayai keganasan dengan sengaja suatu kesalahan.

Seksyen baru 130T pula memperkatakan kesalahan di bawah Bab 6A yang dilakukan oleh Pertubuhan Perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Malaysia menyertai Konvensyen Antarabangsa Menentang Pengambilan Tebusan 1999, Malaysia akan mempunyai obligasi untuk menangani perlakuan jenayah yang melibatkan penahanan orang tebusan. Untuk membolehkan Malaysia memenuhi obligasi ini, Fasal 8 Rang Undang-undang ini mencadangkan pindaan kepada Kanun Keseksaan dengan memasukkan seksyen baru 374A.

Di bawah seksyen baru itu, perbuatan pengambilan tebusan untuk memaksa pihak kerajaan pertubuhan kumpulan atau orang lain supaya melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan sebagai syarat bagi melepaskan tebusan itu dijadikan satu kesalahan.

Hukuman mati dicadangkan dikenakan terhadap orang yang disabitkan atas kesalahan pengambilan tebusan yang melibatkan kematian. Jika kesalahan itu tidak melibatkan kematian, hukuman yang dicadangkan ialah pemenjaraan selama tidak kurang

dari 7 tahun dan tidak melebihi 30 tahun. Orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh juga didenda.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini kesalahan rogol mahram dan sumbang mahram semakin berleluasa. Banyak cadangan telah dibuat oleh orang ramai dan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan untuk menangani isu ini. Antaranya ialah saranan agar tindakan yang lebih tegas diambil terhadap pesalah jenayah seksual dengan mengenakan hukuman yang lebih berat.

Oleh yang demikian, Fasal 9 Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya seksyen 376 Kanun Keseksaan dipinda dengan memasukkan satu kategori jenayah seksual yang baru iaitu rogol mahram. Orang yang disabitkan atas kesalahan ini boleh dikenakan hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada 15 tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun. Orang itu boleh juga dikenakan hukuman sebat tidak kurang daripada 10 sebatan.

Fasal 9, Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan hukuman mati jika mangsa rogol mati semasa jenayah rogol itu dilakukan atau cuba dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, diperhatikan bahawa jenayah seperti rompakan berkumpulan yang melibatkan kematian atau cedera parah, perbuatan menyebabkan kematian seseorang tanpa tergolong sebagai pembunuhan, penculikan dengan tujuan membunuh dan pecah rumah yang melibatkan cedera parah atau kematian semakin banyak berlaku.

Kerajaan memandang serius perkara ini dan sebagai usaha untuk membendunginya, hukuman maksimum yang boleh dikenakan oleh kesalahan tersebut dicadangkan dinaikkan. Oleh itu, Fasal 3, 6, 7, 10 dan 11 rang undang-undang ini mencadangkan pindaan kepada Seksyen 57, 304, 396 dan 460 Kanun Keseksaan untuk menaikkan hukuman maksimum pemenjaraan bagi kesalahan yang disebut tadi daripada 20 tahun kepada 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini yang tidak saya sebut dengan khusus merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Mohd. Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Batang Lupar.

4.42 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya telah melihat rang undang-undang ini, ternyata pindaan ini pada saya belum cukup menyeluruh, hanya untuk mengatasi persoalan ataupun memenuhi keperluan konvensyen yang Malaysia telah terlibat iaitu *International Convention Against Taking Hostages*.

Jadi, banyak lagi kalau kita lihat dalam senarai kesalahan-kesalahan Kanun Keseksaan ini daripada Seksyen 1 sampai Seksyen 506, memerlukan kajian menyeluruh untuk pindaan-pindaan yang tertentu supaya kanun ini boleh di *update* kan dari segi kesalahan dan hukumannya mengikut realiti yang ada pada masa sekarang. Itu yang pertama yang saya nampak, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua yang saya nampak dalam rang undang-undang ini juga bahawa kanun kesalahan *terrorism* ini ataupun keganasan ini dibawa ke dalam kesalahan Kanun Keseksaan tetapi dalam Kanun Keseksaan, kita dapati ada kesalahan-kesalahan yang besar dan tertentu, kita boleh *whipping*...

Seorang Ahli: Sebat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebat, kita rotankan tetapi dalam kesalahan-kesalahan *terrorism* ini, tidak ada satu pun kes *terrorist* ini boleh disebat atau dirotan. Jadi, persoalannya kenapa kita asingkan kesalahan-kesalahan lain dengan kesalahan-kesalahan *terrorism* ini yang mana walaupun serius tetapi tidak boleh dihukum dengan sebat. Padahal, kesalahan-kesalahan lain dalam undang-undang Kanun Keseksaan, kita beri peruntukan untuk kesalahan itu disebat.

Saya berpendapat, ini sepatutnya diselaraskan. Apa-apa sahaja kesalahan yang berlaku di Malaysia ini sejajar dengan kehendak dan cita rasa Malaysia, negara kita, supaya tidak ada kesalahan yang besar lain disebat dan tidak ada kesalahan yang besar lain, kita bebas daripada sebat. Bahkan, kesalahan keganasan ini adalah jauh lebih berbahaya, lebih menyeluruh dan lebih merangkumi orang-orang lain tetapi dalam masa yang sama, kita bagi hukuman penjara dan juga hukuman dengan bayaran begitu sahaja.

Saya berharap pada masa-masa akan datang, kita kena melihat perkara-perkara ini supaya penyeragaman dibuat. Tidak ada perbezaan di mana yang mana satu kita buat undang-undang untuk negara kita dan yang mana satu undang-undang yang kita buat oleh kerana patuh dengan satu konvensyen antarabangsa...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Malaysia adalah salah sebuah negara yang kritikal terhadap beberapa konvensyen antarabangsa mengenai *terrorism*. Salah satu bidang yang disuarakan oleh Malaysia ialah ketiadaan definisi *terrorism* yang menyebabkan sesetengah pihak, khususnya kuasa-kuasa besar, bertindak dengan sewenang-wenang mentafsirkan *terrorism* mengikut cita rasa mereka sendiri sehingga sekarang ini seolah-olah orang Islam itu adalah sinonim dengan *terrorism*.

Undang-undang yang sedang kita bincangkan pada hari ini adalah juga sebahagian daripada sedutan-sedutan dari konvensyen antarabangsa mengenai *terrorism* yang diputuskan di peringkat PBB. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai hal ini?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya apabila menerima naskhah Kanun Keseksaan (Pindaan) ini, perkara yang pertama yang saya cari ialah definisi *terrorism*. Saya baca dua, tiga kali sebenarnya, hendak cari mana satu yang dikatakan definisi yang telah menyebut macam mana *terrorism* ini dilaksanakan dalam undang-undang ini.

Oleh kerana kalau kita tidak mempunyai satu definisi yang tertentu, maknanya kita akan menyerahkan bulat-bulat definisi itu kepada mahkamah untuk memberi keputusan. Tetapi apabila diselidiki, ada juga dalam butiran *terrorism* di bawah Perenggan 2(2). Di sini disebut bermacam-macam definisi yang dikatakan *Terrorist Act* di bawah undang-undang ini. Ini ada banyak perenggan (a) sampai (i) tetapi tidak ada menyebut persoalan secara *conceptual*, apa sebenarnya definisi *terrorism* kerana di sini menunjukkan kesan sahaja daripada apa yang diambil oleh seseorang itu supaya orang itu dikatakan ialah *Terrorist Act*.

Maknanya definisi secara khusus tidak ada di dalam undang-undang. Apa yang disebut di dalam undang-undang ini ialah kesan daripada tindakan keganasan yang dibuat oleh seseorang yang boleh diinterpretasikan sebagai *Terrorist Act*. Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita belum lagi dapat mengatasi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong berhubung dengan *terrorism* yang kita sebut kerana kita tahu ada negara-negara yang telah me *rubberstamp* kan orang Islam sebagai *terrorist* walaupun, umpamanya perjuangan Palestin untuk mengambil balik tanah mereka yang dirompak dan dicuri oleh pihak-pihak Zionis tetapi perjuangan mereka ini dianggap sebagai satu peperangan *terrorist* walaupun mereka adalah memperjuangkan tanah air mereka sendiri dan untuk mengambil balik tanah air mereka itu sendiri daripada tindakan dan pengambilan oleh pihak Zionis ini.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita belum lagi sampai ke peringkat yang mana undang-undang kita supaya undang-undang mendefinisikan sebenarnya apakah *terrorism* itu.

Adakah kita ini tunduk juga kepada pihak-pihak tertentu apabila kita membuat definisi ini. Tunduk kepada pihak-pihak yang tertentu supaya definisi ini tidak berasaskan apa yang kita mahu, tetapi apa yang mereka mahu di bawah *convention* yang kita sertai. Jadi, saya ingin tanya penjelasan yang khusus dari pihak kementerian, adakah definisi ini atas cita rasa Malaysia sendiri berlandaskan kemampuan Malaysia sendiri, pandangan Malaysia sendiri ataupun definisi yang kita sebutkan di sini kesan daripada tindakan ini diletakkan sebagai satu definisi *Terrorist Act* ini, oleh kerana kita akur dengan *convention* antarabangsa yang kita sertai. Jadi, ini perlu kerana kita hendak mengetahui, sebagai warganegara Malaysia perlu mengetahui apa sebenarnya *terrorist* itu dalam konteks negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat undang-undang ini, kalau dalam soal kesalahan *terrorist* ataupun penjenayah *terrorism* ini cukup komprehensif. Saya percaya ini berlandaskan dengan *treaty* ataupun konvensyen yang kita telah terima. Tetapi dalam masa yang sama, saya berasa curiga sedikit dalam beberapa perkara di dalam undang-undang ini kerana kita lihat banyak yang diisi dalam undang-undang ini mempunyai satu kesan yang begitu jauh sekali. Umpamanya sebagai kesan yang jauh, yang saya sebutkan di sini ialah di bawah peruntukan Perenggan 130 Seksyen 130H iaitu:

“130H. *Whoever being –*

- (a) *the owner, occupier lessee or person in charge of any building, premises, room or place knowingly permits a meeting of persons to be held in that building, premises, room or place;”*

Jadi, orang ini kata *providing facilities* kepada tindakan-tindakan atau *Terrorist Act*. Jadi, macam mana kalau saya mempunyai sebuah kedai, kedai saya ini disewa dengan orang lain, saya yang punya, tetapi penyewa itu yang bagi kebenaran untuk orang menggunakan ini untuk satu mesyuarat. Kalau dalam konteks *literally speaking* dalam undang-undang ini, orang itu telah melakukan satu kesalahan. Satu, sebagai tuan punya rumah dan yang si penyewa tadi pun memang kena, memang dia yang beri kita peluang tetapi macam mana dengan saya? Saya tidak tahu-menahu sebagai tuan rumah yang menyewa kepada si penyewa dan penyewa ini boleh menyewa dengan *subtenant*, *subtenant* ini yang memberi kebenaran. Macam mana kedudukan ini sebenarnya?

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya berharap apabila undang-undang ini dilaksanakan nanti, kita mesti mempunyai daya penyelidikan yang rapi, daya penyelidikan yang khusus supaya seseorang yang boleh dikatakan *innocent* dalam apa-apa segi sekalipun sebagai tuan rumah, *master the boat*, *lessee of the kapal* dan bermacam-macam lagi ataupun *agent pilot in charge* kapal terbang, MAS pun boleh kena tuduh di sini. Jadi, kalau berlaku apa-apa perkara dalam kapal terbang MAS itu, mungkin pengarah-pengarah MAS ataupun *managing-managing director* masih boleh disabitkan kesalahan kalau dilihat dari segi literal *translation* daripada undang-undang ini.

Jadi, saya berasa curiga sedikit adalah *the far-reaching effect of this* undang-undang, dengan izin,.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sejak peristiwa 11 September, perkembangan di Barat bahawa adalah sekarang ini wujud banyak undang-undang yang sebenarnya menghakis *liberty* ataupun *fundamental liberties* seorang manusia yang telah pun diperjuangkan sejak berpuluh-puluh zaman yang lalu. Kini nampaknya kita juga mengambil, mencedok sepenuhnya undang-undang ini atas semangat untuk sama-sama memerangi *terrorism*. Oleh itu, kita juga mungkin akan terheret dalam satu perbuatan yang boleh menghakis *fundamental liberties* sebagaimana yang sekarang ini dilaksanakan

oleh kerajaan-kerajaan kuasa besar yang takut oleh bayang-bayang sendiri. Apa komen Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, apabila Malaysia menggunakan kuasa di bawah ISA, rata-rata negara seluruh dunia bahkan saya sendiri pernah berhadapan dengan *Human Right Committee* beberapa negara yang menuduh Malaysia sebagai negara yang menghakiskan kebebasan manusia ataupun masyarakat di negara mereka. Tetapi apabila berlakunya pengeboman kepada *The Twin Tower* di *New York*, nampaknya Amerika yang dulunya begitu lancang sekali mengatakan persoalan kebebasan, demokrasi dan sebagainya telah mewujudkan bukan sahaja undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang ini kadang-kadang kita bawa ke mahkamah dan boleh diuji dan dicuba di mahkamah. Kita lihat orang yang ditahan di Cuba sekarang, apa nama tempat itu?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: "*Guantanamo*".

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: "*Guantanamo*" *Detention Center* untuk orang peperangan di Afghanistan dan Iraq dibawa ke sana. Apakah kedudukan mereka ini? Bagaimana keadaan mereka ini? Bahkan tidak ada satu undang-undang pun boleh dimasukkan ke sana berlandaskan dua atau tiga prinsip. Undang-undang yang pertama dikatakan mahkamah-mahkamah di Amerika tidak ada *jurisdiction* ke atas *Guantanamo*, oleh kerana ia di luar Amerika dan ini digunakan satu mekanisme supaya tiap-tiap penahanan dan tindakan yang dibuat oleh pihak Amerika telah tidak dapat dicabar oleh mahkamah di negara mereka sendiri. Itu pun masih kita jauh lebih baik, ISA ini boleh hari ini ditangkap, mungkin dalam seminggu akan datang kita boleh bawa ke mahkamah kerana kita tidak akan *plead jurisdiction* kerana kita tidak boleh, sebab mahkamah kita di Malaysia dan tanpa arahan kita di Malaysia tetapi berlaku di Amerika, dibuatkan tahanan itu di luar Amerika supaya ia tidak dapat dicabar oleh sesuatu mahkamah di Amerika. Itulah kenapa pada masa sekarang banyak pihak yang tertentu termasuk ACLU iaitu satu badan *freedom* di Amerika yang hendak membawa perkara ini kepada Mahkamah Agung Amerika. Ini pun dalam ura-ura sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam mereka berura-ura ini sudah bertahun-tahun penghakisan dari segi *freedom, expression, Activity Freedom of Association*, apa sahaja yang dikatakan *democratic principal* ini telah terhakis di Amerika. Jadi ini memang, kalau tiap-tiap tindakan itu kalau baik kepada negara mereka, dia kata okeylah tetapi kalau negara lain buat perkara yang sama dikatakan tidak baik dan dicela. Begitulah sebagaimana yang saya sebut tadi dari tahun 1992 Tuan Yang di-Pertua pertama kali saya berhadapan dengan pihak *Human Right Committee* di Australia dicaci begitu.....

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta sekejap ya, saya sudah hendak habis. Dicaci sebegitu rupa, Malaysia dikatakan undang-undang tidak betul, prosedur kita tidak betul, macam-macam, semua tidak betul. Jadi saya kata undang-undang kamu pun begitu juga, saya jawab senang sahaja dengan Australia ini, orang *aborigines*. bukan *citizens of Australia until 1960's*. Jadi macam mana jawapan yang sebenar pada soalan ini? Ya Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batang Lupar, kadang-kadang kita rasa bahawa kita tidak menghadapi apa-apa *Act of Terrorism* ataupun kita selalu buat *reference* kepada apa yang berlaku di New York. Tidakkah Yang Berhormat juga terlintas kita berhadapan dengan perbuatan keganasan dari Parti Komunis Malaya dan kita lalui zaman-zaman itu begitu gerun sekali dengan macam-macam kaedah dan pelbagai peraturan. Berapa lama kita dalam suasana darurat, kita kata. Kita berhadapan dengan *terrorist* lebih awal dari mana-mana negara tetapi sesetengah negara, *terrorist* ini dilabelkan sebagai *revolutionary*, tetapi kita labelkan mereka ini sebagai *terrorist*. Jadi maksud saya di sini apakah perlunya undang-undang ini dengan harapan untuk melindungi *majority*.

Memang kita kata dari satu sudut kita mengambil ataupun kita panggil mengehend kebebasan. Kita juga yang buat undang-undang, kita juga yang mengendur kebebasan kita sendiri. Macam dalam Dewan ini kadang-kadang kita juga hendak tarik balik kebebasan kita. Jadi, soalnya sekarang apakah Yang Berhormat bersetuju atau tidak bahawa peraturan ini sebenarnya ialah untuk melindungi suara majoriti. Mungkin keganasan itu dilakukan oleh seorang, dua orang, satu kumpulan, dua kumpulan dan sebagainya. Memang kalau boleh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:kita tidak hendak peraturan itu memakan kita sendiri. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya belum lagi menyebut yang saya setuju ataupun tidak setuju soal undang-undang ini. Tetapi daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen nampaknya saya tidak setuju dengan undang-undang ini. [Ketawa] Tidak Yang Berhormat. Saya sepatutnya orang yang pertama sekali mengatakan saya setuju dengan rang undang-undang ini. Apa yang saya sebutkan tadi ialah sedikit ciri-ciri undang-undang ini yang saya bimbangkan oleh kerana penguatkuasaan, bukan undang-undang itu sendiri.

Jadi, sebagaimana yang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebut memang kita mempunyai dua konsep kebebasan ini. Satu kebebasan macam di negara Barat umpamanya mirip kepada kebebasan individu. Bagi Malaysia, kita masih berpegang dari dahulu lagi kita berpegang kepada kebebasan untuk kebaikan semua masyarakat. Jadi, maknanya sedikit-sebanyak dari pandangan Barat bahawa kebebasan individu di Malaysia terhakis sedikit oleh kerana kita pandang kepada keselesaan dan kebahagiaan, keuntungan dan kebaikan masyarakat keseluruhannya.

Jadi, undang-undang kita, Perlembagaan kita, undang-undang kita mirip kepada itu dan kerajaan kita pun *geared* kepada itu yang kita sokong dari dahulu hingga sekarang. Saya memang setuju. Itulah kenapanya kalau di Sarawak dahulu kita dengar ISSO, Undang-undang Darurat Sarawak sendiri, selepas itu diganti dengan undang-undang ISA. Sampai sekarang saya masih bersetuju undang-undang ini diwujudkan dan dikuatkuasakan oleh kerana kita melihat negara kita berlainan sedikit daripada negara-negara lain. Umpamanya, sebagaimana Yang Berhormat sendiri sebut tadi, kita hendak mempertahankan kebebasan, kebaikan dan kebajikan masyarakat di negara ini kita wujudkan undang-undang.

Itulah undang-undang ISA kita buat supaya masyarakat yang majmuk yang mungkin begitu rapuh kalau berlaku satu-satu perkara. Kalau Wan Junaidi hendak balingkan batu hendak tuju kepada Dr. Mahathir tetapi terkena dengan Yang Berhormat Lim, kemungkinan interpretasi media berlainan. Kalau si Ahmad hendak baling batu kepada si Hamid, terkena pada si Halim, mungkin interpretasi dan keluaran dalam surat khabar akan berlainan. Ini kita kena elakkan. Jadi, oleh kerana masyarakat yang begitu *adverse* bahawa orang begitu rupa, itulah kenapa satu-satu tindakan kerajaan itu ada sebab yang tertentu, bukan untuk menekan sesiapa tetapi untuk kebaikan semua masyarakat itu sendiri. Ini adalah konsep undang-undang kita yang kita laksana daripada dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Tumpat berdiri Yang Berhormat. Bagi jalan ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupa. Saya tertarik dengan perbincangan awal. Saya fikir daripada perbincangan yang panjang nanti tentang ini sentiasa mendapati bahawa pandangan Yang Berhormat dalam kes-kes seperti ini amatlah bernas dan berguna untuk kita fikir bersama. Daripada awal yang saya dengar awal tadi Yang Berhormat merasa sedikit kurang puas hati bahawa rang undang-undang ini hanya kita pinda Kanun Keseksaan ini selepas Bangsa-Bangsa Bersatu mengenakan seolah-olah syarat-syarat dan memberikan panduan kepada kita dari segi itu.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong dalam permohonan ulasannya pun merasai bahawa sepatutnya kita tidak melakukan hal ini hanya kerana Bangsa-Bangsa Bersatu mendesak kita untuk melakukannya dan saya amat bersetuju dengan pandangan itu. Tetapi pbandingannya dengan ISA saya fikir perlu kita lihat dengan lebih teliti lagi sebab kalau rang undang-undang hari ini kita rasa kurang puas hati kerana ianya berpunca dan diilhamkan oleh kehendak Barat, ISA juga dimulakan oleh penjajah British di Tanah Melayu ini. Jadi, mereka yang menjalankan ISA sebagai satu taktik dan perancangan mereka untuk – bagaimana yang betul disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk tujuan mereka mengawal parti komunis dan *terrorist* ketika itu. Tetapi kita negara merdeka, mengambil alih dan meneruskan ISA itu dan menambahkan mangsa-mangsa ISA lebih daripada parti komunis sahaja tetapi rakyat biasa, ahli-ahli politik biasa, musuh-musuh politik dalam dan luar parti kita.

Jadi, pandangan Yang Berhormat itu saya berminat tetapi saya ingin supaya kita sampai kata pepatah Inggeris, *logical conclusion*, bukan lari daripada landasan awal, premis awal. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya cukup.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan undang-undang *anti terrorist* yang kita bincangkan di sini, Yang Berhormat, ada dua sebab yang tertentu. Yang pertama kita tidak boleh mengelak bahawa kita diam dalam satu *comity of nations* iaitu masyarakat antarabangsa. Jadi, sebagai salah satu ahli masyarakat antarabangsa kita kena akur apakah pandangan antarabangsa. Bahkan kita sendiri masyarakat antarabangsa bersetuju bahawa keganasan ataupun *terrorism* itu adalah salah. Tetapi hanya yang kita masih pertikaikan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi ialah definisi *terrorism*, kerana definisi *terrorism* kita berlainan, mungkin dengan pendirian orang lain daripada soal definisinya ataupun skop bidangnya. Jadi, itu kita tidak nafikan. Maknanya, kita setuju dengan *terrorism* itu salah tetapi konsep dan skop *terrorism* itu berlainan pandangan daripada satu negara kepada negara yang lain.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita bukanlah kerana paksaan negara lain, mungkin kita kalau sebelum kita memasuki menandatangani mana-mana konvensyen kita telah menyelidik bahawa sama ada konvensyen ini patut kita terlibat. Adakah kita perlu mengasingkan diri daripada konvensyen ini supaya kita jangan terlibat dengan *anti terrorism* di seluruh dunia. Adakah kita boleh mengelakkan diri daripada perbuatan ini.

Jadi, kalau kita fikir yang kita tidak boleh mengelakkan diri daripada keadaan ini dan tidak dapat mengelakkan diri daripada terlibat dengan persoalan keganasan ini, nescaya kita terpaksa juga sebagai peringkat negara kita sendiri iaitu undang-undang negara kita terpaksa diubah mengikut kehendak konvensyen yang telah kita setujui. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya tidak melihat kenapa persoalan ini perlu jadi satu masalah yang besar, hanya yang saya sebut soalan perkataan 'undang-undang' itu dan pelaksanaannya nanti.

Yang kedua, soalan ISA dan sebagainya. Saya sebagai bekas pegawai keselamatan, saya amat mengambil berat persoalan keselamatan. Saya menerima hakikat bahawa ada kadangkalanya kalau orang buat *road block* di jalan raya umpamanya, maknanya, itu sudah membuat kesalahan. Di bawah undang-undang jenayah kalau *you* tahan seseorang dengan tidak ada kuasa yang tertentu sudah membuat satu kesalahan. Ini dikatakan kesalahan *wrongful restrain*. Kalau saya lintas di luar ditahan macam itu, Yang Berhormat tahan saya, saya kata jangan tahan saya. Kalau *you insist* tahan saya, *you* sudah melakukan satu kesalahan *wrongful restrain*. Tetapi apabila undang-undang diwujudkan untuk Yang Berhormat menahan saya oleh sebab kehendak negara ini, maknanya kebebasan saya untuk melangkah ke hadapan terpaksa bertahan di sana sahaja oleh kerana ada sebab-sebab lain yang perlu ditahankan.

Jadi, dalam keadaan sedemikian kita terpaksa menerima bahawa tiap-tiap undang-undang yang telah kita wujudkan termasuk ISA telah menghakikkan sedikit daripada kebebasan masyarakat Malaysia dari bertindak sebagaimana yang dia mahu bertindak.

Lagi satu kalau kita balik kepada konsep yang asal demokrasi dan kebebasan, saya masih teringat apa dikatakan Lord Denning, seorang Hakim Mahkamah Tinggi di

England yang termasyhur dari segi kebijaksanaannya. Dia kata tiap-tiap satu kesalahan itu ada *remedy* katanya, dan tiap-tiap ada kebebasan itu ada batasannya, tetapi seseorang itu mestilah mengetahui di mana letaknya batasan itu. Tetapi orang kita belum sampai ke peringkat yang begitu matang sebagaimana yang *evolved* dalam negara-negara macam Amerika sudah 300 tahun, di England sudah *evolved* semenjak Magna Carta 1215, 800 tahun. Dan walaupun *the Englishmen* tidak bersetuju bila saya katakan *you* sudah tahu soalan *rights* ini pada zaman Magna Carta dahulu tahun 1215 dia kata *no*, kita punya evolution kebebasan *started* semasa Peperangan Revolution di France juga kata dia. Maknanya tidak kurang juga 300 tahun.

Evolution of 300 years mengajarkan kepada pihak Eropah dan pihak Amerika bahawa tiap-tiap *democratic practice freedom* ini ada batasan-batasan yang tertentu, disemai dalam hidup mereka, disemai dalam minda mereka, disemai dalam pandangan mereka supaya mengetahui bila sampai ke batasan itu mereka akan berhenti di situ sahaja tetapi adakah kita mengetahui, bilakah kita boleh berhenti kerana kita merdeka hanya tahun 1957, penubuhan Malaysia tahun 1963, untuk orang Sarawak baru 40 tahun, untuk Semenanjung baru 50 tahun. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian kita menerima hakikat bahawa orang kita belum mengamalkan demokrasi dan *freedom* ini begitu panjang dan mengetahui selok-belok *trial and tribulation* nya, dengan izin.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian kita perlu bimbingan daripada kerajaan menerusi undang-undang kerana polis tidak akan berada di kiri kanan jalan untuk membimbing manusia. Dia akan menggunakan garis panduan undang-undang yang tertentu, dalam masa yang sama, dalam keadaan yang sama siapa yang tidak melakukan kesalahan, tidak melakukan kerosakan, dia tidak perlu bimbang dengan undang-undang yang ada. Jadi, apa yang kita laung-laungkan kadang-kadang soal ISA kita laung-laungkan, sibuk ke kiri, sibuk ke kanan soal ISA ini, ditangkap. Kalau kita tidak buat kesalahan – saya sudah bising di Dewan ini beberapa banyak bising di sana-sini tidak ada orang tangkap saya di bawah ISA.

Jadi, kenapa pula kita perlu begitu bimbang sangat. Saya, Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Tadi Yang Berhormat sentuh tentang ISA. Kita sudah mempunyai undang-undang yang begitu zalim dan juga menyekat kebebasan individu, jadi kenapakah perlunya pindaan seperti ini. Bukankah ini satu rang undang-undang yang terlalu melampau. Itu yang pertama.

Yang kedua, kalau Yang Berhormat baca muka surat 5 tentang definisi untuk *Terrorist Act* ini, ia sebenarnya adalah begitu longgar, ia boleh melibatkan sesiapa pun selagi polis suka, selagi pihak yang berkuasa itu suka, mana-mana kita di sini pun boleh dilabel, ditanda sebagai penganas. Ini adalah rang undang-undang yang membimbangkan. Apakah pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang melampau Yang Berhormat. Saya tidak lihat undang-undang ini melampau. Sebelum saya menjawab, inilah berlaku kepada apa yang semalam Yang Berhormat menyebut soal polis itu, kenapa sudah tahu rekod jenayah, soal jenayah polis, kenapa tidak tangkap dia ini, kenapa tunggu budak 19 tahun ini berhadapan dengan polis membawa senjata. Siapa yang soal?..

Seorang Ahli: Parit Buntar.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Parit Buntar, saya minta maaf, Dr. Parit Buntar, *international member of Parliament, world class*. Jadi, dia kata kenapa tidak tangkap sudah tahu jenayah ini, sudah tahu rekod ini kenapa tidak tangkap. Soalan Yang Berhormat yang penting sekali undang-undang tidak membolehkan polis menangkap orang yang tidak ada bukti nyata, apa yang tahu maklumat, informasi yang tertentu, latar belakang yang tertentu dia ketahui tetapi bukti yang nyata belum ada pada polis. Itulah kenapa polis tidak tangkap. Jadi, yang dikatakan melampau orang Yang Berhormat, ini baru

jawapan. Kalau garis undang-undang tidak diberi macam mana polis hendak ambil tindakan kepada sesiapa yang dikatakan menjadi penjenayah...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis Yang Berhormat. Jadi, apa yang dikatakan penjenayah di bawah undang-undang *terrorist* ini kita tidak tahu apa itu *terrorist*, apa benda itu orang melakukan kesalahan-kesalahan demikian dikatakan *terrorist*. Umpamanya kalau orang itu bawa senjata beramai-ramai dan melakukan kesalahan, mungkin di bawah undang-undang kita yang wujud pada masa sekarang ini tidak mencukupi. Oleh kerana itu, kerajaan menggubalkan satu undang-undang baru untuk mengatasi soal *lacuna* undang-undang ini ataupun *vacuum* dalam undang-undang ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yang Berhormat bagi Batang Lupa kata bahawa undang-undang sekarang ada *lacuna* ataupun ada kekurangan dalam hal-hal jenayah tertentu yang mana polis tidak dapat mengambil tindakan. Sebagai bekas polis yang berpengalaman dalam ISA, mengikut ISA seseorang itu boleh ditahan jika dia itu telah melakukan sesuatu yang dianggap mudarat kepada negara, ekonomi dan sebagainya akan melakukan benda yang dianggap mudarat dan sebagainya, dijangka akan melakukan. Maknanya tiga kategori – sudah buat, belum buat, akan buat, difikirkan akan buat, boleh ditahan oleh polis. Mana ada *lacuna* lagi.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apabila orang Putih *introduce* kan undang-undang *Penal Code* ke Malaysia beberapa tahun dahulu dan dibawa juga undang-undang *Criminal Procedure Code* atau Kanun Acara Jenayah. Dalam Kanun Acara Jenayah ada satu seksyen yang memberi kuasa kepada seseorang itu untuk mengambil tindakan *preventive*. Jadi, maknanya kalau kita sangka orang itu akan melakukan satu kesalahan, boleh ditangkap dan disimpan untuk siasatan ataupun untuk *interrogation* dan sebagainya tetapi apabila *as the time goes by*, orang sudah bijak, orang sudah pandai, jadi undang-undang ini tidak mencukupi lagi. Jadi, kerajaan kena gubalkan undang-undang yang lebih mencukupi untuk mengatasi penjenayah-penjenayah, pesalah-pesalah yang semakin banyak, yang *lawyer* nya semakin bijak, orang yang tak mampu pun ambil *lawyer*.

Jadi, semua orang melakukan kesalahan pun sudah dapat keluar, orang yang buat kesalahan yang besar-besar pun boleh keluar, jangan yang kecil-kecil. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian kita kena menerima hakikat bahawa...

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun untuk keluar]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu dahulu, saya belum habis kalau hendak tanya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak keluar.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hendak keluar. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apa Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, persoalan Yang Berhormat tadi soal di bawah ISA, baru sampai kepada ISA. Soal ISA, apabila Malaysia merdeka pada tahun 1957, kita kena tanya seluruh dunia, berapa banyak negara di dunia merdeka bersama dengan Malaysia selepas Perang Dunia Kedua. Kalau kita boleh *check* senarai ini di bawah United Nation, kita boleh *check* semua ini. Di antara negara-negara yang merdeka pada ketika itu kita lihat berapa banyakkah negara yang selepas Perang Dunia Kedua dan merdeka selepas itu hancur dan kucar-kacir – di Afrika, di Asia dan di mana-mana tempat lagi, hancur lebur.

Tetapi kita dengan nasihat British keluarkan undang-undang ini, pemimpin kita terima nasihat British kerana ini adalah perkara yang baik, kita melihatkan undang-undang ini boleh mempertahankan negara yang mungkin cara keadaannya berlainan daripada negara lain – ada Cinanya, ada Indianya, ada Melayunya, ada Ibannya, ada Bidayuhnya,

ada Kenyahnya, ada Kelabinya, ada Murutnya, macam-macam lagi. Orang yang mempunyai cita rasa peribadi berlainan, agama berlainan, budaya berlainan ini supaya jangan bergaduh, jadi diwujudkan satu undang-undang supaya coraknya macam *preemptive* ataupun *preventive in nature* supaya sebelum perkara ini berlaku diberikan kuasa kepada kerajaan supaya beritahu dia okay 'pok' jangan ganggu ini – 'pok' cakap orang Sarawak. Sebelum hendak buat kacau bilau, okay 'pok' berhenti dahulu, kerajaan tidak setuju ganggu ini sebab kalau ganggu nanti kita akan berperang, kita akan berpecah belah, macam mana yang berlaku di mana-mana banyak negara. Sampai sekarang kita tengok Sri Lanka macam itu, bahkan Pakistan pun macam itu, di India pun macam itu negara yang demokrasi.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian kita tidak boleh menyalahkan bahawa undang-undang ini telah menghakis semua yang kita dapati semasa merdeka. Bahkan undang-undang ini telah mengisi, mempertahankan kemerdekaan Malaysia hingga kita menjadi negara yang begitu mengagumkan dari segi kemajuan, kemajuan ekonomi, kemajuan pembangunan kita, politik kita, sosial kita boleh dibandingkan. Saya boleh memberi sebagai misalan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi sebagai misalan lagi. Saya berjumpa dengan seorang budak daripada India, dia belajar di Oxford. Dia berkata bahawa *Malaysia's democracy is* dipimpin – *is guided democracy, is ala Sukarno democracy*. Jadi saya tanya, *you* ini daripada mana? Dia kata: *"I am from India. India is the best, the biggest democracy in the world"*. *I* kata bahawa *I* baru dapat laporan yang paras kemiskinan di India pada ketika itu ialah 847 juta iaitu hampir 60% rakyat India. Jadi, definisi ini mengikut definisi United Nation iaitu *one dollar a day* baru dianggap paras kemiskinan. Malaysia paras kemiskinan ialah RM18 satu hari.

Jadi, saya kata, *"Okay, Malaysia may not be the democratic country like India tetapi dari segi itu adakah your democracy berjaya ataupun kami punya demokrasi berjaya. Sekarang Malaysia hanya 7% di bawah paras kemiskinan. Jadi, yang mana you mahu? Yang perut kosong ataupun yang meminta sedekah di tepi jalan?"* Selepas itu baru dia diam. Saya kata: *"Manusia ini yang utama ialah untuk menyara hidup dia, kesenangan dia, selepas itu baru you chase after the idealism sama ada demokrasi ataupun freedom. Kalau kita belum boleh menjamin ekonomi kita, belum jamin kekuatan sosial kita, belum jamin kekuatan kestabilan politik kita, soal idealisme politik adalah omong-omong kosong sahaja"*.

Jadi, bukanlah saya mempermainkan soal demokrasi, kebebasan dan sebagainya tetapi kita mesti tetap dengan pendirian kita sendiri dalam soal demokrasi, tetap dengan pendirian kita sendiri dalam soal kebebasan, kita tetap dengan garis panduan dan konsep undang-undang kita sendiri. Jadi, dalam keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada perbalahan ataupun perkecohan dengan tujuan undang-undang ini. Yang saya tanya tadi adalah sebagai satu maklumat sahaja atau hendak tahu sahaja adakah kita membuat ini oleh kerana kita melihat kita sendiri sebagai masyarakat antarabangsa yang ingin mewujudkan prasarana undang-undang untuk mewujudkan satu kemudahan peruntukan undang-undang untuk menangani masalah ini apabila berlaku di kalangan kita.

Alhamdulillah, Malaysia tidak menghadapi masalah-masalah sebagaimana yang dihadapi oleh masyarakat-masyarakat lain. Walaupun saya bersetuju seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani tadi iaitu negara kita semenjak tahun 1948 sampai 1962 di Semenanjung Malaysia menghadapi *emergency* oleh Komunis. Komunis yang banyak membunuh rakyat Malaysia, Komunis yang banyak menganiaya rakyat Malaysia terutama sekali daripada golongan-golongan polis. Jadi, Chin Peng hendak bawa balik, apa hal? Hendak bawa Chin Peng balik ke Malaysia, apa hal? Lepas bunuh beratus-ratus orang kita, anak, isteri orang dibunuh, *police station* dibakar, hendak bawa balik. Apa hal ini?

Jadi, selepas itu berlaku juga di Sarawak pada tahun 1962. Selepas habis di Semenanjung sambung pula di Sarawak dari tahun 1962 sampai 1974. Keadaan pun sama juga. Di Sarawak pun dia bakar orang, bunuh orang. Saya melihat sendiri. Anak buah dalam platun saya ditembak di hadapan saya. Saya dengar dan lihat darah mengalir daripada dadanya Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan dengar cerita orang tetapi saya lihat sendiri...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Depan mata saya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, di hadapan saya orang tertembak. Ada seorang anak muda bernama Meron, seorang Iban, sampai sekarang sembilan biji peluru masih dalam dada si Meron ini tidak boleh dikeluarkan pada tahun 1971 kerana tertembak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak payah sebut Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, apa pula kita hendak sibuk bawa Chin Peng balik?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Lupar, saya ingin mendapat sedikit pendapat Yang Berhormat mengenai kes keganasan yang dilakukan oleh Chin Peng dan baru-baru ini dua parti yang terbesar KeADILan dan juga PSM termasuk DAP yang telah pun mencadangkan supaya Chin Peng ini boleh dibawa masuk. Saya yang hairan, pertama kepada Pengerusi Parti KeADILan, seorang wanita. Biasanya seorang wanita itu dia amat kasihan terhadap berlakunya peristiwa-peristiwa yang menyayat hati dan mengerikan tetapi saya tidak tahu pandangan Yang Berhormat, macam mana boleh dia salah seorang yang menyokong dan memperjuangkan perkara ini.

Yang kedua, daripada DAP ini pula kebanyakan yang menyokong ini semua yang muda-muda, yang tidak tahu peristiwa yang berlaku itu dan juga kepada parti pembangkang yang lain. Jadi Yang Berhormat agak macam mana mereka ini boleh bertukar fikiran macam itu sekali. Boleh minta penjelasan sedikit?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada satu percakapan yang digunakan. Bila saya berjumpa dengan salah seorang Ahli Parlimen daripada DAP di luar, satu perkataan digunakan *more humanitarian*, katanya. Soalan *humanitarian* ini saya hendak sebut satu. Pada 1972, pada masa itu saya tidak ada lagi dalam platon komander. Saya jadi Pegawai Turus dalam Bilik Gerakan RASKOM di Sibul. Tiga hari sebelum itu kita telah diberi maklum bahawa banyak daripada kumpulan-kumpulan Komunis ini yang telah 'bertukar' tadah mengikut kerajaan....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Berpaling tadah.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Berpaling tadah menyokong kerajaan hendak balik ke rumah mereka sebab Tahun Baru Cina iaitu *family dinner* sebelum tahun baru ini. Jadi semua orang ini ditemui, dinasihatkan dan didesak oleh pihak *Special Branch* supaya jangan balik ke kampung mereka, ke rumah ibu bapa mereka makan *dinner* pada suatu petang sebelum Tahun Baru Cina itu.

Akan tetapi di antara berpuluh-puluh orang yang dinasihatkan itu, 14 orang balik ke rumah mereka masing-masing. Daripada pukul 5.30 petang, saya masih ingat, tidak boleh lupa kerana itulah pengalaman yang begitu menggerunkan pada saya. Daripada pukul 5.00 petang sampai pukul 12.00 tengah malam, kesemua yang 14 orang itu mati ditembak, ditarik di hadapan keluarga mereka dan di situ juga mereka ditembak dengan senapang dan dihentam dengan parang dengan begitu kejam sekali. Bahkan dia orang ini ialah.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ditembak oleh Komunis?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Komunis. Mereka ini sebenarnya bila dinasihatkan oleh polis, ada salah seorang daripadanya ialah adik kepada seorang Inspektor. Dia terlibat dengan Komunis, abangnya dalam perkhidmatan polis. Abang dia kata: "*Sekarang you sudah balik mengikut kerajaan, you sudah akur dengan kerajaan tetapi jangan balik makan dengan ibu bapa di Bidur*". Bidur ini dekat...

Seorang Ahli: Perak.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bukan... [Disampuk] Bedut - Sibul. Sungai Bidur di Sarikei. Dia kata: "*Semua orang dalam itu kawan saya. Semua kawan saya, saya tahu, dia tidak akan bunuh saya. Bagi saya peluang pulang malam ini pagi besok saya akan janji balik semula*". Dia balik juga. Bila dia balik, dia baru duduk, ditarik di belakang, disimpan dekat tepi pokok kelapa, ditembak tiga kali, tinggal. Inikah orang yang kita katakan berperikemanusiaan? 14 orang dalam masa 6 jam dibunuh oleh Komunis, *terrorist* ini.

Saya melihat sendiri. Saya melihat dalam masa 10 minit sekali maklumat-maklumat dari luar mengatakan yang ini terbunuh di sini, yang itu terbunuh di situ. Ini cara pembunuhannya. Ada yang ditusuk dengan parang, ada yang ditetak dengan macam-macam. Cukup kejam sekali. Jadi ini yang dibunuh 14 orang dalam masa enam jam ini, tidak seorang pun orang Melayu, tidak seorang pun Iban, tidak seorang pun bangsa lain, semuanya orang Cina...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Komunis bunuh?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Komunis bunuh!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Chin Peng yang bunuh.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tahun 1972.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang berpaling tadah itu?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha. Jadi apa yang dikatakan *humanitarian* ini. Kesalahan mereka ini hanya satu. Kesalahan mereka ini ialah mereka berpaling tadah daripada perjuangan Komunis mereka dan masuk menyokong kerajaan. Mereka balik ke pangkuan masyarakat. Jadi tidak payahlah soal...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hm, masa sudah cukup Yang Berhormat. Sambung besok Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.